Jilid IV
No. 39

Hari Selasa
20hb Februari, 1968

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5753]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketigabelas)—

Kepala² B. 42 hingga B. 46 dan Kepala² B. 48 hingga B. 55 [Ruangan 5786]

Kepala B. 47 [Ruangan 5798]

Kepala² B. 56 hingga B. 58 [Ruangan 5832]

Kepala B. 59 [Ruangan 5864]

Kepala B. 67 [Ruangan 5886]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 5851]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1969

PARLIMEN
MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Selasa, 20hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

" Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

" Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

" Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

" Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).

" Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

" Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).

" Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).

" Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

" TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

" TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

Yang Berhormat WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
„ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).
„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
" TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
" TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
" TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
" DR LIM CHONG EU (Tanjong).
" DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
" TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
" TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
" DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
" TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
" DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
" TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
" TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
" TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
" TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
" WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
" TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
" TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
" TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
" TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
" TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
" TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
" TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
" TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
" TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
" TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
" RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
" TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
" TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
" TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
" TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
" TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
" PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
" TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
" TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
" DR TAN CHEE KHOON (Batu).
" TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
" TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
" TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
„ Menteri Pengangkutan. Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
„ Menteri Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
„ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
„ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
„ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
„ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
„ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PERTANDINGAN MEMBACHA QUR'AN BAGI SEMUA NEGERI² ISLAM ASIA TENGAH

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor) bertanya kapada Perdana Menteri adakah Kerajaan akan menimbang membesarkan Pertandingan Membacha Qur'an supaya meliputi semua negeri² Islam Asia Tengah dengan tujuan sa-terus-nya menjadikan-nya satu pertandingan sa-dunia; dan jika ya, bagaimana-kah chara-nya menjimatkan perbelanjaan.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, negeri² Islam di-Asia Tengah bahkan di-seluroh Asia telah pun di-jemput mengambil bahagian di-dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Perengkat Antara-Bangsa semenjak beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi oleh sebab hal² yang tertentu ada di-antara mereka² itu telah tiada dapat datang.

Memang-lah telah menjadi tujuan Kerajaan kita daripada awal-nya hendak menjadikan Pertandingan Membacha Qur'an yang di-anjorkan oleh Malaysia ini sa-bagai sa-buah pertandingan sa-dunia, akan tetapi hal keadaan kewangan kita pada masa ini tidak membenarkan Kerajaan membuat demikian dan juga sa-bagaimana yang telah di-terangkan tadi, ada di-antara negeri² yang telah di-jemput itu tidak dapat dengan sebab² yang tertentu mengambil bahagian di-dalam bahagian di-dalam pertandingan ini.

Bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, Pertandingan² Membacha Qur'an Perengkat Kebangsaan

dan juga Perengkat Antara-Bangsa telah di-selenggarakan oleh suatu Jawatan-kuasa Pusat yang di-lantek oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri. Oleh itu terpulang-lah kapada kebijaksanaan Ahli² Jawatan-kuasa itu untok menjimatkan perbelanjaan² dan Kerajaan perchaya jika sampai masa-nya kelak Jawatan-kuasa itu akan dapat menchari jalan bagaimana chara-nya menjimatkan perbelanjaan untok mengadakan suatu pertandingan sa-dunia itu. Dalam pada itu sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara dan juga Ahli² Yang Berhormat yang lain ada apa² fikiran, pandangan, dan chadangan boleh-lah di-sampaikan kapada Jabatan Perdana Menteri supaya dapat-lah fikiran² itu di-kaji dan di-pertimbangkan oleh Jawatan-kuasa itu dan juga jika di-dapati sesuai dan menasabah akan di-jalankan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Pertandingan Membacha Qur'an ini merupakan satu service, atau pun satu perkhidmatan, bertanding membacha kitab suchi ugama, ada-kah Kerajaan kita bersedia akan mengadakan pula majlis pertandingan membacha kitab *bible* dan kitab buddha?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Jawapan-nya dia tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dengan hormat-nya; sebab itu saya tanya; kalau saya tahu saya tidak tanya. Saya minta-lah Menteri ini dengan segala senang hati tolong beritahu kapada saya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, jikalau perdirian Ahli Yang Berhormat itu dia mahu atau pun menchadangkan supaya pertandingan membacha *bible* di-adakan.

HONOURABLE MEMBERS: Betul!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya, tetapi saya di-tanya; jadi, saya minta ma'af. Sebab ini . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ada kadang kala jawapan itu lebeh betul lagi dengan pertanyaan juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sadikit lagi yang saya hendak tambah: bagini yang saya tanya, ia-itu pertandingan membacha Qur'an itu kitab suchi; kalau bagitu, ugama kita dalam negeri kita ini banyak. Kalau pertandingan membacha Qur'an ini Kerajaan buat keluar duit, orang² Keristian pula hendak membuat pertandingan membacha *bible*, orang Confucius pula hendak membacha kitab itu, ada-kah Kerajaan hendak berikan duit? Itu yang saya tanya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sa-takat ini belum ada permohonan; ini-lah saya hendak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu akan menyokong pertandingan saperti itu, atau pun tidak?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kesemua pertandingan itu saya hendak dengar; saya sokong kalau ada.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dia ini tidak akan di-pechat oleh PAS (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Masaalah ini tidak ada kena-mengena dengan PAS. Masaalah-nya "kalau"; sebab negeri ini demokrasi, tuan² sudah bagi lawan pertandingan Qur'an, kalau orang lain minta hendak lawan membacha kitab Confucius tidak bagi pula. Jadi, ini yang saya tanya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kalau dia mahu, dia hendak lawan saya membacha *bible*, saya terima. Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sekarang pertanyaan ini datang dari sa-belah sini, jawapan-nya sa-belah sini (*Ketawa*).

BILANGAN LAWATAN YANG TELAH DI-LAKUKAN OLEH KETUA² NEGARA/PERDANA MENTERI KA-MALAYSIA, TAHUN 1967

2. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Menteri Luar Negeri:

(*a*) berapa bilangan lawatan yang telah di-lakukan oleh Ketua² Negara/Perdana Menteri negeri² asing ka-Malaysia dalam tahun 1967, dan siapa-kah mereka;

(*b*) berapa jumlah wang yang di-belanjakan dalam tiap² lawatan;

(*c*) apa-kah faedah² sa-chara langsong atau tidak sa-chara langsong yang telah di-perolehi oleh Malaysia daripada lawatan² itu.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kapada (*a*) ia-lah tiga lawatan telah di-lakukan oleh Kepala² Negara atau pun Perdana Menteri² negeri² asing ka-Malaysia dalam tahun sudah. Lawatan² itu ia-lah daripada Tuan Yang Terutama President Republik German Bersekutu, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun dan juga Perdana Menteri Ceylon.

Jawapan kapada (*b*) untok lawatan Tuan Yang Terutama President Negeri German, jumlah wang yang di-belanjakan ia-lah $55,681. Perbelanjaan sa-banyak $31,670 telah di-belanjakan untok lawatan Perdana Menteri Jepun dan bagi lawatan Perdana Menteri Ceylon perbelanjaan sa-banyak $14,964.

Jawapan kapada (*c*) ia-lah lawatan yang di-buat oleh kedua² Perdana Menteri Negara² Jepun dan Ceylon itu sa-bagai lawatan tetangga antara saha-bat sa-Asia, sudah tentu merapatkan lagi tali persahabatan dan muhibbah antara kita dan Negara² Ceylon dan Jepun. Lawatan² saperti ini meluaskan lagi rumpun sahabat² kita di-serata dunia ini penting sa-kali, kerana di-dalam satu² masaalah antara bangsa saperti konfrantasi dahulu kita memer-lukan fahaman dan sokongan negara² lain dan jika tidak negara² yang ber-sahabat dengan kita tidak siapa yang akan menyokong dan membantu kita.

Lawatan Tuan President Negara Ger-man telah mengeratkan lagi tali per-sahabatan yang sedia terjalin di-antara kedua² negara Malaysia dan Republik German Bersekutu. Memang tidak da-pat di-nafikan bahawa image Malaysia telah bertambah baik lagi kerana lawa-tan² Ketua² Negara saperti ini telah membolehkan mereka melihat dengan sendiri-nya perkembangan² negara dan ini akan memberikan gambaran yang realistik tentang usaha² kita sa-kalian untok membangun negara kita. Bolehlah di-katakan juga bahawa pada tahun 1967 dengan ada-nya beberapa lawatan² muhibbah oleh beberapa Ketua² Negara dan Ketua² Kerajaan ka-Malaysia, nama dan kedudokan kita di-perengkat antara bangsa telah bertambah baik. Ini telah menguatkan lagi penerimaan negara kita sa-bagai sa-buah negara berdaulat mengambil tempat-nya di-wilayah international komiti. Faedah² langsong yang telah di-dapati oleh Malaysia daripada lawatan President German ini ia-lah Kerajaan Republik German Bersekutu telah bersetuju pada dasar-nya untok memberi bantuan ka-pada perkembangan Limbongan, atau pun deep water wharves di-Port Swet-tenham serta juga memberi bantuan untok menubohkan satu Sekolah Voca-tional di-Butterworth. Tentang Negara Jepun pula kita semua sedar bahawa Negara Jepun ia-lah negara termaju sa-kali di-Asia dan Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang sedang memba-ngun memerlukan bantuan wang, teknik, ilmu dan pengalaman dari Jepun.

Kita berharap di-masa yang akan datang ini, Negara Jepun akan ber-murah hati memberi serba bantuan dalam usaha pembangunan negara kita. Perasaan muhibbah dan perasaan per-sahabatan akibat lawatan Tun Sato ka-Malaysia ia-lah satu² jalan yang akan membolehkan kita mendapat bantuan² ini. Tun Sato telah memberi keterangan dengan jelas usaha² pembangunan kita yang beliau telah melihat dengan sendiri usaha² itu dan faham akan keperluan² kita.

Tuan Senanayake, waktu lawatan beliau ka-Malaysia dahulu telah meng-kaji kemungkinan² Ceylon menjadi anggota Asian. Jelas-lah bahawa beliau

telah datang dengan semangat berjiran dan bantu membantu. Tuan Senanayake telah melihat dengan sendiri ranchangan² pembangunan kita dan telah tertarek hati oleh usaha² kita. Beliau telah menyatakan bahawa Ceylon akan mengikuti chontoh Malaysia dengan mengadakan sa-buah bilek gerakan negara-nya sendiri. Ini ada-lah satu kemegahan bagi negara kita. Sa-lain daripada itu, akibat lawatan Tuan Senanayake dan akibat satu Persidangan Getah yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur waktu lawatan itu, Ceylon telah memberi sokongan penoh mereka kapada apa² juga usaha² Malaysia dalam soal menstablekan harga getah dan harga² barang mentah yang lain.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah saya dapat tahu apa-kah sudut² yang penting yang menyebabkan ada-nya perbezaan perbelanjaan sambutan bagi ketiga² lawatan pemimpin² negara daripada luar negeri itu, dan jika sa-kira-nya perbelanjaan itu di-asaskan kapada darjah atau pun kedudokan bagi negara tersebut, saya ingin juga mendapat tahu apa-kah lebeh-nya German Barat dari Jepun, dan apa-kah lebeh-nya Jepun daripada Ceylon, dan jika dengan sebab² kewangan saya ingin-lah tahu butir² dan kedudokan yang sa-benar-nya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan-nya sa-mata² kerana bilangan. Rombongan yang mengikuti tetamu² kita itu dari Ceylon bilangan-nya kechil, dari Jepun bilangan-nya besar dan harus juga daripada German bilangan-nya lebeh besar lagi daripada Jepun, saya lupa bilangan dia yang sa-benar; bukan kerana daripada segi kepentingan yang kita anggap terhadap sa-buah negara itu.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Hasil yang baik daripada lawatan² Ketua² Negara ini, ada-kah Kerajaan berchadang untok mengundang Ketua² Negara Kominis umpama-nya Russia?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, fasal ini belum ada, kerana sekarang sa-bagaimana kita sa-kalian telah ketahui, kita telah mengadakan perhubongan diplomatik dan jikalau Ketua² Negara itu ingin akan melihat negara kita, kita akan menyambut dengan baik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, berkait sa-bahagian daripada jawapan tadi ia-itu Ceylon berjanji akan menolong menstablekan kedudokan harga getah, kalau saya tidak silap; jadi, ada-kah ini bererti bahawa Kementerian Perdagangan kita telah membuat sa-suatu dengan negeri Ceylon untok mengubahkan kadar buffer stock, atau pun sa-bagai-nya jikalau tidak, apa-kah taksir atau pun erti menstablekan harga getah itu?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, masa-alah ini lebeh dapat di-jawab oleh rakan saya, Menteri Perdagangan dan Perusahaan—fasal buffer stock.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, may I have your permission to reply this? The setting up of a buffer stock is not the only way to stabilise the price of rubber.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, jika masaalah *buffer stock* tidak termasok di-dalam perkara ini, apa² erti menstablekan harga getah *stabilise the price of rubber, what is the meaning?*

Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, there are many ways to stabilise the price of rubber.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—boleh-kah cherita daripada satu *many ways* itu kapada saya, kerana saya . . . .

Dr Lim Swee Aun: One of the ways is to see that there is fair marketing (*Laughter*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang di-sebut itu, ada-kah Menteri kita men-jalankan sekarang?

Dr Lim Swee Aun: Sir, we had international conferences on this subject and there was an agreement on it. (*Laughter*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab soalan yang kedua itu tadi, saya tertarek hati yang mendatangkan banyak faedah kapada negara yang di-lawat dan juga mendatangkan faedah kapada negara. Bagaimana kita sedia ma'alum dalam masa yang tidak berapa lama lagi, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita akan melawat Indonesia. Ada-kah Kerajaan Malaysia ini juga akan mengundang Pemangku Ketua Negara Indonesia supaya melawat Malaysia ini?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sudah tahu; kita sudah dengar dalam surat khabar ada cha-dangan Pemangku Ketua Negara Indonesia akan melawat kita. Yang menjadi biasa-nya, jikalau sa-orang Perdana Menteri melawat sa-buah negeri yang lain dia mengundang Per-dana Menteri negeri itu untok melawat balek negeri-nya.

BILANGAN LAWATAN² DI-BAWAH PERUNTOKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Menteri Luar Negeri:

(*a*) berapa bilangan lawatan² ka-luar negeri yang telah dapat di-bawah Peruntokan Lawatan Sambil Belajar tahun lalu, dan berdasarkan laporan² yang di-sampaikan oleh rombongan² yang di-hantar ka-luar negeri, ada-kah di-antara-nya telah di-jadikan oleh Kerajaan sa-bagai chontoh perlaksanaan mana² projek dalam negeri ini, dan jika tidak, kenapa;

(*b*) berapa jumlah peruntokan bagi tiap² lawatan sambil belajar yang telah di-luluskan oleh Kerajaan.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, jawap-an kapada:

(*a*) ia-lah lawatan² keluar negeri yang di-selenggarakan oleh Kemente-rian Luar Negeri dalam tahun lalu ada-lah sa-banyak 4 lawatan saperti yang akan saya terangkan sekarang.

(i) Rombongan Badan Kesenian Melayu sa-ramai 20 orang ka-Bangkok dalam bulan Januari untok menunjokkan tarian² kebudayaan di-temasha Palang Merah yang di-adakan di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Ratu Thailand.

(ii) Rombongan Juara² Al-Quran dari Malaysia melawat ka-Sumatra Utara dari 4 hingga 25hb Jun.

(iii) Rombongan 4 orang dari per-tubohan Kebajikan Islam Malay-sia ka-persidangan Majlis Pusat Pertubohan Islam Asia-Afrika yang di-adakan di-Jakarta dari 30hb Jun hingga 2hb Julai.

(iv) Rombongan 9 orang ahli² sokan ka-Jakarta untok bertanding di-Temasha Sokan dalam bulan November.

Saperti yang ternyata daripada kenyataan² yang baharu saya berikan, ada pun tujuan besar lawatan² ini ia-lah membena muhibbah dan mengerat-kan hubongan Malaysia dengan negara² yang tersebut. Hanya lawatan oleh ahli sokan ka-Jakarta sahaja yang boleh di-sifatkan bertujuan menambah-kan pengalaman dalam lapangan sokan untok menghadapi pertandingan² yang lebeh besar.

Di-sini saya suka menyebutkan bahawa lawatan² yang tersebut ini ia-lah yang di-selenggarakan untok Kementerian Luar Negeri sahaja di-bawah ranchangan lawatan sambil belajar.

(*b*) Jumlah peruntokan bagi Kemen-terian ini untok semua lawatan keluar negeri dan juga lawatan² ka-negeri ini oleh dhif² yang di-jemput dari luar negeri ia-lah sa-banyak $93,349.

PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN MASHARAKAT

4. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu) bertanya kapada

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) berapa buah kampong dan berapa jumlah pendudok² yang mendapat faedah daripada Perkhidmatan² Pembangunan Masharakat di-dalam negeri ini;

(*b*) apa-kah perkhidmatan² yang diberi di-bawah tajok Perkhidmatan Pembangunan Masharakat;

(*c*) sa-takat ini berapa banyak wang yang telah di-belanjakan kerana perkhidmatan² yang tersebut di-atas.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini, nampak-nya, kurang faham atas konsep Pembangunan Masharakat kita. Yang sa-benar-nya Pembangunan Masharakat atau pun Pergerakan Pembangunan Masharakat ini tidak berasing daripada ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada mula-nya sa-lepas kemerdekaan, tugas tanggong-jawab, kewajipan melaksanakan, menjalankan pekerjaan ranchangan luar bandar ada-lah sa-mata² kewajipan tanggongan pehak Kerajaan. Tetapi sa-lepas beberapa tahun jalan-nya, ranchangan² ini di-dapati mustahak di-bawa pendudok², ra'ayat jelata mengambil bahagian yang penoh melaluï Pembangunan Masharakat ini supaya dapat tenaga, semangat mereka itu di-kerahkan untok bekerjasama dengan jalan bergotong royong melaksanakan dan menjalankan ranchangan² Kerajaan terhadap luar bandar dan pembangunan Negara.

Oleh itu dengan sa-chara langsong atau tidak langsong ka-semua pendudok² negeri ini telah mendapat menafa'at daripada projek² pembangunan yang telah di-selenggarakan semenjak 1961. Gerakan Maju yang dilancharkan dalam bulan Mach 1966 ada-lah bertujuan untok mendapat penyertaan masharakat yang berlebehan lagi dalam kegiatan² pembangunan dan di-dalam bidang gerakan maju sa-banyak 2,220 Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong telah di-tubohkan bagi meranchang dan menyelenggarakan projek² Pembangunan Masharakat yang bertujuan untok mendapatkan penyertaan yang sapenoh²-nya daripada ra'ayat supaya dengan ini mereka berpeluang menekmati kemudahan² daripada berbagai² ranchangan yang telah di-selenggarakan oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan² Lima Tahun dan Ranchangan Malaysia Yang Pertama Kerajaan.

Tentang soalan (*b*), Dato' Yang di-Pertua, mengikut konsep Pembangunan Masharakat kita, perkhidmatan Kerajaan keselurohan-nya terutama yang ada kaitan-nya dengan sa-chara langsong dengan perlaksanaan ranchangan² Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-lah di-anggapkan sa-bagai perkhidmatan Pembangunan Masharakat. Perkhidmatan² yang sangat terlibat dengan Pembangunan Masharakat ia-lah perkhidmatan² yang berhubong terus dan rapat dengan ra'ayat dan perkhidmatan² yang berkaitan dengan usaha² ra'ayat mendapatkan penyertaan yang bertujuan hendak memperkuatkan lagi semangat bergotong royong dan berdiri di-atas kaki sendiri.

Perkhidmatan² itu ada-lah di-ketahuï umum sa-bagai perkhidmatan lanjutan. Perkhidmatan itu termasok-lah perkhidmatan Pertanian, Sharikat Kerjasama, Pelajaran, Haiwan, Kesihatan, Belia dan Pelajaran Dewasa. Di-bawah ranchangan Gerakan Maju sekarang ini penyatuan perkhidmatan² tersebut terutama sa-kali di-peringkat² kampong ada-lah di-beri keutamaan.

Tentang soal (*c*), Dato' Yang di-Pertua, saya tidak-lah dapat menyatakan jumlah yang telah di-belanjakan atas perkhidmatan² yang di-sebutkan di-atas dalam erti kata Pembangunan Masharakat, kerana sa-bagai saya nyatakan tadi, ranchangan Pembangunan Masharakat di-negeri ini berasaskan dengan berchantum rapat dengan ranchangan² pembangunan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau hendak di-kata tidak faham pun saya-lah termasok satu orang yang tidak faham, kerana jawapan-nya itu terlampau bersifat falasafah—*too philosophical.* Yang di-maksudkan daripada pertanyaan ini ia-lah service—social service, bukan

Pembangunan Negara itu; kalau Pembangunan Negara itu semua orang tahu, ia-itu bahagian yang di-namakan service betul; ada pun berkenaan dengan yang ekonomik atau pun itu sudah termasok bagi ekonomik, ada hasil-nya; maka yang di-maksudkan di-sini ia-lah *community development* dari segi service-nya. Ada-kah termasok di-sini, atau pun Menteri Kesihatan, atau pun Menteri Kebajikan, yang itu-lah yang hendak di-ketahui-nya. Saya berasa hairan pula Menteri ini pergi menjawab-nya yang bukan kerja dia.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, bukan saya tidak faham atas soalan ini, tetapi dia tidak juga faham atas jawapan saya berikan baharu tadi. Yang saya katakan ini pembangunan; konsep Pembangunan Masharakat kita ini ada-lah bukan berasing daripada Ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar; ada-lah satu bahagian daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar kita, saperti saya katakan tadi ra'ayat di-pelawa, di-panggil bersama² untok bekerjasama dengan melaluï Pembangunan Masharakat kita ini supaya bekerjasama, di-kerah tenaga dan semangat-nya dengan chara bergotong royong membantu Kerajaan melaksanakan. Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Sudah 4 tahun saya dalam Dewan ini, hari ini baharu saya tidak boleh faham Menteri menjawab. Selalu-nya, saya faham. Yang di-maksudkan di-sini, ini bukan development; development itu ada yang berchorak ekonomik, bagitu bagini. Yang kita mahu ini social service yang di-tanya-nya. Kalau sa-kira-nya development, siapa yang tidak tahu pula; buku dia pun ada, saya pun masok sama menyokong itu; yang saya hendak ini ia-lah social service itu berapa banyak hasil yang kita dapat—itu yang hendak di-tanya-nya. Development semua orang nampak dengan mata. Jadi Menteri ini menjawab berkenaan development, berkenaan dengan service itu tidak di-jawab-nya. Jadi ini yang saya minta keterangan.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan tugas pembangunan masharakat kita ini ia-lah supaya membawa ra'ayat² dengan jalan pembangunan masharakat kita ini, community development ini, supaya bekerjasama memberi tenaga, pertolongan, bantuan kapada Kerajaan didalam Ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini sahaja yang di-buat oleh pembangunan masharakat kita, atau pun community development.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah saya minta penjelasan daripada Senior Minister tolong jawab supaya saya dapat faham, kalau boleh-lah, sebab saya tidak berpuas hati dengan jawapan itu, kalau boleh-lah, kalau tidak boleh pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga tidak faham, jadi saya mahu bertanya kapada Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, apa-kah perkhidmatan pembangunan masharakat itu berbentok satu kumpulan—group—yang tertentu yang di-letak di-bawah Pejabat Jajahan, Kementerian ini-kah atau pun kumpulan yang di-katakan pembangunan masharakat itu ada, tetapi tidak di-susun, atau pun itu di-lakukan oleh pegawai² yang menjadi anggota, atau pun Jawatan-kuasa Majlis Pembangunan Luar Bandar tiap² daerah. Jadi, dimana-kah dudok yang di-katakan perkhidmatan pembangunan masharakat ini dan siapa-kah yang mengerjakan tugas itu, apa-kah tugas itu di-sambilkan atau pun tugas itu ada satu kumpulan yang tertentu yang menjalankan saperti kempen untok mengadakan perkhidmatan masharakat dan memberi kerjasama?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum di-kampong² ada di-tubohkan satu pertubohan yang di-panggilkan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong. Didalam pertubohan ini ahli²-nya ada-lah

daripada orang² di-dalam kampong, umpama-nya, Ketua² Kampong yang menjadi perhubongan di-antara Kerajaan dengan orang² di-kampong berkenaan dengan segala ranchangan² yang di-jalankan di-kampong itu. Jadi, tugas Ahli² Jawatan-kuasa Kampong ini ia-lah memberitahu pehak Kerajaan segala kemahuan², tujuan² yang hendak di-jalankan di-kampong² dan juga menjadi perhubongan di-antara Kerajaan dengan ra'ayat dengan memberi keterangan², kenyataan² kapada ra'ayat² di-kampong di-mana mereka itu menjadi ahli atas ranchangan² yang di-jalankan oleh Kerajaan berkenaan dengan ranchangan² yang di-jalankan di-kampong itu.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya menanya-nya soalan ini, tetapi pada pendapat saya Menteri Muda yang menjawab itu saya perchaya telah keliru tentang pertanyaan saya.

Pertanyaan saya, yang saya suka hendak tahu, faedah yang dapat daripada pembangunan masharakat, bukan kapada Pembangunan Luar Bandar atau Rural Development, yang dapat memberi faedah kapada ra'ayat yang kata service yang di-beri oleh Kerajaan perchuma bukan mendapat untong—itu yang saya hendak tahu. Saya perchaya Menteri itu keliru tentang soalan saya.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan saya keliru. Yang Berhormat itu keliru atas tujuan pembangunan masharakat kita sa-bagaimana saya kata tadi, pembangunan masharakat bukan sa-bagaimana yang saya fikir, Yang Berhormat ini fikir ada-lah satu badan berasingan daripada ranchangan, atau pun pertubohan yang melaksanakan, menjalankan tugas ranchangan luar bandar; itu satu daripada bahagian daripada pergerakan, atau pertubohan yang melaksanakan ranchangan² luar bandar dan negara.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya pembangunan luar bandar itu membuka tanah menanam kelapa sawit, membuat jalan raya, kelas dewasa dan sa-bagai-nya. Yang saya hendak tahu faedah yang Kerajaan telah beri kapada ra'ayat untok pembangunan ra'ayat sendiri umpama-nya membuat jamban.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan Yang Berhormat tidak faham betul atas tujuan² Ranchangan Luar Bandar. Sa-bagaimana saya kata projek² yang berkaitan dengan perkara Ranchangan Luar Bandar ini banyak: membuka tanah yang saya kata tadi, klinik dan segala kemajuan² yang di-jalankan di-kampong².

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya salah sa-orang daripada Wakil Ra'ayat yang betul memahami atas jawapan daripada Menteri yang berkenaan, melainkan Ahli² daripada PAS yang hendak mengelirukan. Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, dalam jawapan Menteri . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah faham, tidak ada-lah soalan tambahan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi telah mengatakan Kerajaan ada menubohkan 2,200 Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong. Ini sangat baik, tetapi ada-kah Kementerian ini sedar bahawa sa-bilangan besar daripada Ahli² Jawatan-kuasa Kampong itu tidak memahami dan tidak mengetahui betul² atas dasar pembangunan negara dan luar bandar. Dari itu, ada-kah Kerajaan sedia hendak memberikan kursus kapada Ahli² Jawatan-kuasa Kampong yang sa-banyak ini yang pada masa sekarang hanya di-berikan kursus itu kapada Ketua Kampong sahaja.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Yang Berhormat dengar dalam masa saya membawa Anggaran Perbelanjaan bagi tahun ini, ada saya sebut bahawa ranchangan telah di-buat oleh Kerajaan mengadakan banyak lagi Kelas², Course, Seminar untok memberitahu orang² di-kampong terutama-nya sa-bagaimana Yang Berhormat kata tadi

orang² yang terkemuka di-dalam kampong sa-bagai Ketua² Kampong atas chara² perlaksanaan dan kejayaan Kerajaan di-dalam tugas²-nya berkenaan dengan ranchangan² di-kampong dan di-luar bandar.

TAJOK² SAPERTI "KEJATOHAN NILAI MATA WANG RAHMAT KAPADA RA'AYAT" DI-DALAM SURAT² KHABAR MALAYSIA

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa Kerajaan telah mengarahkan akhbar² tempatan supaya memuatkan tajok² berita saperti "Kejatohan Nilai Mata Wang Rahmat kapada Ra'ayat"; dan jika ya, apa-kah yang di-katakan "Rahmat" itu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan kapada Ahli Yang Berhormat bahawa surat² khabar Malaysia tidak pernah di-arah menerbitkan laporan yang ia sebut tadi. Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa ada kebebasan surat khabar dalam negeri ini dan surat² khabar mempunyai kebebasan penoh menerbitkan apa yang mereka fikir patut asalkan tidak melanggar undang².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa surat khabar itu boleh berbuat sa-suatu asalkan tidak melanggar dengan undang². Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ia-itu kalau ia tidak menyuroh ada-kah Kerajaan menyokong supaya di-muatkan berita yang sa-macham itu? Sebab bagini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di-tempat saya, tetapi di-tempat lain pun jatohnya harga wang ini menjadi satu kachau-bilau, kegelisahan, tiba² ditulis satu *blessing*, satu rahmat. Jadi, ra'ayat kata, "Di-mana rahmat, duit sa-ringgit menjadi kurang?" Jadi adakah Menteri ini sokong perbuatan menyiarkan macham itu, walau pun tidak melanggar undang².

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): In fact, I am not aware of the publication referred to by the Honourable Member and under those circumstances I clearly cannot say whether I support it or do not support it, because I have not seen it.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri tidak bagitu gemar dengan berita² yang macham itu . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bukan tidak gemar, dia tidak tahu sama sa-kali.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kalau tidak tahu, kalau sa-kira-nya perkara ini di-beri tahu, ada-kah Kerajaan hendak mengambil tindakan? Sebab bagini, Tuan Yang di-Pertua: orang pehak di-sini pun suka juga Yang Berhormat Menteri ini menjadi Menteri Kewangan, memandangkan kebolehan-nya itu; jadi, kalau berita² yang menjatohkan nama bagitu, ini sudah mengurangkan keperchayaan kami kapada Yang Berhormat Menteri.

Tun Tan Siew Sin: I think the Honourable Member will agree with me that we cannot hold the Government responsible for everything that is published in newspapers in this country.

MENAMBAHKAN HAD PENGECHUALIAN UNTOK CHUKAI PEMBANGUNAN

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan akan menimbang menambahkan Had Pengechualian untok chukai pembangunan yang kadarnya pada masa ini ia-lah $500, dan jika ya, bila.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi jawapan kapada pertanyaan ini di-dalam uchapan Belanjawan saya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah tolong terangkan sadikit, sebab pada masa itu saya sakit, saya tidak dengar. Fikirkan-lah kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

HASIL PERSEKUTUAN DI-SABAH DAN SARAWAK DAN PEMBAHAGIAN UNTOK PEMBANGUNANNYA (TAHUN 1966 DAN 1967)

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Kewangan:

(*a*) berapa jumlah hasil yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat di-Sabah dan di-Sarawak bagi tahun 1966 dan 1967;

(*b*) berapa peruntokan pembangunan di-beri kapada kedua² negeri dalam tahun² yang tersebut masing²-nya.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua (*a*) hasil Persekutuan di-Sabah pada tahun 1966 dan 1967 yang di-kutip oleh Kerajaan Pusat ada-lah $79.9 juta dan $104.5 juta. Angka² yang berbanding bagi Sarawak ada-lah $77.7 juta dan $79.3 juta.

(*b*) Pembahagian untok pembangunan di-Sabah dalam dua tahun itu ada-lah $36.7 juta dan $38.2 juta. Manakala angka yang berbanding bagi Sarawak ada-lah $62.2 juta dan $64.6 juta.

Ahli Yang Berhormat harus ingin mengambil perhatian bahawa dalam masa yang sama, Kerajaan Pusat juga membuat perbelanjaan biasa di-Sabah dan Sarawak berjumlah $80.2 juta dan $85.8 juta bagi Sabah, dan $105.4 juta dan $128.3 juta bagi Sarawak. Seterusnya, ia harus ingin mengambil perhatian bahawa bagi tiap² negeri perbelanjaan Kerajaan Persekutuan melebehi jumlah hasil yang di-pungut di-negeri Malaysia Timor. Bagi negeri Sabah kekurangan berjumlah $37 juta dalam tahun 1966, dan $19.5 juta dalam tahun 1967, manakala bagi negeri Sarawak, kekurangan berjumlah $92.9 juta bagi tahun 1966 dan $103.6 juta bagi tahun 1967.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit daripada jawapan dan angka² yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri, ada-kah perbelanjaan yang di-berikan itu lebeh daripada Jadual yang di-tetapkan yang di-beri kapada Sabah dan Sarawak itu?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jika ya, ada-kah ini merupakan pendahuluan atau pun Kerajaan tidak dapat menjaga steering perbelanjaan atau pun merupakan satu social service kapada Sabah dan Sarawak?

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): I think the Honourable Member will observe from the figures which I have given that the outturn which has taken place is inevitable, if we want to accelerate development in the East Malaysian States. By and large, the amounts which have been provided for the two States have been provided in the form of grants and it will therefore be seen, as I have stated in this House and outside this House, that the Central Government has, I think, done as much for the two East Malaysian States as it can possibly do.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan jawapan itu, tetapi yang saya hendak bertanya daripada tadi lagi, ia-itu berbangkit daripada jawapan itu Kerajaan sudah mengaku bahawa wang yang di-beri itu sudah lebeh daripada yang di-jadualkan dan kalau bagitu ada-kah ini merupakan Kerajaan tidak dapat mengawal kedudokan itu, atau pun ini merupakan satu service, atau pun advance kapada negara itu; ada pun masaalah Kerajaan hendak menolong membuat itu tidak berbangkit di-situ. Saya tidak object di-situ saya object mengapa duit ini di-lebehkan daripada yang di-jadualkan.

Tun Tan Siew Sin: I think we are doing what we can to control expenditure in these two States and we can, of course, narrow the gap, between expenditure and revenue, by increasing taxation in these two States. As the Honourable Member will know, that is a very touchy subject in so far as the Honourable Members who represent these two States are concerned.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan

sudah buat commitment dan merupakan ini satu precedent di-Sabah dan Sarawak, maka ada-kah Kerajaan juga akan melajakkan pembahagian itu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Itu yang saya hendak bertanya, ada-kah Kerajaan hendak beri juga Kelantan dan Trengganu?

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): May I ask the Honourable Minister, whilst complimenting him on the very clear statement in respect of our revenue and expenditure on development in Sabah and Sarawak, is it the customary practice of the Treasury to be so explicitly clear on the revenues from the various States in Malaysia, or is it specific only for Sarawak and Sabah?

Tun Tan Siew Sin: I think it is easier to be more specific in regard to the two East Malaysian States of Sarawak and Sabah than it would be in the case of West Malaysian States, because until now income tax collection has been in two parts, that is, one for West Malaysia and one for East Malaysia. In regard to the West Malaysian States, it would be rather difficult, for example, to allocate the income tax yield for each State because the collection is on a Pan-West Malaysian basis.

Dr Lim Chong Eu: In view of what we have read in the newspapers, the comment by the Honourable Minister about the anticipated new look in the Treasury's budget representation next year, can the Honourable Minister tell us whether it will really be impossible, or it is just a matter of difficulty, to make statements of revenue and expenditure regarding the States in West Malaysia as explicit as those in relation to the States in East Malaysia?

Tun Tan Siew Sin: In regard to West Malaysia, we can say that it would be practically impossible. I can give one instance, say, Customs collection. Goods which are landed at Penang or Butterworth are not, as the Honourable Member will appreciate, necessarily intended for consumption in those two places. For example, a tin of sardines landed in Butterworth may eventually find its way to Kuala Lumpur and the Customs would have no means of checking, except by a very cumbersome administrative procedure, or determining the final destination of these goods.

PERKHIDMATAN KILANG PADI BERGERAK DAN CHUKAI JALAN UNTOK PENGANGKUTAN-NYA

8. Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan) bertanya kapada Menteri Pengangkutan:

(*a*) ada-kah benar bahawa perkhidmatan kilang padi bergerak perchuma telah di-rentikan dan bayaran sa-banyak $120 sa-tahun di-kenakan pula;

(*b*) ada-kah benar bahawa chukai jalan bagi Sharikat² Kerjasama Kilang Padi di-Melaka telah di-naikkan daripada $20 kapada $50 sa-tahun, dan jika benar, ada-kah dia sedar bahawa chukai yang di-kenakan ka-atas Sharikat² Kerjasama ini sa-olah² hendak mematikan sharikat² itu.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini bagi pehak Menteri Pengangkutan. Jawapan kapada soal:

(*a*) Tidak-lah ada perkhidmatan kilang padi bergerak perchuma semenjak dari dahulu lagi. Kedudokan yang sa-benar-nya ia-lah bahawa mulaï dari bulan Januari 1966 segala jenis lesen pengangkutan (Carriers Licence) telah di-kenakan bayaran sa-banyak $10 sa-bulan atau $120 sa-tahun pada tiap² satu mengikut peratoran Kereta² Motor (Commercial Transport) L.N. 465/65. Ini meliputi-lah juga bayaran ka-atas lesen pengangkutan yang di-punyaï oleh kilang² padi bergerak itu.

Jawapan kapada soalan:

(*b*) Bayaran chukai jalan bagi terektor (land tractor) atau trailer telah di-kenakan sa-banyak $20 sa-tahun bagi tiap² buah, semenjak tahun 1958 lagi, tetapi bayaran

ini telah di-naikkan kapada $50 sa-tahun mulai dari bulan Januari 1967 mengikut L. N. No. 48/67. Kenaikan bayaran lesen ini bukan-lah terhad kapada Sharikat Kerjasama Kilang Padi sahaja tetapi ada-lah di-kenakan kapada semua gulongan land tractor/trailer sa-rupa ini yang di-gunakan untok tujuan pertanian (agricultural tractor/trailer). Sayugia di-nyatakan bahawa bayaran sa-banyak $50 sa-tahun itu ada-lah bayaran yang telah murah (concessional rates) bagi gulongan land tractor/trailer sa-rupa ini.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan sa-mula, kerana surat daripada Pesurohjaya Pengangkutan yang bertarikh pada 20hb April, 1965 (RT 30A Tahun 1954) mengatakan ia-itu berhubong dengan soalan (*a*) ini kita tidak kena bayaran.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampaikan permintaan Ahli Yang Berhormat itu kapada Menteri yang berkenaan.

MENUBOHKAN SA-BUAH FAKULTI ILMU POLITIK DAN POLITIK DI-UNIVERSITI MALAYA

9. Tuan Abdul Karim bin Abu bertanya kapada Menteri Pelajaran:

(*a*) jika dia akan menimbang menubohkan sa-buah Fakulti Ilmu Politik di-Universiti Malaya;

(*b*) ada-kah dia sedar bahawa beberapa orang pensharah Universiti itu memegang jawatan penting dalam parti² politik yang tertentu, dan jika sedar, tidak-kah hal ini akan menyentoh taraf Universiti itu; dan

(*c*) apa-kah tindakan dia akan ambil terhadap pensharah² yang lanchang itu.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

(*a*) Perkara ini akan di-timbangkan oleh Majlis Pelajaran Tinggi apabila Majlis itu di-tubohkan oleh Kerajaan kelak mengikut shor Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi.

(*b*) Kaki-tangan Akademi Universiti, saperti warganegara² lain dalam negara demokrasi kita ini, tidak di-sekat dari menjadi ahli parti² politik dengan sharat kegiatan² mereka tidak mengganggu tugas² mereka di-Universiti dan tidak menimbulkan anchaman kapada keselamatan negara.

(*c*) Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, Kerajaan Perikatan ada-lah berpegang kapada kebebasan berchakap bagi sa-saorang itu saperti yang termaktub di-dalam Perlembagaan. Oleh hal yang demikian Kerajaan tidak berniat untok mengambil tindakan terhadap pensharah² yang di-katakan-nya lanchang itu, jika ada, atau pun terhadap sa-siapa sahaja kerana menyuarakan apa sahaja yang ia suka dengan sharat tidak melanggar undang².

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri akan mengalu²kan kira-nya pensharah² Universiti yang saya katakan ini akan mengambil bahagian bertanding dalam Pilehanraya tahun 1969 nanti?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia ini sa-bagai mengikut dasar demokrasi. Jadi sa-siapa ada nama-nya dalam daftar pilehanraya berhak mengambil bahagian politik dengan bertanding dalam pilehanraya di-mana² tempat pun di-dalam Negeri kita.

Tuan Ahmad bin Arshad: Atas jawapan Yang Berhormat Menteri Muda kita tadi berhubong dengan kebebasan pensharah² kita itu, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa dengan keadaan demikian pensharah² kita di-Universiti sana ada dua gulongan—satu gulongan kiri dan satu gulongan kanan. Dengan ada-nya gulongan yang sa-umpama ini tidak-kah Kementerian sedar juga bahawa akan mengalirkan dua gulongan kapada mahasiswa² kita, dan dengan ini tidak-kah Kementerian

memikirkan boleh merosakkan pelajaran mahasiswa kita itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu negara demokrasi memang ada gulongan kiri dan gulongan kanan dan juga ada gulongan² tengah. Jadi, Kerajaan kita telah mengikut apa fikiran yang sesuai pada satu² orang, akan tetapi tiap² ahli warganegara ini tidak boleh melanggar undang² atau keselamatan negara. Jika orang itu chondong ka-kiri atau kanan, itu melanggar undang² keselamatan negara kita, memang-lah Kementerian kita akan mengambil tindakan yang keras.

Tuan Ahmad bin Arshad: Berhubong dengan Universiti juga, saya ingin tahu bahawa Pengetua Pengajian Bahasa Melayu di-Universiti kita ia-itu Professor Takdir Ali Shahbana kita yang akan meletakkan jawatan dengan sebab habis konterek, memandangkan mustahak-nya Pengajian Bahasa Melayu ini, tidak-kah Kementerian ini atau Lembaga Universiti itu dapat menimbangkan supaya Pak Takdir ini di-hubongi di-lanjutkan sa-mula perkhidmatan-nya di-Universiti kita dua tiga tahun lagi?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Jika sa-siapa professor, atau pensharah, meletakkan jawatan, itu ada kebebasan. Jadi, kita tidak boleh paksa kapada sa-siapa pensharah itu mesti mengajar dalam Universiti.

Tuan Ahmad bin Arshad: Jika Pak Takdir ini hendak melanjutkan jawatan-nya sa-mula, sedia-kah Kementerian ini menimbangkan?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh-lah dapat timbangkan.

MENGHARAMKAN BILEK DAN DEWAN SHARAHAN UNIVERSITI DARIPADA SA-BAGAI TEMPAT BERPOLITIK

10. Tuan Abdul Karim bin Abu bertanya kapada Menteri Pelajaran:

(*a*) ada-kah dia akan menimbang mengharamkan bilek dan dewan sharahan universiti dan sekolah daripada di-gunakan sa-bagai tempat berpolitik;

(*b*) ada-kah dia sedar bahawa penuntut² telah di-jadikan alat oleh sa-tengah² badan politik, dan jika sedar, apa-kah tindakan dia akan ambil atas perkara ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kapada satu soalan bertulis oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar pada sidang bulan November lalu. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan kapada Dewan ini berkenaan dasar Kerajaan untok tujuan² politik ka-atas penggunaan bangunan sekolah. Mengikut dasar ini, dewan² sekolah boleh di-gunakan oleh parti² politik untok tujuan² politik *dengan sharat mereka mematohi kehendak undang²*. Pada hari ini kedudokan perkara itu maseh tidak berubah. Akan tetapi, saya tidak akan teragak² untok menimbang mengharamkan penggunaan dewan² sekolah untok forum² politik apabila diperlukan. Berhubong dengan Universiti pula, keadaan-nya adalah berbeza oleh kerana Universiti ada-lah sa-buah badan yang autonomous. Akan tetapi, pehak Universiti telah menjelaskan kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dasar-nya mengenai perkara ini ia-itu pehak-nya tidak ada apa² halangan bagi persatuan penuntut²-nya mengelolakan cheramah, forum atau perbahathan atas tajok² politik tetapi tidak akan membenarkan pertubohan² luar menggunakan kawasan Universiti itu bagi tujuan² politik atau bagi menyebarkan propaganda politik.

(*b*) Saya memang sedar tentang adanya murid² sekolah yang digunakan oleh beberapa pertubohan politik yang tertentu untok faedah mereka sendiri. Mengikut undang² dan peratoran yang ada, penuntut² tidak di-benarkan mengambil bahagian dalam politik. Oleh hal yang demikian, tindakan

telah di-ambil untok menghukum mereka yang melanggar larangan itu dari masa ka-masa dan mengikut undang². Bagi pemegang² biasiswa Kerajaan pula, biasiswa² mereka boleh di-berhentikan.

(Tempoh Pertanyaan Mulut telah chukup dan jawapan kapada Pertanyaan² No. 11 sampai No. 17 ada-lah di-beri di-bawah ini).

CONTINUATION OF EDUCATION FOR STUDENTS WHO FAILED IN L.C.E. AND H.S.C. ENTRANCE EXAMINATIONS

11. Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*) asks the Minister of Education to inform this House what plans he has made to provide those who failed the L.C.E. and the H.S.C. entrance Examinations with a further opportunity of Education:

(*a*) within the Government system

(*b*) in the private schools.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari):

(*a*) (i) *Lower Certificate of Education*—For the L.C.E. Examination 1967, those candidates with Grade B who obtained 35 or 36 units in the aggregate can now be promoted. Those with aggregates of between 37 to 40 units can be considered for admission to vocational schools. If they do not wish to be admitted to vocational schools they are eligible for retention in Form III in 1968 if they are of correct age.

Those candidates with Grade C who have obtained a pass in any 7 subjects will also be eligible for consideration for retention in Form III if they are of correct age. There are also facilities for those who cannot be retained to join the Further Education Classes to continue their education. These candidates may sit for the Qualifying Test in 1968 and if successful, they will be eligible to enter for the SC/MCE Examination in 1969.

(ii) *Sixth Form Entrance Examination, 1967*—Those candidates who were not successful in the recent examination may apply for admission to Lower Sixth Form classes in March this year when the results of the SC/MCE Examinations are known. There are provisions for admitting candidates who achieve good results in the SC/MCE Examinations. Those who are unable to gain admissions in this "second intake" may join Further Education Classes and prepare themselves for the Higher School Certificate Examination.

(*b*) Private schools are planned by their own management to provide facilities for their pupils.

They are, however, allowed to take any public examination in our system of education provided they have the minimum requirements as stated in the examination regulations.

Candidates from Private Schools do not sit for the Sixth Form Entrance Examination.

12. Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*) asks the Minister of Education to inform the House:

(*a*) as to what measures he has taken, either through his own Ministry or in conjunction with other Ministries, to collate this sudden flux or failed L.C.E. or H.S.C. entrance citizens with the employment requirements of Government and of the private sector.

(*b*) whether his Ministry has any plans to assist these pupils in getting suitable jobs in view of the "unexpectedly harsh" results of these first computerised examinations.

(*c*) what will the financial commitments amount to in order to made these pupils fit for the jobs available to them.

(*d*) what is the view of the Ministry on the growing numbers of educated jobless citizens.

Tuan Mohamed Khir Johari:

(*a*) As I have told the Honourable Member in an answer to his oral question earlier on, this so-called sudden flux of failed L.C.E. or H.S.C. entrance students is not abnormal or unexpected as this happens every year. As such, plans and measures have always been taken from time to time both in the short and in the long term to provide employment for them in the public and the private sectors. Our development and industrialisation programmes are all geared towards giving more employment for our citizens. As far as failed L.C.E. or H.S.C. Entrance candidates are concerned, there is always room for them to get absorbed into the current labour market in jobs commensurate with their academic qualifications and ability.

(*b*) As I have stated earlier, to regard this year L.C.E. and H.S.C. Entrance Examination results as "unexpectedly harsh" is misleading. Plans are however, being drawn up with other Ministries to help our citizens to get employment.

(*c*) It will be difficult to isolate actual costs involved in order to make these school leavers suitable for jobs available, for apart from educational and vocational training facilities provided under the comprehensive system of education, no additional qualifications are deemed to be necessary for a more rapid absorption of the school leavers, into the Governmental and private sectors.

(*d*) The view of the Ministry is that as the country develops, the employment requirements demands a higher academic qualifications from its potential employees and as such, the citizens themselves must realise that they cannot afford to be choosy in their jobs. The Government has done a social responsibility to its young citizens, not only by providing free primary education but also an extra three years of lower secondary education and it is up to them now to look after themselves and fit into the development programmes of the Government.

RUMAH SAKIT DI-TANGKAK

13. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah Kementerian beliau sedar bahawa rumah sakit yang ada sekarang ini di-Tangkak sudah burok dan sempit dan menyebabkan beberapa kesulitan kapada pegawai² rumah sakit itu juga orang ramai, dan jika demikian, apa-kah yang di-lakukan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama terhadap rumah sakit itu.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin) (*dengan izin*): The District Hospital, Tangkak, is neither small nor dilapidated. It has 120 beds of which the daily average number of in-patients is 85 only.

Improvements at a total cost of $40,500 have been carried out to provide larger out-patient waiting area with public lavatories, better kitchen and stores facilities and an X-ray Department. The old Mortuary is now being replaced with a new building estimated to cost $55,000. This improvement when completed, should cause no further inconvenience to hospital officials and patients.

KEKURANGAN DOKTOR DI-KAWASAN MUAR

14. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa di-kawasan Muar yang mempunyai pendudok² hampir suku juta orang berkurangan doktor, dan jika demikian, ada-kah beliau berchadang untok menambahkan lagi bilangan² doktor bagi daerah ini.

Tuan Bahaman bin Samsudin (*dengan izin*): At present there are 3 experts and 5 medical officers at the Government Hospital, Muar, and one medical

officer at Tangkak, one health officer and three dental officers. The number of these officers is certainly not adequate to serve quarter of a million people. These officers are increased from time to time according to their availability as our country is still short of medical officers at present. For information, in 1962 Muar district has three medical officers only—2 in Muar and 1 in Tangkak. This clearly shows that the Government has increased the number of medical officers in this area.

DAGING BABI DI-SAJIKAN DI-PUSAT² LATEHAN JURU-RAWAT—PENYIASATAN

15. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan adakah Kementerian beliau sedar bahawa di-pusat² latehan jururawat² dan pembantu² rumah sakit di-negeri Johor, ada di-sajikan daging babi. Jika demikian, ada-kah ini menjadi perkara biasa, dan jika tidak, ada-kah Kementerian beliau berchadang untok menyiasat tentang perkara ini.

Tuan Bahaman bin Samsudin (*dengan izin*): Pork is cooked at the big nurses' hostel as in Johore Bahru, where there are two separate kitchens, one for Muslims and the other for non-Muslims.

At the small hostels where there is only one kitchen, pork is not cooked there.

TINDAKAN UNTOK SIMPANAN TANAH

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kapada Menteri Tanah dan Galian apa-kah tindakan yang Kerajaan telah ambil untok menentukan supaya simpanan tanah di-jalankan, terutama sekali dengan kerana orang² mengambil bahagian dalam lapangan lombong dan kayu balak telah bertambah banyak; berapa jumlah ekar tanah hingga sekarang yang telah di-jalankan tindakan untok simpanan jika di-bandingkan dengan jumlah luas tanah yang di-luluskan kerana lombong dan perusahaan kayu balak.

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Dalam lapangan perlombongan, Kerajaan tidak dapat mengambil apa² langkah untok mengenakan sharat bagi pemeliharaan tanah-tani (soil conservation) kerana sharat² yang demikian ada-lah berlawanan sama sekali dengan kerja² melombong dan tidak dapat di-laksanakan dengan sempurna-nya. Ini di-sebabkan bijeh timah dalam negeri ini kebanyakkan-nya terkandong di-dalam tanah lanar (alluvial) dan tanah-tani. Sharat ini sesuai di-gunakan jika kandongan bijeh timah di-dapati di-dalam lode yang selalu dudok-nya beratus kaki dalam perut bumi.

Kerja² penebangan dalam kawasan hutan untok menghasilkan perusahaan kayu balak tidak memberi kesan burok kapada tanah-tani (soil) kerana penebangan itu di-lakukan mengikut atoran² dan ranchangan yang tertentu dan di-ikuti pula dengan ranchangan silviculture yang mana kesemua-nya ada-lah mengelokkan lagi keadaan tanah-tani.

TAMBAHAN HASIL MAKANAN (1960-1967)

17. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama:

(*a*) berapa banyak bertambah hasil makanan saperti beras, semenjak dia mengambil aleh urusan Kementerian ini dan mengujudkan beberapa chara baharu untok mengeluarkan hasil terutama sekali pada baka baharu yang boleh di-tuai dua kali dan kadang² tiga kali sa-tahun;

(*b*) apa persiapan yang telah di-buat untok membahagi²kan padi itu di-kawasan², dan apa-kah faedah yang petani² perolehi daripada-nya—mithal-nya peratusan penanam² padi yang telah memulakan tanaman padi baharu ini, jika di-bandingkan dengan jumlah bilangan penanam² padi di-seluroh negeri, terutama sekali di-Malaysia Barat;

(*c*) berapa jumlah luas tanah pertanian yang di-tempatkan di-bawah ranchangan perayeran,

terutama sekali daripada tahun 1960 hingga sekarang.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi) (*dengan izin*):

(*a*) The overall agricultural production increased by 4.8 per cent per annum between 1960 and 1965. For padi, the annual rate of increase was 2.3% over the same period. For the First Malaysia Plan period the production target for padi is 7.6 per cent increase per year.

The production of padi from 1963 to 1966 is as follows:

Year		Padi Production (in tons)
1963/64	...	733,918
1964/65	...	877,948
1965/66	...	899,468
1966/67	...	754,428

(*b*) Under the Second Five-Year Plan and the First Malaysia Plan, the Minister of Agriculture and Co-operatives has a padi seed multiplication and distribution scheme to produce and distribute high-yielding recommended padi varieties to the farmers throughout West Malaysia. The production and distribution of padi Anak Naga seed comes under this scheme which distributed 471,350 gantangs of selected seed in the 1960/65 period and 138,800 gantangs in 1966 and 1967. It is assumed that the Honourable Member's specific question refers to padi Ria. At present there is no shortage of padi Ria seed to meet the requirements of any padi planter who wishes to plant this new variety. However, it is not possible to indicate the percentage of padi planters who are growing padi Ria, but according to field reports more than 6,000 acres of padi Ria were planted during 1967 double-cropping season.

(*c*) The total acreage of agricultural land being placed under irrigation schemes is 256,031 acres.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketigabelas).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-Kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala² B. 42 hingga B. 46 dan Kepala² B. 48 hingga B. 55 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, bagi permulaan saya ingin menguchapkan sa-tinggi terima kaseh atas pandangan Ahli² Yang Berhormat terhadap Kementerian² di-bawah jagaan saya. Pertama sa-kali saya ingin memberi jawapan kapada tegoran² yang telah di-beri terhadap Kementerian Ke'adilan.

Jawapan kapada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara berkenaan dengan yang kena tudoh tidak di-benarkan dudok ia-lah, bukan-nya sa-panjang masa perbicharaan itu berjalan orang yang kena tudoh itu mesti berdiri. Dia chuma di-kehendaki berdiri apabila tudohan terhadap-nya di-bacha pada-nya, atau pun apabila Tuan Hakim Mahkamah, atau Mejis-teret itu berchakap dengan-nya. Bagi masa yang lain dia di-benarkan dudok dan sa-benar-nya biasa kerusi ada di-sediakan untok yang kena tudoh itu dudok.

Ahli Yang Berhormat itu juga berchadang supaya di-tubohkan sa-buah Mahkamah Tinggi bagi menyelesaikan kes² berhubong dengan keselamatan dalam negeri Malaysia, Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan chadangan ini, kerana saya rasa Mahkamah² yang ada ini mempunyai keperchayaan yang penoh daripada seluroh ra'ayat untok menyelesaikan kes² jenayah dengan apa jua rupa,

atau pun jenis kesalahan itu. Jikalau ada sa-orang yang telah kena tudoh oleh sebab melakukan perbuatan yang mengancham keselamatan dalam negeri, maka mahkamah² kita yang ada dalam negeri sekarang pada masa ini yang mempunyaï kuasa yang tertentu boleh menjalankan ke'adilan dan memberi hukuman yang di-tetapkan oleh Undang². Kita tidak mahu negara kita di-tudoh oleh orang mempunyaï satu sistem yang tertentu saperti sistem di-dalam negeri² komunis, atau pun negeri² yang berchorak dictatorship.

Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Utara telah menerangkan bahawa negara kita sangat² kekurangan Hakim² dan Mejisteret² oleh sebab itu kes² dalam negara kita selalu lambat di-selesaikan, ada kala-nya tiga bulan dan ada kala-nya dua tahun. Jikalau satu kes itu boleh di-selesaikan dalam masa tiga bulan, atau pun empat bulan daripada segi standard seluroh dunia ini merupakan satu sistem yang baik sa-kali, kerana sa-tahu saya di-mana negeri pun yang mengamalkan sistem demokrasi saperti kita ini, kalau kes itu boleh di-bicharakan enam bulan, lapan bulan, itu boleh dikatakan sudah chepat. Bagaimana pun Mejisteret² kita sekarang sedang menjalankan tugas dengan sa-penoh-nya sunggoh-pun Mejisteret² kita kekurangan, tetapi mereka telah berusaha dan bekerja dengan chukup giat dan chukup tekun dan dengan hal yang demikian tidak bagitu banyak kes² yang tinggal sampai bertahun² baharu-lah dapat di-selesaikan. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu dapat lihat daripada Kepala Perbekalan yang berkenaan Butiran (21) pada tahun ini kita berchadang hendak menambahkan bilangan Mejisteret² kita. Saya bersetuju bahawa harus juga kita berpendapat gaji² Hakim, gaji Mejisteret² kita tidak bagitu menchukupi—kechil, tetapi, Tuan Pengerusi, gaji² bagi pegawai² Kerajaan termasok Mejisteret ini hendak-lah di-kaji daripada seluroh service di-dalam Kerajaan, tidak-lah dapat kita mengkaji dengan sa-chara berasingan.

Berkenaan dengan Bangunan² Mahkamah yang menurut fahaman beliau tidak sesuai lagi untok di-gunakan sa-bagai sa-buah mahkamah. Kementerian saya berusaha di-bawah Ranchangan Pembangunan untok membaiki mahkamah² yang burok, mahkamah² yang tidak dapat di-gunakan lagi. Oleh sebab saya akan beruchap lagi dalam perkara ini dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunaan,. maka saya tidak akan memberi penjelasan yang lanjut.

Saya mengaku bahawa mahkamah² kita dalam Malaysia ini kekurangan buku undang². Itu-lah sebab tiap² tahun Kementerian saya meminta tambahan bagi peruntokan untok membeli buku undang². Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara itu tambahan kapada $30,000 yang di-peruntokkan dalam Perbekalan yang berkenaan ini tidak menchukupi, tetapi sa-bagai sa-buah Kerajaan kita hendak-lah memikirkan kepentingan² yang lain juga. Pada keselurohan-nya saya rasa Kementerian Ke'adilan telah menerima timbangan yang chukup baik daripada pehak Perbendaharaan.

Chadangan supaya di-adakan Peguambela perchuma untok membela orang² yang kena tudoh yang tidak mampu untok mengambil Peguambela² luar telah lama di-kaji oleh Kerajaan dan pada masa ini satu kertas Jema'ah Menteri sedang di-sediakan berkenaan dengan perbelanjaan² yang akan terpaksa di-belanjakan, jikalau kita menubohkan sa-buah jabatan ini. Sa-benar-nya dalam tahun 1966, atau pun tahun 1967 saya telah memberi satu penerangan di-dalam Dewan ini berkenaan dengan perkara ini, kita terpaksa mulakan dengan dua tiga orang, harus-nya peguam² yang akan di-letakkan di-bawah jagaan Peguam Negara kita. Chadangan yang awal sa-kali yang di-buat oleh Jawatankuasa merupakan satu chadangan yang comprehensive menubohkan satu Legal Aid Bureau dan pada ketika ini saya rasa tidak perlu dan akan memakan belanja yang bagitu besar, maka terpaksa-lah perkara ini di-kaji samula dan sa-bagaimana yang baharu saya nyatakan tadi satu kertas Jema'ah Menteri sedang di-sediakan dan Jema'ah Menteri akan di-minta menimbangkan perkara ini tidak berapa lama lagi.

Sunggoh pun demikian, kita tidak mempunyaï satu bureau untok membela orang² yang tidak mempunyaï wang yang chukup bagi mengambil peguambela² luar, namun jika sa-orang yang kena tudoh, atau mithal-nya di-tudoh dengan kes pembunohan, atau pun kes² besar yang lain, Kerajaan selalu membantu dengan wang peruntokan yang ada di-bawah Jabatan Peguam Negara supaya yang kena tudoh itu dapat bantuan mengambil peguambela luar, perbelanjaan-nya di-bayar oleh Kerajaan. Ini telah berlaku di-dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan telah menchadangkan supaya kuasa Mahkamah² Tengah dan Mahkamah² Mejisteret di-tambahkan bukan sahaja dalam lapangan kes² mal bahkan juga dalam kes² jenayah.

Dalam akhbar kita telah membacha satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Hakim Besar kita, ia-itu satu chadangan daripada beliau supaya kuasa² President Mahkamah Tengah itu di-tambahkan. Apa yang sedang di-jalankan pada masa ini ia-lah tindakan di-ambil pada masa ini ia-lah fahaman² daripada Hakim² dan Mejisteret sedang di-ambil dalam perkara ini sa-telah fahaman² itu kata terima, kita kaji, perkara itu akan di-bawa oleh Jema'ah Menteri untok di-timbangkan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada masa ini buku undang² lama tidak ada di-jual. Jabatan Peguam Negara telah mendapat peruntokan tanda (token vote) pada tahun ini untok maksud ini sa-mata² dengan tujuan supaya dapat menchetak sa-mula buku² itu.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu harus ketahuï kita mempunyaï sa-orang pegawai yang khas untok mengkajikan, atau pun menyemak undang² kita yang lama² dan yang akan kita chetak sa-mula lagi supaya dapat-lah sa-telah buku² itu di-chetak kelak peguam² yang mahu membeli-nya boleh-lah membeli. Kita sedar kepentingan perkara ini dan oleh sebab itu dalam uchapan saya, saya telah menerangkan ia-itu kita harap kerja dalam perchetakan buku² undang² yang lama ini dapat di-perchepatkan lagi oleh Jabatan Peguam Negara di-dalam tahun ini.

Di-sini hendak-lah kita ingatkan sa-bagaimana yang saya telah nyatakan tadi Jabatan Peguam Negara tidak mempunyaï pegawai yang chukup, semua menumpukan kapada Jabatan ini daripada semua Kementerian semua Jabatan, tidak ada satu masaalah mengenaï Kerajaan yang tidak ada bersangkut dengan masaalah undang².

Dengan hal yang demikian Jabatan Peguam Negara bertanggong-jawab bukan menggubal undang² sahaja bahkan memberi nasihat bermacham² kapada Kerajaan dengan pegawai² yang ada sekarang mereka itu terpaksa bekerja sampai larut malam pada hari Sabtu dan pada hari minggu juga. Dengan hal yang demikian saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat dapat faham betul² bahawa jikalau ada kelewatan berkenaan dengan perchetakan buku² undang² dan yang lain² yang di-kerjakan oleh Jabatan Peguam Negara, bukan-lah mereka itu dengan sengaja untok melewat²kan kerja mereka, tetapi sa-mata² kerana pegawai² tidak menchukupi.

Sekarang saya beraleh, Tuan Pengerusi, kapada Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara lagi tentang pemungutan chukai. Jikalau chukai ini lambat di-bayar, maka terpaksa-lah tanah di-ambil balek oleh Kerajaan.

Di-sini saya ingin menerangkan ia-itu menurut keputusan Majlis Tanah Negara bahawa sa-orang tuan punya tanah itu mempunyaï masa kira² sembilan bulan untok menyelesaikan chukai tanah itu. Ini satu masa yang saya anggap panjang sa-kali di-amalkan dalam mana negara dan masaalah sama ada sa-keping tanah itu patut di-rampas, atau pun tidak oleh sebab chukai itu tidak di-bayar dalam tempoh itu, ada-lah terpulang kapada Kerajaan Negeri. Kadang² Kerajaan Negeri tidak-lah bagitu keras untok mengambil tindakan, kerana memandang kapada kesusahan ra'ayat yang

berkenaan, kadang² jikalau Kerajaan Negeri berfikir bahawa sa-saorang tuan punya tanah itu memang telah chuai; sengaja chuai membayar chukai tanah, terpaksa-lah tindakan yang sewajar-nya di-ambil menurut peratoran di-bawah Kanun Tanah Negara.

Satu lagi tegoran daripada Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan denda pencheroboh tanah ini, beliau berchadang supaya mereka ini di-denda sadikit sahaja, kemudian beri-lah tanah itu kapada mereka.

Ini, Tuan Pengerusi, satu kerumitan yang besar kapada Kementerian saya, nama-nya Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian, tetapi banyak per-kara² yang saperti ini semua-nya ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri. Jadi terpulang-lah kapada Kerajaan Negeri itu menimbangkan sama ada penalty premium yang berkenaan itu akan di-kenakan bayaran $10 atau $5 atau pun $15 sama ada Kerajaan Negeri berfikir tanah itu patut tidak di-beri kapada pencheroboh² itu. Saya tidak-lah dapat memberi pengakuan dalam Dewan ini oleh sebab Kementerian saya atau pun Kerajaan Pusat tidak mem-punyaï kuasa di-dalam perkara² ini.

Mr Chairman, Sir, may I have your permission to speak in English to reply to the Honourable Member for Serem-ban Barat in connection with land? (*Mr Chairman indicates assent*).

The Honourable Member suggested that the T.O.L. concept is a colonial concept and that we should not adopt it now. Mr Chairman, Sir, what we must realise in this *Dewan* is that not all colonial concepts are bad. Even if we agree that the T.O.L. concept is a colonial concept, not everything colo-nial is bad, not all the colonial system is bad: take, for example, the parliamentary system—it is a good system—and so forth. Be that as it may, Mr Chairman, Sir, the Honour-able Member was under a wrong con-ception, was under a misconception, with regard to the nature and effect of temporary occupation licence. Under Section 65 of the National Land Code, the State authority may permit the temporary occupation under licence of three categories of land:

(1) State Land;

(2) Mining land, not for the time being used for the purpose of mining; and

(3) Reserved land, not for the time being used for the purposes for which it was reserved.

Then, what must be borne in mind is that the temporary occupation licence under the National Land Code must lapse at the end of the year—there is no question of renewal whatsoever. What happens is that, after it has lapsed, the occupier may go to the State Government and apply for a fresh licence. So, strictly speaking, legally speaking, there is no question of renewal. It is up to the State Government to decide whether or not it would be safe for the State Government to allow another period to the occupier of the land under temporary occupation licence. The very name of the licence clearly indi-cates that it is meant to be of a tem-porary nature for as long as the State Government feels that it has no use for the time being of the land. The main reason for that is that the State Govern-ment, or the Federal Government, may have some planning, may want to use the land in future—perhaps three years, four years, or six years after the first licence was issued—and it is for that reason that no titles are normally issued to replace a temporary occu-pation licence.

The procedure to obtain a temporary occupation licence varies from State to State—perhaps, some States insist that the applicant must obtain the peng-hulu's signature, other States do not. If it takes only about 2 weeks to get a fresh temporary occupation licence, I feel that this is not an undue delay, because the Land Office must get clearance with respect to reserved land from other officers concerned. With respect, for example, to mining land, the Land Office must obtain the con-currence or the approval of the Senior Inspector of Mines, and, therefore, a lot of consultation has got to be done before a temporary occupation licence

can be issued. I, therefore, cannot agree with the Honourable Member's suggestion that the powers of the Collector should be delegated to the senior staff of the Land Officers, even if it is so delegated it will not really help the applicant at all.

With respect to titles in new villages, I am informed by all the State Governments that steps have already been taken to replace the majority of these T.O.L. with titles, sometimes with 60 year lease, sometimes with titles in perpetuity. I think during the meeting of this House a few months ago, the Honourable Member who raised the same question was instructed by my Secretary to communicate with him to get from him the names of the people who have suffered some difficulties in connection with changing of titles for T.O.L. in new villages. Whether he has complied with our request or not, I have to check again, but I have already instructed my Secretary this morning to pursue the matter further. I hope he will cooperate with us, if he would give my Ministry the names and addresses of the people whom he alleged had been waiting for their titles for a very long time, and we would try to do our best to speed things up. He alleges that one of the main reasons why there has been delay in the granting of title to replace T.O.L. was the requirement that survey must first be done by Government Surveyors, and we do not allow private surveyors. This is not really accurate. Mr Chairman, Sir, we do in many cases allow private surveyors, but permission must be obtained from the Surveyor-General. Generally speaking, if we feel that the Department cannot possibly carry out the survey within a reasonable time, say, within the period required by the applicant concerned, then normally we would allow private surveyors to carry out the survey.

Another point which is not strictly accurate raised by the Honourable Member is in connection with fees. He alleges that, generally speaking, the private surveyors are charging very much less than Government Surveyors. That is not correct, because the private surveyors are also governed by their own approved scale of fees. If he studies that, he will find that the allegation by him is not accurate.

I agree with him that no rules have been made under Section 69 of the Land Acquisition Act, 1960, with respect to carrying out that Act, in particular to provide for the guidance of officers in all matters connected with that Act and so forth. But, that does not mean that the work so far has been delayed purely because of non-existence of those rules. I agree that the officers concerned have been guided by past practices, but having discussed with the Federal Commissioner of Land this morning, I am quite satisfied that the past practices mentioned by the Honourable Member has not been a factor, which has caused delay in the carrying out of the functions of the officers concerned under the Act. He suggested that we should set up under the Act an appeal board instead of asking the applicant, who is not satisfied with the quantum of compensation to be paid to him go to the High Court. Mr Chairman, Sir, it is, I think, quite a universal practice in cases of this nature to allow people, who are not satisfied with the decisions of the officials concerned, to bring their appeals to the High Court; it happens in Sabah, it happens in Sarawak, and it happens in many other countries that I know of. So far there is nothing to indicate that the High Court has not been performing its functions properly, correctly, in dealing with cases that have come before it under the Land Acquisition Act, and I will not agree, therefore, with his suggestion that we should set up a separate Appeal Board to replace the High Court, to deal with the appeal on the question of quantum of compensation under the Land Acquisition Act.

With respect to the valuation of land, I do not quite agree with him that our present practice has led to an inflationary trend. What we have at the moment is, we have an officer, the Chief Government Valuer, he guides us with respect to the proper compensation that we should pay; sometimes if

he feels that he needs guidance from other experts, he is at liberty to do so.

The Honourable Member for Kampar mentioned something about partition and sub-division of land—for instance, there has been considerable delay to carry out the sub-division. Mr Chairman, Sir, one has got to study each case on its merit, In respect of town land, for example, a considerable time might be taken, before approval is given, because one has got to go to the Town Council, or Town Board, or Municipal Council, as the case may be. There are other people who are affected, perhaps it might affect explaining, and so forth. It is not only the concern of the land officer concerned, land officer's work, and in instances of this nature he has to consult other departments as well. In sub-divisions, private surveyors generally are allowed to carry out the survey for partition or for sub-division; but, as I said just now, the practice is for private surveyors to get the approval of the Surveyor-General before they commence their work.

The Honourable Member for Seremban Barat again raised this question of the Geological Survey Department for not having relaxed the rules, and because of that, according to him, we have more or less discouraged people from carrying out exploration of our mineral resources—other mineral resources in this country than mining. Mr Chairman, Sir, it is strictly not the function of the Geological Survey Department to grant permit to any person to carry out mineral extraction. I do not think we agree with him that what has been done in the past by the Geological Survey Department has more or less discouraged people from exploring our mineral resources in this country. He has suggested that we should, in this country, allow private people to carry out this exploration as America did many, many years ago. I beg to differ on that point, Mr Chairman, Sir, and I think the Geological Survey Department with the staff that it has at the moment, 50 per cent understaffed, has been doing a marvellous job and it is improving its work everyday, and it is not concerned purely with detecting where the tin can be found and other mineral resources can be found, and one has got to travel all over Malaya here, in the case of Geological Survey Department, Malaya; in the case of the East Malaysia Geological Department, it has got to cover such a wide area; it is time consuming; but the thing that is not appreciated by almost all of us is that the Department is open to anybody who wants to consult with respect to the mineral exploitation possibilities in the country. It offers free advice to any person, who cares to come to the Department and consult the Director, or any of the other officers. I have on a few occasions advised private people, who have come to see me with respect to opportunities in this field to see the officers concerned. Some of them have taken my advice, they go to the officers concerned; others, I do not know whether they were really interested or not. But, one thing that we cannot do is to tell any person specific areas where they can find, for example, a lot of tin in a certain area and so forth—that we do not do but in the nature of general advice we do give. In addition, to that we issue our Geological Survey reports. I agree that West Malaysia is behind East Malaysia in this respect; that was due mainly to one gentleman, and I would not like to mention him here now as he is not with us any more, but we have improved the situation and we hope that very soon we shall be able to issue the full report in connection with Geological Survey in West Malaysia.

Sadikit sahaja berkenaan dengan Perhutanan, ia-lah tentang hal lori² membawa kayu balak ketika malam. Mengikut Undang² Forest, sa-belum sa-orang itu boleh membawa kayu balak daripada satu tempat ka-tempat lain, dia mesti mempunyai satu Removal Pass. Di-beberapa checking station dalam negara kita, Tuan Pengerusi, pegawai² ada bertugas sa-lama 24 jam bertukar². Dengan hal yang demikian pembalak² yang membawa kayu daripada satu tempat ka-satu tempat boleh-lah membayar chukai² Kerajaan di-mana² checking station yang tertentu. Harus juga lori² yang di-nampaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara

itu telah membayar chukai; kalau belum membayar chukai, harus dalam perjalanan-nya kapada satu checking station untok membayar chukai; tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat itu tahu ada sa-buah lori yang membawa kayu balak yang melarikan diri-nya daripada chukai, saya sangat bersukachita mendapat tahu nama yang tertentu supaya tindakan yang sa-wajar-nya boleh diambil. Jikalau, Pegawai² Forest, atau pun pegawai Polis mengetahui bahawa sa-buah lori itu telah melarikan kayu balak itu daripada chukai, maka sakalian kayu balak itu dapat di-rampas dan juga dia terpaksa membayar denda.

Jadi, ini-lah chara kita mengelakkan, atau pun menjaga supaya pembalak² ini tidak mengelakkan diri mereka daripada membayar chukai.

Berkenaan dengan ranchangan untok menanam pine atau pun . . . . .

Tuan Pengerusi: Berapa lama lagi hendak berchakap!

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tiga minit lagi. Ini sedang di-jalankan di-bawah ranchangan pembangunan; oleh sebab saya akan berchakap lagi di-bawah ranchangan itu, saya tidak akan memberi penjelasan sekarang.

Tentang hal tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, kalau saya tidak salah, banyak hutan² yang telah habis kayu, balak-nya di-ambil keluar, tetapi tanah itu tidak di-tanam sa-mula. Ini tidak berlaku kapada Forest Reserve. Dalam Forest Reserve ada mempunyai ranchangan yang tertentu, ada Ranchangan Silviculture-nya dan ada ranchangan tanaman sa-mula-nya. Tiap² kayu yang telah di-ambil keluar memang Forest Department itu ada mempunyai ranchangan untok menanam sa-mula kayu² yang berguna kapada negara kita. Dalam kawasan State Land pula harus apa yang berlaku ada-lah tanah² ini di-bawah ranchangan pembangunan dan dengan yang demikian kadang² ranchangan pembangunan itu mengambil masa yang panjang sadikit sa-belum tanah itu dapat di-tanam.

Sekian-lah sahaja penjelasan daripada saya, Tuan Pengerusi. Bagi penjelasan² yang lain, tegoran² yang lain, yang kechil² yang tidak saya jawab, saya rasa jikalau perlu saya akan memberi dengan sa-chara bertulis. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $78,320 untok Kepala B. 42; $5,844,639 untok Kepala B. 43; $1,572,246 untok Kepala B. 44; $845,579 untok Kepala B. 45; $441,925 untok Kepala B. 46 dan $885,293 untok Kepala B. 48; $679,834 untok Kepala B. 49; $1,385,132 untok Kepala B. 50; $14,331,289 untok Kepala B. 51; $1,209,441 untok Kepala B. 52; $2,082,122 untok Kepala B. 53; $251,299 untok Kepala B. 54 dan $2,315,500 untok Kepala B. 55 di-perentah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.40 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.55 pagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala B. 47—

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to present the provisions amounting to $7,352,332 standing under Supply Head 47 for the Ministry of Labour and move that they stand part of the Schedule.

The provisions for the Ministry, for the first time appear under one Supply Head, reflecting the integration of the Ministry that I spoke of in presenting the Estimates for my Ministry last year. These provisions had previously appeared under three separate Supply Heads—one covering the Ministry

Secretariat, the Central Apprenticeship Board and the Registry of Trade Unions, one for the Department of Labour and Industrial Relations and the third for the Machinery Department. All these have now been consolidated under one Head with the Secretary to the Ministry as Controlling Officer.

The Estimates of Expenditure for the current year, Sir, represent an increase of over $685,000 or 10.3% from the printed estimates for last year and $1.4 million as compared to 1966. If, however, the supplements during the course of the year are taken into account, the proposals for this year amount to a 5.83% increase from 1967. This increases, in the face of the stringencies of Government finances, illustrate clearly the reorganisation and the expansion of my Ministry during this period. The traditional "labour department" services of the Ministry have received little additional finances, the emphasis now being on a more productive and effective use of every dollar spent, as a result of better planning and direction of effort in respect of these. On the other hand, greater emphasis has been placed on filling gaps in the traditional functions of the Ministry, on developing new services to meet the needs of the rapidly developing and changing economy, and on reshaping the direction and intensity of our effort in other areas. Of course, not all of this is evident through the budgetary provisions themselves, as in a number of cases, it merely meant a change in the deployment of manpower and O.C.A.R. provisions. The changes that have been made, have been consciously and carefully designed to enable the Ministry to meet both the needs of the present and the challenges of the future. In general, Sir, I might say that future years will continue to witness growth and further expansion in particularly those services which have registered significant increases in provisions this year. Certain new provisions to meet further new services and schemes, such as social security, will also appear in the near future.

1967 has in many ways been a satisfying one for my Ministry, a fitting climax to a decade of independence. It was the year that we witnessed a general surging forward of virtually all aspects of my Ministry's functions.

In staffing, we finally obtained nearly the desired full team of administrative and professional officers to shape and implement the various expanded activities of the Ministry. All these, except the provisions for the post of Deputy Secretary in the Ministry, approved late in 1967, appear in the 1968 Estimates. The most notable among these are the full team of administrative officers—the Secretary to the Ministry, the Deputy Secretary, a Principal Assistant Secretary and three Assistant Secretaries—the increased staff for the Department of Employment and Training and the personnel for the Industrial Health Unit.

LABOUR LEGISLATION

In the area of labour legislation, we saw the final stages of the review and consolidation of the various pieces of labour legislation. The law relating to the standards of housing for workers was brought up to date in the Workers (Minimum Standards of Housing) Act, 1966; the Employment of Children and Young Persons Ordinance, 1947, was revised in the Children and Young Persons (Employment) Act, 1966; the Employment Ordinance was expanded to apply to all workers, whether engaged in manual labour or otherwise, whose earnings do not exceed $500 per month; the E.P.F. Ordinance was also extended to apply to all employers and the ceiling for contributions was raised to $500 per month, and plans finalised for its application to the East Malaysian States; the Wages Councils Ordinance which had been in existence since 1947 was first put into use by the establishment of the Shop Wages Council and the issuance of a Wages Regulation Order in respect of shop assistants in 1964; the Wages Regulation Orders affecting workers in the Port of Penang were issued in 1965 and fresh Orders also made in July 1967, while the first Wages Regulation Order to cover workers in the Catering Industry was also issued in July, 1967. The Maternity Allowance under the Employment Ordinance was revised upwards from $2.20 per day to $3.00 per day and the

new Factories and Machinery Act was passed last year to provide for the protection and promotion of the safety, health and welfare of workers in the larger places of industrial employment. All these have been the result of our endeavours to review and revise our labour laws and standards and have brought about a substantial increase in the level of welfare and protection of our labour force.

Malaysian Migration Fund Board

menyampaikan sadikit pendapat saya berkenaan dengan pendaftaran penganggoran² dalam Jabatan ini. Saperti mana Tuan Pengerusi tahu, di-Pulau Pinang ada-lah satu tempat yang kedudokan penganggor² ini sangat²-lah tidak bagitu baik, kerana di-dapati orang² muda laki² dan perempuan di-dalam lengkongan umor belasan tahun sangat-lah banyak yang menganggor. Mereka ini di-nasihatkan supaya mendaftarkan nama² mereka di-Pusat² Pendaftaran di-Pejabat Buroh.

Yang menjadi soalan hari ini ia-lah ada sa-tengah² daripada orang² yang pergi mendaftarkan nama itu terpaksa-lah mereka menunggu sa-hingga tiga tahun kapada lima tahun untok di-panggil di-mana² pejabat untok di-temu-duga. Saya minta Yang Berhormat Menteri ini berikhtiar supaya majikan², atau pun saudagar², atau pun sharikat² yang besar yang sedang menjalankan perusahaan² supaya menasihatkan majikan² ini mengambil pekerja² menerusi Jabatan Pendaftaran penganggor² ini. Dengan yang demikian pada pendapat saya tidak-lah lagi ada kesulitan² yang sedang di-alami oleh pemuda² yang berdaftar itu menunggu sa-hingga tiga tahun kapada lima tahun untok di-panggil bagi temu-duga kalau hendak bekerja. Saya tidak-lah hendak menyalahkan Pendaftar, atau pun pejabat ini, kerana dia tidak ada kuasa untok hendak meminta atau pun hendak mengarahkan sharikat² dan sa-bagai-nya untok mengambil pekerja² daripada Jabatan ini. Sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri dapat berikhtiar demikian, saya rasa kedudokan penganggor² sekarang tidak-lah bagitu rumit.

Akhir-nya satu sahaja saya hendak tahu, kerana saya tidak bagitu faham dan tidak pula di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini, ia-itu di-dalam muka surat 469, Butiran (121)—Elaun Bahasa yang berjumlah $18,219. Saya hendak tahu apa-kah wang $18,219 ini elaun kerana memberi kapada pekerja² atau pun kapada pegawai² yang tahu bahasa Inggeris. Sa-kira-nya kalau itu di-maksudkan, saya rasa sa-telah kita menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal, saya rasa tidak-lah patut di-buat bagitu. Sa-balek-nya kalau elaun bahasa ini di-untokkan kapada pegawai² yang mahir di-dalam bahasa kebangsaan itu juga saya rasa tidak patut, kerana tiap² pegawai sa-belum dia hendak men-jalankan kerja²-nya, maka terpaksa-lah dia mengetahui bahasa kebangsaan.

Jadi, ini-lah yang saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri kita ini dapat menerangkan sadikit bagai-mana-kah wang yang $18,219 itu hendak di-gunakan. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: (*Bangun*) . . . . .

Tuan Pengerusi: Saya berasa duka-chita masa-nya sudah suntok. Yang Berhormat Menteri akan menjawab sekarang—ini pun kita tidak chukup masa. Kalau dalam masa lima minit, boleh-lah saya benarkan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh satu perkara sahaja dalam Anggaran Kementerian Buroh ini ia-itu pada muka 467—Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sa-kerja. Saya minta supaya Pejabat Pendaftar Kesatuan Sa-kerja ini meng-adakan satu penyiasatan di-atas kedu-dokan Kesatuan Sa-kerja di-negeri kita ini, kerana pada masa² yang akhir² ini sudah ternyata bahawa ahli² Kesa-tuan Sa-kerja ini sa-bahagian daripada-nya terdiri daripada orang² yang bukan warganegara. Saya rasa tidak patut pehak Pendaftar Kesatuan Sa-kerja mera'ikan atau memberi apa² layanan kapada Kesatuan Buroh yang ahli²-nya atau Jawatan-kuasa-nya sa-orang dua daripada-nya atau sa-bahagian dari-pada-nya terdiri daripada orang² yang bukan warganegara dan ternyata-lah bahawa ini akan menimbulkan satu² perkara yang tidak wajar di-dalam negara kita ini.

Saya dapati satu daripada Kesatuan Sa-kerja yang besar saperti RUM sekarang ternyata lahir-nya kenyataan bahawa hampir² 20% daripada pe-kerja² Keretapi bukan warganegara, maka RUM juga saya fikir terkandong ahli² yang bukan daripada warganegara

dan jikalau kita memberi layanan kapada segala Kesatuan Sa-kerja yang membela kepentingan warganegara dan warganegara asing, maka saya rasa kita tidak memberi satu layanan yang 'adil kapada warganegara negeri ini. Pada masa² yang akhir² ini, Tuan Pengerusi, di-dapati juga barangkali ada sa-tengah² Kesatuan Sa-kerja ini chuba di-gunakan oleh sa-tengah² gerakan politik untok menchapai tujuan² politik-nya bahkan pada pendapat saya sa-tengah² Kesatuan Buroh ini merupakan suatu kekuatan politik dalam negeri ini, jikalau tidak kena di-layan dengan betul. Maka oleh itu, saya berharap dan meminta kapada Yang Berhormat Menteri Buroh, jikalau terbukti sa-suatu Kesatuan Sa-kerja itu di-pergunakan oleh mana² gerakan politik yang hendak merosakkan keadaan harmoni di-negeri ini, maka hendak-lah pehak Pendaftar Kesatuan Sa-kerja ini membatalkan Pendaftaran Kesatuan Sa-kerja yang sa-bagai itu, kerana jikalau di-biarkan Kesatuan Sa-kerja yang menjalankan tujuan² alat politik, sa-suatu maksud politik negeri ini, maka ini akan menjadi satu pengkhianatan kapada keadaan politik di-negeri ini. Dan sudah sa-patut-nya jika terbukti dengan dalil² yang chukup bahawa Kesatuan Sa-kerja itu menjadi alat kapada mana² gerakan politik yang merosakkan negara ini, maka hendak-lah pehak Pendaftar Kesatuan Sa-kerja ini membatalkan pendaftaran-nya, dan ini akan menyelamatkan masa hadapan negara kita dan menyelamatkan gerakan buroh negeri ini yang tujuan asal Kesatuan Sa-kerja ini ia-lah sa-mata² untok membela kepentingan buroh dan bukan untok di-jadikan senjata politik bagi merosakkan keadaan dan ketenteraman politik di-dalam negara kita ini.

Tuan V. Manickavasagam (*dengan izin*): Sir, the Honourable Member for Batu touched on the employment and unemployment position of Malaysian workers in the British military units. He said that I did not make any mention about this in my speech this morning. Sir, the statements of employment and unemployment have been amply stated by the Honourable Minister of Finance and measures to deal with this have been repeatedly outlined here. As regards the Malaysian workers affected by the British withdrawal, I have already answered more than one question regarding this during the last few days. I have stated that the Government is still in discussion with the British regarding the size and type of assistance to be given by Britain to assist us in meeting the problems resulting from the British pull-out. We are clearly unable to plan fully and realistically when these discussions are still on. It would be premature for us to announce our plans at this stage. I can however, state, Sir, that we do intend to assist in the rehabilitation of as many of the workers affected as possible. Of course, not all of them would be able to be rehabilitated because of age and so on, and I believe the gratuity that they would obtain on their retrenchment should see them through in such cases.

The Honourable Member also touched about the social security scheme and said that there has been undue delay and that Mr Goddard's report was received in 1960, and he also said he hopes that we would not give any more excuses. Sir, the problem here was that Mr Goddard's recommendations were unacceptable to the Government and, in fact, they were so vague that we had to conduct another more realistic study. These studies have now been completed and I can assure the Honourable Member that 1968 will see the introduction of the social security scheme as we have planned.

Again, the Honourable Member mentioned about the activities of Alliance politicians in trade unions and that the Registrar of Trade Unions did not take steps to avoid communal unions from being formed. Sir, I think the Honourable Member for Kota Star Selatan's remarks this morning adequately answered his charge. I think it is time that the Honourable Member for Batu and Opposition Members realised that Trade Unionism is not a captive field for Opposition politicians or that it is their sole prerogative. I

am glad to see that Honourable Members from this side of the House are coming to take an increasing interest in this field. I hope that all this will result in increasingly responsible trade union organisations and activity in this country.

Sir, the Honourable Member also referred to the requirement in the Factories and Machinery Act for doctors to report occupational disease to the employer. Sir, the Honourable Member had raised this matter when this House discussed the Bill itself. The representations by the Medical Association then were based on the point of medical ethics, that a doctor should not be required to notify a lay third person of any person's disease. This point was answered by my Ministry as the diseases specified in the Third Schedule are of an occupational nature only and should not pose any problem of ethics. In fact, this provision of the Act is designed to ensure that the employer takes the necessary preventive measure to avoid the conditions which created the disease, and I think the medical profession should welcome this. However, he has now raised the new problem of the possibility of workers being dismissed. In this connection, Sir, I am prepared to look into the matter again and, if necessary, to discuss it further with the Medical Association.

He also mentioned that there is insufficient provision for the Industrial Health Unit—he stated that the post is too lowly graded. Sir, the Honourable Member is aware that the present provisions in the Estimates are merely to provide for the nucleus organisation and for the work of the Unit in its first year. Besides the specific posts and provisions for this Unit, the assistance of the rest of the Machinery Department, the Ministry of Health, the Chemistry Department and Local Authorities, the I.L.O. and W.H.O. is available to this Unit and this is sizeable indeed. The provisions in the Estimates are merely for Personal Emoluments the O.C.A.R. provisions are provided under the Machinery Department. As regards the post of Chief Industrial Health Officer, the officer we now have is a qualified and experienced man and, with the further opportunities for training available, we should be able to do a good job with this Unit. Sir, I appreciate that secondment from the Ministry of Health is not the best arrangement, but we do have the assurance of the Ministry that he will be available for us for some length of time so that his training and experience are not lost. I do not think that we need to advertise this post again. As regards the grading of the post, the effectiveness and growth of the Unit will determine largely the status of this post later, but Superscale "H" is all that we could get for a start.

Sir, he also touched on the Industrial Training Institute and stated that the output of the I.T.I. will be far below in the light of the size of school-leavers. Sir, I am afraid that the Honourable Member will not be correct in assuming that the I.T.I. is the only institution training workers. A number of other Institutions such as MARA, Ministry of Culture, Youth and Sports and also the Ministry of Education are engaged in this and the combined output of these must be considerable. It is inevitable, Sir, that we have to start in a small way and gradually build up the size and scope of our programme. It is also inevitable that we will not be able to or even want to train all youth for industry; there are other avenues which exist and which can be tapped. In any case, we have already planned to establish another Training Institute in Butterworth. The difficulties in further expansion of our training scheme are that training is a very expensive matter and there are other problems both of teaching staff and equipment. As stated in my remarks in presenting the Estimates, we have already drawn up plans to overcome these.

He also mentioned about the workers still not being happy about the Industrial Relations Act and that as a result they no longer invite the Minister of Labour or any other colleagues of mine to speak at trade union meetings.

Sir, I am not in a position and have no wish to impose myself at these functions. The M.T.U.C. could invite anybody it likes, even the Member for Batu if it so wishes. This is evidence of the freedom of the M.T.U.C. here. As regards the Act itself, I have stated in my speech this morning that I am already looking at the few weaknesses in the Act. The M.T.U.C. has also been asked to review its previous position on the Act and to submit its fresh proposals for discussions in the N.J.L.A.C.

Sir, the Honourable Member for Kota Star Selatan has suggested that the policy of encouraging the growth of national unions only should be reviewed as this leads to monopoly in the trade unions. The policy of the Government, Sir, has been to encourage responsible trade unions. The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara too mentioned on the same subject. Sir, our aim has never been to impose any sort of unionism on workers. Where a substantial body of workers in an industry do not wish to join a particular union, they are not forced to do so. The existence of a particular union referred to by the Honourable Member for Kota Star Selatan is itself evidence of our policy in this regard.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan telah meminta bahawa Ranchangan Pendaftaran di-Pelabohan Pulau Pinang hendak-lah di-lanjutkan untok meliputi cargo handlers lightermen. Saya telah merujok perkara ini di-dalam uchapan saya tadi dan usaha² sedang di-buat untok mendaftarkan pekerja² yang lain ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyatakan bahawa ahli² Port Labour Board tidak memuaskan. Saya sedar bahawa anggota² dari pehak pekerja Lembaga ini ada menghadapi beberapa kesusahan dan saya sedang menyiasat perkara ini untok melantek pekerja² di-Pelabohan Pulau Pinang sahaja kapada Board ini tetapi ini akan memakan masa yang lebeh.

Perkara cinema workers yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya akan siasat. Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan tadi ia-itu majikan tidak menggunakan Pusat Pendaftaran Pekerja. Pada masa sekarang kita ada meminta kapada majikan² menggunakan Pejabat Pusat Pekerjaan kita dan saperti yang saya katakan pada pagi ini, kita ada membuat atoran yang baharu, dan saya perchaya bila masa *pilot scheme* ini berjalan dan kita berpuas hati, kita akan jalankan *pilot scheme* ini di-lain² pusat dan saya perchaya ia-nya boleh dapat di-laksanakan dan majikan boleh menggunakan-nya sebab orang yang kita hantar kapada majikan itu ia-lah orang yang kita telah pereksa yang orang itu boleh bekerja saperti yang kita angkat itu.

Ada satu perkara lagi yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat juga meminta penjelasan berkenaan dengan *language allowances.*

Mr Chairman, Sir, the language allowances referred to by the Honourable Member are for interpreting in various dialects and languages as provided for in the Schemes of Service for Clerk Interpreters. The interpretation work is done largely in the hearing of labour cases in labour courts.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $7,352,332 untok Kepala B. 47 di-perentah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 56; B. 57 dan B. 58—

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh): Tuan Pengerusi, saya bangun untok berchakap mengenaï anggaran perbelanjaan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan di-bawah Kepala 56 dan juga jabatan² yang di-bawah jagaan Kementerian ini, ia-itu Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong, Kepala 57, dan Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kepala 58.

Peruntokan di-bawah Pechahan-kepala mengenaï Gaji di-bahagikan kapada 3 bahagian ia-itu untok Kementerian sendiri, Bahagian Kerajaan Tempatan dan satu bahagian lagi untok Surohanjaya Penyiasat Pentadbiran Penguasa² Tempatan.

Mengenaï Kementerian ini terdapat tambahan dua jawatan baharu saperti berikut:

Sa-orang Pengemas Pejabat.

Sa-orang Penghantar Chepat.

Kedua² jawatan ini ada-lah perlu oleh kerana awal tahun ini Kementerian ini akan berpindah ka-bangunan baharu-nya di-Jalan Young. Oleh itu Pengemas Pejabat ini akan bertanggong-jawab membuka dan menutup bilek² pejabat dalam bangunan itu dan juga mengurus dan menyelia tugas budak² pejabat dan sa-terus-nya menjaga kebersehan pejabat² dalam bangunan itu. Mengenaï Penghantar Chepat pula, tugas pemegang jawatan ini ia-lah untok menghantar surat² penting dengan segera ka-Kementerian² dan Jabatan² yang terletak di-sekitar bandar Kuala Lumpur.

Mengenaï Bahagian Kerajaan Tempatan ada terdapat tambahan 4 jawatan baharu saperti berikut:

Sa-orang Penolong Pesurohjaya Kerajaan Tempatan.

Sa-orang Kerani Perkhidmatan 'Am (Tingkatan-khas).

Sa-orang Kerani Perkhidmatan 'Am (Tingkatan-biasa).

Sa-orang Jurutaip.

Ke-empat² jawatan ini ada-lah perlu oleh kerana urusan² dalam Bahagian ini telah bertambah dengan banyak-nya di-waktu terakhir ini dan ada-lah di-jangka urusan² ini akan bertambah lagi pada masa yang akan datang terutama sa-kali sa-lepas Surohanjaya Penyiasat Pentadbiran Penguasa² Tempatan mengeluarkan penyata-nya. Tetapi jawatan² ini hanya boleh di-penohi sa-telah mendapat kebenaran pehak Perbendaharaan.

Di-bawah tajok Gaji untok Surohanjaya Penyiasat Pentadbiran Penguasa² Tempatan, Ahli² Yang Berhormat akan dapat melihat hanya peruntokan tanda sahaja yang di-buat oleh kerana sa-masa menyediakan anggaran itu tidak dapat mempastikan dengan tepat-nya bila-kah Surohanjaya tersebut akan dapat menyelesaikan tugas-nya. Ada-lah di-jangka bahawa Surohanjaya itu akan dapat menyiapkan tugas-nya dalam sa-bulan dua ini. Oleh itu perlu-lah membuat permohonan untok mendapatkan peruntokan tambahan dalam tahun ini.

Mengenaï Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun bagi Tahun 1968, di-sini terdapat tambahan kira² $50,000. Sa-bahagian besar daripada tambahan ini sa-benar-nya di-sebabkan Kementerian ini akan berpindah ka-bangunan baru sa-tinggi empat tingkat di-Jalan Young dan juga perbelanjaan saperti Penyenggaraan dan Membaiki Alat Pendingin Udara Pechahan-kepala 3, Penyenggaraan Kawasan Pejabat—Pechahan-kepala 8 dan Penyenggaraan Bangunan Pejabat—Pechahan-kepala 9 terpaksa-lah di-perbuat. Jumlah peruntokan bagi ketiga² Pechahan-kepala ini ia-lah berpandukan kapada peruntokan² yang di-buat oleh lain² Kementerian/Jabatan yang terdapat di-Jalan Young yang menggunakan bangunan yang sa-rupa itu. Di-bawah Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat, di-sini terdapat tambahan lebeh sadikit daripada $17,000 ($26,823—$9,445) untok membiayaï bayaran ayer dan api letrik untok bangunan baharu kelak, bayaran talipon dan panggilan jauh yang telah bertambah di-sebabkan bertambah-nya bilangan kaki-tangan dan juga panggilan meter. Pechahan-kepala 4—Penchetakan dan Alatulis telah bertambah sa-banyak $1,100 untok di-gunakan membayar barang² yang di-beli daripada Penchetak Kerajaan saperti borang² rasmi dalam Bahasa Kebangsaan dan juga lain² penerbitan Kerajaan umpama-nya Buku² Undang² dan Penyata. Bagi Pechahan-kepala 5—Pengangkutan dan Perjalanan, peruntokan sa-banyak $25,000 telah di-sediakan bagi tahun ini dan pada 1967 ia-nya sa-banyak $9,500 sahaja. Angka ini lebeh munasabah lagi oleh kerana peruntokan asal sa-banyak $9,500 bagi tahun 1967 itu terpaksa di-tambah dengan banyak-nya dengan sa-chara "virement" di-sebabkan pegawai² dalam Kementerian ini banyak membuat perjalanan dalam menjalankan tugas mereka terutama sa-kali dalam bidang ranchangan² rumah murah. Mengenaï Pechahan kepala 7—Penyenggaraan Tempat Kediaman Menteri, peruntokan-nya telah bertambah sa-banyak $500

sahaja. Tambahan ini ia-lah untok membayar bil² ayer dan api letrik dan lain² belanja runchit yang kian naik itu. Ahli² Yang Berhormat akan juga dapat melihat, ia-itu ada tiga Pechahan-kepala baru yang telah di-ujudkan bagi Bahagian Kerajaan Tempatan umpama-nya Pechahan-kepala 10—Pentadbiran Pechahan-kepala 11—Penchetakan dan Alatulis dan Pechahan-kepala 12—Pengangkutan dan Perjalanan. Oleh kerana Bahagian Kerajaan Tempatan ini telah di-ujudkan, maka memang-lah sudah sa-wajar-nya Pechahan kepala dalam tajok Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun ini di-sediakan untok-nya.

Di-bawah tajok Perbelanjaan Khas, peruntokan-nya telah bertambah sa-banyak $41,630. Di-bawah Pechahan-kepala 13—Perkakas dan Kelengkapan Pejabat, telah di-buat peruntokan sa-banyak $3,000 ya'ani bertambah sa-banyak $1,000 daripada angka yang di-buat dalam tahun 1967. Peruntokan ini ia-lah untok di-gunakan membeli sa-bahagian kelengkapan pejabat yang baharu bagi mengganti kelengkapan pejabat yang lama untok di-gunakan apabila Kementerian ini berpindah ka-bangunan baharu-nya termasok-lah juga pembelian sa-buah skuter yang akan di-gunakan oleh bakal Penghantar Chepat. Dalam Pechahan-kepala 14—Pembangunan dan Kerja² Kechil dalam Kawasan Majlis Tempatan, peruntokan-nya telah bertambah sa-banyak $50,000 lagi dan menjadi $200,000 bagi tahun 1968 ini. Tujuan mengada-kan peruntokan ini ia-lah untok mem-bantu Majlis² Tempatan mengadakan projek² kechil di-dalam kawasan mereka dan tidak-lah payah lagi saya memberi penjelasan lanjut mengenai-nya. Mengenai Pechahan-kepala 18—Perbelanjaan bagi Surohanjaya Pen-yiasat Pentadbiran Majlis² Bandaran dan Tempatan Ahli² Yang Berhormat akan dapat melihat, ia-itu chuma per-untokan tanda sa-banyak $10 sahaja di-buat. Sa-bagaimana yang telah di-jelaskan tadi, tidak-lah dapat mem-pastikan dengan tepat-nya sa-masa menyediakan Anggaran Perbelanjaan tarikh Surohanjaya itu dapat menyiap-kan kerja-nya, maka itu-lah sebab-nya di-buat peruntokan tanda demikian. Mengenai Pechahan-kepala 19—Per-belanjaan berkenaan Kawalan Sewa Rumah bagi Ibu Kota, Kuala Lumpur. peruntokan-nya bagi tahun 1968 ber-jumlah $34,340, ini menunjokkan telah bertambah sa-banyak $5,645 dari-pada peruntokan yang di-buat pada tahun lalu. Sa-benar-nya peruntokan ini berpandukan kapada peruntokan tahun 1967 kechuali peruntokan tahun lalu itu hanya meliputi 9 bulan sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kapada Kepala Bekalan 57—Peranchang Bandar dan Kampong.

Di-bawah tajok Gaji, di-sini tidak ada jawatan yang bertambah. Sunggoh pun dalam anggaran perbelanjaan tahun 1968 terdapat tambahan sa-banyak $4,833 jika di-perbuat per-bandingan dengan tahun lalu, tetapi ini hanya di-sebabkan kenaikan gaji dan sa-bagai-nya bagi kaki-tangan-nya.

Mengenai Lain² Perbelanjaan, Ber-ulang Tiap² Tahun, di-sini terdapat tambahan sa-banyak $7,220. Di-bawah Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Peja-bat peruntokan tambahan ada-lah di-perlukan oleh kerana Jabatan ini akan juga berpindah ka-pejabat baharu di-Jalan Young awal tahun ini. Oleh yang demikian, bayaran² ayer dan api letrik akan bertambah dan juga bayaran² membersehkan pejabat. Di-bawah Pechahan-kepala 3—Elaun Pelateh² Teknik terdapat tambahan sa-banyak $1,560. Tambahan ini di-sebabkan memberi bantuan kewangan kapada Pelateh Teknik yang pada masa ini mengambil kursus diploma sa-lama 4 tahun di-Maktab Teknik, Kuala Lumpur, bagi mengambil tempat Pembantu Teknik yang telah naik pangkat dan meninggal Jabatan ini.

Mengenai Perbelanjaan Khas, Per-untokan ini telah bertambah sa-banyak $415 lagi. Peruntokan ini di-perlukan untok membeli kelengkapan pejabat apabila Jabatan ini berpindah ka-bangunan baharu awal tahun ini dan juga untok membeli sa-buah mesin taip bagi menggantikan sa-buah mesin lama-nya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh pula kapada Kepala Bekalan 58—Perkhidmatan Bomba.

Di-bawah tajok Gaji terdapat tambahan sa-banyak $4,180 di-sebabkan kenaikan gaji² dan elaun² yang biasa di-buat bagi kaki-tangan Jabatan ini.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun terdapat tambahan sa-banyak $300 bagi Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat. Tambahan ini ia-lah hendak menyediakan wang jika di-dapati penggunaan api letrik dan juga talipon bertambah. Ini di-dapati sangat-lah perlu oleh kerana latehan² yang di-beri di-Sekolah Pusat Latehan Bomba itu akan bertambah lagi. Sa-bahagian daripada tambahan ini akan juga di-gunakan untok membayar sewa talipon yang telah di-jadikan sistem talipon otomatik. Bagi Pechahan-kepala 3—pada keselurohan-nya terdapat tambahan sa-banyak $4,600 bagi tahun 1968 ini. Sa-bahagian besar daripada-nya ia-lah untok membeli alat² bagi menambah lagi kelengkapan latehan di-sebabkan bertambah-nya jumlah kursus latehan yang di-beri oleh Sekolah Pusat Latehan Bomba itu. Tambahan ini juga ia-lah untok membiayaï penyenggaraan alat² pemadam api yang bertambah lagi jumlah-nya yang telah di-sediakan di-dalam bangunan² Kerajaan Persekutuan. Sa-bahagian kechil daripada tambahan ini ia-itu sa-banyak $600 ia-lah untok di-gunakan menjalankan kerja² kechil membaiki bahagian yang rosak dalam bangunan sekolah latehan itu. Bagi Pechahan-kepala 5—Pengangkutan—terdapat tambahan sa-banyak $2,500. Tambahan ini di-sebabkan kian bertambah-nya kerja yang akan di-lakukan oleh Bahagian Penchegah Kebakaran yang memerlukan membuat lawatan ka-bangunan Kerajaan Persekutuan yang besar jumlah-nya di-seluroh negeri kerana menjalan pemereksaan alat² menchegah kebakaran. Pechahan-kepala 7—Chukai Tanah dan Chukai Pelajaran ini ia-lah pechahan-kepala baharu. Peruntokan ini ia-lah untok membayar chukai tanah dan chukai pelajaran ka-atas tanah yang di-ambil milek baharu² ini untok di-gunakan sa-bagai tapak Sekolah Pusat Latehan Bomba yang baharu.

Di-bawah tajok Perbelanjaan Khas, terdapat peruntokan sa-banyak $15,000 untok membiayaï perbelanjaan sa-orang Pakar Ranchangan Colombo yang telah di-ambil bertugas bagi memperbaiki keadaan Sekolah Pusat Latehan Bomba dan juga menyediakan laporan serta mengemukakan shor² mengenaï chara² menchegah kebakaran api.

Dengan sa-chara ringkas-nya, jumlah peruntokan bagi Kementerian saya (termasok Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong dan Jabatan Perkhidmatan Bomba) ada-lah sa-banyak $1,323,883.

Tuan Pengerusi, sekian-lah sahaja saya kemukakan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Butiran (29) sa-hingga Butiran (38) dalam muka 512 di-bawah Kepala B. 56, ia-itu berkenaan dengan Bahagian Kerajaan Tempatan. Saya perchaya bahawa Kerajaan Tempatan ia-lah kuasa yang mengawal lalu lintas di-dalam pekan. Sekarang ini oleh kerana motokar dan lain² kereta makin banyak, maka tanggongan ini ia-lah satu tanggongan yang berat yang mana kita dapati di-Kuala Lumpur (Ibu Kota) umpama-nya—ini telah terjadi satu masaalah yang mendapat perhatian daripada seluroh negara. Baharu² ini di-Kuala Lumpur telah di-adakan peratoran baharu berkenaan dengan lalu lintas yang di-namakan Gelombang Hijau dan saya dapati di-Kuala Lumpur ini nampak-nya Pesurohjaya Kuala Lumpur bekerjasama dengan pehak Polis dan pehak Polis telah mengambil bahagian yang chergas di-dalam bahagian ini sa-hingga Ketua Traffic Polis sendiri telah mengarahkan tentang perjalanan kereta² di-jalan² di-Kuala Lumpur. Malang-nya di-pekan² yang lain nampak-nya kerja-sama antara Polis dengan Kerajaan Tempatan ini tidak-lah sa-bagitu kuat, umpama-nya di-Alor Star, nampak-nya apabila sahaja Kerajaan Tempatan mengadakan lampu² isharat, maka pehak Polis telah berlepas tangan sama sa-kali berkenaan dengan mengawal lalu-lintas di-dalam pekan. Kalau dahulu di-adakan Traffic Polis untok

mendirectkan motokar², sa-lepas sahaja Kerajaan Tempatan mengadakan lampu isharat, tidak ada satu mata² pun yang mengambil berat tentang lalu-lintas, dan ada kadang²-nya telah jadi *traffic hold-up,* atau pun tidak dapat jalan kereta², tidak ada pehak Polis menolong untok melepaskan kereta² ini. Ada satu masa, saya sendiri terpaksa menjadi Traffic Policeman, kerana lori yang keluar daripada satu side-road yang dekat dengan lampu isharat ini tidak dapat keluar oleh kerana bila lampu itu merah, maka kereta² berderet ada di-hadapan, maka tidak dapat-lah lori itu keluar; apabila lampu itu telah jadi hijau, maka motokar² yang berpanjangan² tidak ada satu pun yang berhenti, maka tidak dapat juga lori ini keluar. Sa-lama sa-tengah jam saya dudok di-belakang lori ini, maka lama-kelamaan terpaksa-lah saya turun daripada motokar saya tahan motokar² yang lain supaya dapat lori ini keluar.

Di-situ bukan-lah tidak ada mata², tetapi nampak-nya ia tidak bertugas berkenaan dengan perkara ini, maka ia biarkan sahaja. Saya harap-lah kerjasama yang ada saperti mana ada di-Kuala Lumpur ini dapat juga di-adakan di-lain² tempat. Juga berkenaan dengan peratoran lalu-lintas ini, di-pekan yang saya tinggal ia-itu di-Alor Star, peratoran-nya sangat-lah luar biasa. Ada satu jalan yang di-bahagikan kapada tiga saloran. Kita biasa ada jalan dua saloran, empat saloran, atau enam saloran. Tetapi di-Alor Star ada jalan yang di-bahagikan kapada tiga saloran, ia-itu di-katakan saloran tengah ini ia-lah untok motokar memotong motokar yang ada di-hadapan. Jadi nampak-nya kalau sa-belah sana pun ingin potong, sa-belah sini pun ingin potong, maka di-atas saloran tengah itu-lah mereka akan berlaga. Jadi ini nampak-nya satu peratoran yang chukup ganjil. Saya telah buat tegoran dua tahun dahulu, tetapi nampak-nya tidak ada kesan sama sa-kali. Pula di-Alor Star juga ada satu jalan yang di-bahagikan kapada lapan saloran; ini ganjil sadikit dengan kerana tidak ada pekan yang ada membahagikan jalan kapada lapan saloran, saloran yang tengah untok jalan motokar, lepas itu satu saloran di-khaskan untok simpan kereta atau pun teksi, atau pun basikal, lepas itu ada satu saloran lagi pula untok kereta roda tiga, tetapi malang-nya kereta² roda tiga ini tidak menggunakan saloran itu, tetapi masok ka-jalan tengah. Jadi ini membawa kapada keadaan kuchar-kachir yang mana susah orang² menjalankan kereta. Saya harap-lah Menteri yang berkenaan dapat memberi arahan supaya perkara² yang sa-macham itu jangan-lah di-buat saperti ikut sa-suka hati pehak² yang berkuasa sahaja, tetapi patut-lah berunding dengan kuasa² yang ada di-tempat itu.

Saya di-beri tahu bahawa perkara ini terjadi oleh kerana State Traffic Committee tidak langsong berunding dengan Kerajaan Tempatan di-Alor Star.

Berkenaan dengan Kuala Lumpur juga nampak-nya soal traffic ini makin lama makin merosot sa-hingga terlampau banyak motokar² diesel kalau pagi² kita berjalan sa-hingga tidak nampak jalan langsong. Jadi, nampak ini akan membahayakan orang² yang menggunakan jalan² raya dan saya harap ini dapat perhatian daripada Menteri Yang Berhormat.

Juga berkenaan dengan Alor Star, di-sana pula sa-belah malam banyak burong layang² yang bertenggek di-atas dawai² dan kalau siapa lalu di-bawah dawai ini, maka dapat-lah taboran apa yang di-lepaskan oleh burong layang² ini. Saya harap satu² usaha di-jalankan supaya layang² ini dapat di-musnahkan.

Berkenaan dengan Kepala B. 57 ia-itu Pesurohjaya Peranchang Bandar, saya dapati bahawa polisi Peranchang Bandar ini sangat-lah mendatangkan susah kapada sa-siapa juga yang ingin membuat apa² di-dalam bandar. Saya perchaya kita berkehendak kapada ranchangan memperbesarkan mana² bandar, tetapi kalau ranchangan ini chuma mendatangkan kesusahan bukan sahaja kapada orang yang ingin menjadi developer, tetapi juga kapada orang² yang ingin membeli rumah, umpama-nya kalau ada-lah ranchangan

untok membena rumah² murah, kalau ada tanah yang murah, maka tentu-lah pehak peranchang bandar ini meletakkan sharat² yang mana harga tanah itu akan naik. Kalau nampak tempat itu dekat, tidak di-benarkan-nya sama sekali. Kalau jauh pula dia kata terlangsong jauh daripada pekan tidak boleh di-bena rumah dengan kerana tidak dapat masok dalam kawasan Kerajaan Tempatan. Jadi, dengan chara ini susah-lah orang² untok membeli rumah² yang murah. Kalau ada ranchangan rumah murah sa-lepas ranchangan ini di-tunjokkan kapada pehak Peranchang Bandar rumah murah itu telah jadi rumah mahal. Jadi saya harap-lah berkenaan dengan perkara ini, kalau boleh, Yang Berhormat Menteri memberi arahan kapada pegawai²-nya supaya ranchangan yang di-buat mesti-lah di-buat supaya tidak menyusahkan ra'ayat dan lain² orang yang bersangkutan dengan perkara² ini. Setakat itu-lah, terima kaseh.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun memberi sa-penoh sokongan peruntokan sa-banyak $1,123,883 yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan di-dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Pengerusi, sa-belum saya berchakap sa-patah dua dalam Kementerian ini, terutama sa-kali saya ingin memberi sa-tinggi² terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Tempatan yang telah membuat lawatan ka-kawasan saya baharu² ini, maka dengan murah hati-nya telah memberi peruntokan dan memberi jaminan akan membena sa-banyak 260 buah rumah murah dalam empat buah pekan² kechil. Apa yang saya harap, Dato' Pengerusi, hanya janji² ini hendak-lah berjaya.

Dato' Pengerusi, saya berchakap atas B. 58, dalam muka 516, berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba. Dato' Pengerusi, Perkhidmatan Bomba ini semua kita tahu tidak-lah juga kurang penting-nya tugas² mereka kapada negara dan ra'ayat negeri ini. Maka dengan sebab itu sa-wajar-nya-lah bagi Kerajaan Tempatan mengkaji sa-mula tingkatan² gaji mereka itu dan terutama sa-kali perumahan tempat kediaman ahli² bomba ini, serta alat² saperti kereta bomba dan tali² yang menyalorkan ayer. Dato' Pengerusi, kereta² bomba yang lama selalu-nya rosak mahu-lah di-gantikan dengan baharu. Ada sa-tengah² bandar saperti bandar Kulim, maka sa-kira-nya kita pergi dan kita nampak dalam tempat simpan kereta bomba itu ia-lah ada dua buah kereta bomba. Tetapi yang sa-benar-nya, Dato' Pengerusi, ia-lah sa-buah yang di-simpan bagitu sahaja sudah bertahun², kerana sudah lama dan telah rosak tidak dapat di-gunakan lagi, dan hanya pada fikiran saya memberat dan menyusahkan kapada ahli² bomba sahaja, kerana tiap² hari terpaksa mereka itu membersehkan kereta ini, terutama sa-kali benda² yang di-perbuat daripada tembaga. Dato' Pengerusi, kereta yang sa-umpama ini pada fikiran saya patut-lah Yang Berhormat Menteri ini membawa ka-Kuala Lumpur ini dan di-simpan di-dalam Muzium Negara.

Dato' Pengerusi, yang mustahak sa-kali pada fikiran saya bagi ahli² bomba ini ia-lah rumah kediaman mereka itu. Maka tidak-lah saya dapat ketahui di-bandar yang lain² tentang rumah kediaman ahli² bomba ini, tetapi di-bandar Kulim ahli² bomba itu semua-nya berjumlah dengan pegawai²-nya sa-kali sa-banyak 10 orang tetapi rumah yang di-sediakan hanya untok 5 orang ahli² bomba sahaja. Dengan sebab itu apabila terjadi kebakaran, selalu-lah menjadi kelambatan, kerana ahli² ini tidak ada rumah, sa-banyak 5 orang lagi itu terpaksa tinggal di-luar² bandar, sa-tengah²-nya hingga dua batu jauh daripada tempat yang mereka bekerja ia-itu di-Balai Bomba.

Dato' Pengerusi, baharu² ini di-sebabkan musim kemarau yang sangat kuat bertambah pula Hari Raya China yang mana merchun di-bakar-nya dengan banyak, maka banyak-lah pula kebakaran telah terjadi di-bandar Kulim, maka dengan sebab ahli² bomba ini tinggal jauh daripada Balai Bomba, atau pun daripada tempat kerja mereka, kebakaran ini banyak

yang tidak dapat di-tolong dengan segera-nya dan tidak dapat di-selamatkan. Dengan sebab kelambatan ini-lah pula, Dato' Pengerusi, pegawai² dan ahli² bomba di-bandar Kulim ini telah banyak mendapat sungutan daripada ra'ayat² yang menudohkan ahli² bomba ini tidak ada kechekapan dan sa-bagainya. Tetapi pada fikiran saya maka dengan ini, Dato' Pengerusi, bukan-lah kesilapan daripada ahli² bomba ini yang mana yang saya terangkan tadi ia-lah sebab tempat kediaman ahli² bomba ini sangat jauh daripada Balai Bomba. Maka saya merayu-lah kapada Yang Berhormat Menteri ini supaya dapat membena 5 buah lagi rumah bagi menchukupi kediaman ahli² bomba di-bandar Kulim ini. Saya fikir tidak-lah banyak perbelanjaan, Dato' Pengerusi, kerana tanah tempat yang hendak kita dirikan rumah² ini telah sedia, kerana maseh luas lagi tempat yang kita bena rumah kediaman ahli² bomba yang ada sekarang ini.

Dato' Pengerusi, saya harap-lah segala rayuan saya ini mudah²an mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sadikit dan saya sokong peruntokan bagi Kementerian ini, dan saya ambil peluang berchakap pada muka 513, Butiran (17)—Perbelanjaan Latehan bagi Kursus Kerajaan Tempatan. Saya mengambil peluang sa-bagai Pengerusi Majlis Daerah menguchap terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah pun menganjorkan kursus bagi kaki-tangan Majlis saya khas-nya Pegawai² Pengtaksir yang telah pun datang ka-kursus itu dan dapat sadikit sa-banyak pengetahuan dan pelajaran, dan saya berharap latehan ini akan di-perluaskan lagi dan di-perbesarkan lagi supaya membolehkan, bukan sahaja kaki-tangan bagi Majlis² Kerajaan Tempatan yang memegang jawatan² penting bahkan sa-kira-nya kalau boleh di-beri juga kursus² kapada ahli² Majlis Tempatan, juga Pengerusi² Majlis Tempatan dan Setia-usaha²-nya supaya dapat-lah mereka ini menjalankan kewajipan mentadbir Majlis² Tempatan dengan lebeh baik dan sempurna lagi. Oleh kerana kebanyakan daripada ahli² Majlis kita tidak bagitu faham di-atas tanggong-jawab mereka itu maka sangat²-lah mustahak di-beri kursus kapada ahli² Majlis yang saya sebutkan tadi; kerana kita dapati beberapa banyak Majlis² Tempatan yang ada dalam negara kita ini lemah dalam perkara pentadbiran dan mundor di-atas perjalanan Majlis² dan pentadbiran mereka itu. Sa-kira-nya di-adakan kursus² yang sa-macham ini, saya yakin dan perchaya akan dapat lebeh baik lagi pentadbiran² Majlis².

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap atas Butiran (18)—Perbelanjaan bagi Surohanjaya Penyiasat Pentadbiran Majlis Bandaran dan Tempatan. Surohanjaya ini telah pun menjalankan penyiasatan dan laporan belum lagi di-kemukakan, tetapi pada pendapat saya dan dengan pengalaman saya sa-bagai Pengerusi sa-lama hampir² tujoh tahun, wakil² bagi Majlis² Tempatan ini patut-lah jangan di-adakan pilehanraya bagi Majlis² Tempatan ini; biar-lah di-lantek oleh Kerajaan Negeri, kerana sa-bagaimana kita sedia ma'alum, dengan ada-nya pilehanraya, kita dapati chalun² yang berdiri sa-bagai wakil yang di-pileh untok menyelenggarakan, untok mentadbirkan Majlis² yang berkenaan, kita dapati beberapa kerumitan, beberapa kesulitan sa-bagaimana yang kita dapat tahu ia-itu kelemahan beberapa majlis sa-hingga terpaksa Kerajaan Negeri mengambil aleh pentadbiran Kerajaan² Tempatan. Saya mithalkan, ia-itu Majlis Bandar Raya Pulau Pinang, Majlis Bandar Raya Melaka, dan juga Majlis Bandar Raya Seremban, juga kita dapati ahli² yang di-pileh khas-nya daripada Parti Buroh, atau Parti Sosialis. Saya sendiri dalam pengalaman saya ada lima orang wakil daripada Parti Sosialis yang mereka itu tidak tahu membacha dan tidak tahu menulis—ada dua orang dalam Majlis ini.

Jadi manakala kita jalankan apa² meshuarat, tidak dapat mereka mengikuti perjalanan meshuarat, tambah-lah lagi mengenai undang². Jadi dengan

chara sa-macham ini kita dapat beberapa kelemahan. Dengan yang demikian saya berharap-lah kapada Kementerian ini supaya menimbang sama ada patut kita adakan pilehanraya. Jikalau kita hendak adakan pilehanraya, patut di-adakan sharat yang ketat kapada bakal² chalun yang hendak bertanding menjadi wakil bagi Majlis² Kerajaan Tempatan, sa-kurang²-nya dia mesti-lah ada kelulusan yang membolehkan dia tahu membacha dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan dan jikalau tidak ada pengalaman sadikit sa-banyak pun tentu susah dia hendak mengikuti. Biar-lah chalun² itu ditentukan beberapa sharat, dengan chara yang sa-macham ini dapat kita memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran Majlis Tempatan. Jikalau tidak hendak mengadakan pilehanraya, maka diserah-lah perkara ini kapada Kerajaan Negeri untok melantek orang² yang difikirkan sesuai sa-bagaimana kita adakan pada masa dahulu "City Fathers" kata orang Bapa kapada Bandar, atau Perbandaran yang Kerajaan memikirkan orang ini ada-lah orang yang boleh di-pertanggong-jawabkan mentadbir Majlis² Kerajaan Tempatan. Jadi dengan chara yang sa-macham ini, saya perchaya mutu pentadbiran Majlis² Kerajaan Tempatan ini akan lebeh² bertambah baik lagi.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, ada kesulitan yang besar yang di-alami oleh Majlis² Kerajaan Tempatan, ia-itu mengenaï pemereksaan bagi kaki-tangan² Majlis² Kerajaan Tempatan, ia-itu sa-bagai jawatan kerani, jawatan jurutaip, dan jawatan steno. Pada masa dahulu kerani² ini di-pinjamkan oleh Kerajaan Negeri kapada Majlis² Kerajaan Tempatan oleh kerana pada masa sekarang Majlis² Kerajaan Tempatan boleh kata kebanyakan menjadi sabagai autonomous atau bertanggong-jawab dengan sa-penoh, maka terpaksa-lah Majlis² itu mengambil kaki-tangan kerani dan jawatan² yang lain dan apa yang menjadi kerumitan ia-lah pada masa mereka² ini hendak di-naikkan pangkat-nya daripada tangga gaji yang bawah kapada tangga gaji yang ka-atas lagi yang di-perlukan pepereksaan, tetapi Kerajaan Persekutuan juga Kerajaan Negeri tidak sanggup hendak membenarkan kerani² ini menumpang mengambil pepereksaan. Jadi, saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri akan mengkaji masaalah ini sama ada dia dapat berikhtiar mengadakan satu Lembaga Pepereksaan bagi kaki-tangan² Majlis² Tempatan. Dengan ini dapat-lah kaki-tangan² Majlis² Tempatan di-seluroh Malaysia ini dapat masok pepereksaan dan di-beri sijil kelulusan sa-sudah mereka ini lulus dapat-lah mereka ini di-naikkan jawatan-nya kapada tingkatan yang tertentu dalam tangga gaji mereka itu, dan saya berharap-lah dapat perhatian yang berat daripada Yang Berhormat ini supaya dapat kita memudahkan lagi memberi kesenangan kapada pegawai² yang berkenaan sahingga-lah sa-lama ini tertunggu² dan tidak dapat mereka itu naik pangkat yang kata dalam bahasa Inggeris *stagnant* jawatan yang bagini lama.

Yang akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengkajikan Undang² Perbandaran, atau Municipal Ordinance dan juga undang² mengenaï Lembaga atau Board yang ada sekarang ini, kerana ada satengah² Majlis Tempatan berpandu kapada Municipal Ordinance, ada yang sa-tengah berpandu kapada Rural Board Enactment. Jadi, dengan chara ini kadang² kita dapati berchanggah pendapat, kalau boleh kita adakan satu sahaja undang² supaya meliputi kasemua Majlis² Tempatan supaya boleh-lah tiap² Majlis Tempatan itu membuat panduan kapada undang² ini dan dapat berjalan dengan sempurna, lebeh terator dan mengelakkan daripada kerumitan yang sedang di-alami oleh beberapa Majlis² Tempatan.

Sa-kian-lah sahaja. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntokan yang di-minta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang berjumlah $1.3 juta. Saya suka-lah hendak menyentoh dalam perbinchangan ini Bahagian Kerajaan Tempatan dan saya hendak menyentoh Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, semenjak beberapa tahun yang lalu Majlis Perbandaran

Kuala Lumpur ada mengenakan satu jenis kawalan ka-atas rumah² urut di-Kuala Lumpur ini dengan memestikan bahawa tiap² rumah urut itu tidak boleh menggunakan pintu yang boleh di-kunchi. Pintu yang boleh di-buka dan di-tutup pada sa-panjang masa bagi orang² yang hendak datang dan melihat, apa-kah pekerjaan di-buat dalam bilek di-tiap² rumah urut ini, tetapi sa-takat ini, Tuan Pengerusi, tidak ada suatu berita yang nyata ada-kah betul pehak Majlis Perbandaran Kuala Lumpur telah mempastikan yang tiap² rumah urut yang berlesen di-Kuala Lumpur ini ada menjalankan kehendak peratoran ini, kerana saya sendiri boleh jadi juga di-panggil sa-orang pendudok Kuala Lumpur yang selalu berada di-Kuala Lumpur ini, tidak-lah suka mendengar yang di-katakan rumah² urut di-Kuala Lumpur ini menjadi sa-bagai tempat sarang pelachoran. Sa-benar-nya peratoran yang di-buat oleh Majlis Perbandaran itu satu peratoran yang baik supaya pekerjaan urut mengurut ini yang merupakan suatu kesenian dan barang-kali satu perkara yang di-perlukan oleh sa-saorang yang penat dan leteh bekerja untok mendapat layanan urut mengurut dengan sa-chara yang sa-mesti-nya. Jadi, jikalau reputation rumah² urut ini maseh juga pada pandangan orang ramai, bila kita hendak pergi rumah² urut, sama-lah juga macham pergi ka-sarang pelachoran, maka pekerjaan urut ini sendiri telah jatoh mutu-nya. Dan orang² yang ada penghargaan diri sadikit segan, walau pun dia itu memang perlu benar-lah kena urut macham sa-tengah² Ahli² Dewan ini yang telah berumor sadikit—saya minta ma'af kerana menggunakan perkataan tersebut—kalau penat² meshuarat, rasa hendak ambil rehat hendak urut², hendak betul²kan urat, tetapi memang dia tidak terlangkah kaki-nya hendak pergi ka-rumah² urut ini, kerana sudah tergambar dalam fikiran, maka dengan tidak ada gerakan pembersehan yang betul² kapada rumah² urut ini rasa segan hendak pergi kerana sa-rupa macham pergi ka-tempat atau ka-pusat² pelachoran sahaja. Jadi, lang-song dia tidak pergi, walau pun dia leteh, atau pun penat di-rumah, kerana keletehan dan kelesuan, urat tidak betul, fikiran pun sama² tidak betul kadang². Jadi, saya minta-lah pen-jelasan daripada Yang Berhormat Men-teri sa-takat mana-kah sa-benar-nya peratoran ini telah di-jalankan dan sa-takat mana-kah benar-nya perkara ini telah di-ambil kerjasama dengan pehak Polis dalam menyiasat dan menyelong-kar dan menengok sa-betul-nya per-atoran yang di-jalankan oleh pehak Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, bagi mengawal rumah² urut ini telah berjalan dengan baik supaya nama rumah² urut di-Kuala Lumpur dan nama Kuala Lumpur ini di-jaga baik. Sa-kira-nya pelawat² datang, dan pelanchong² yang datang daripada luar negeri yang hendak tengok macham mana taraf ahli² urut Kuala Lumpur ini tidak-lah segan² hendak melangkah kaki masok ka-rumah² urut di-Kuala Lumpur ini, Tuan Pengerusi.

Berthabit dengan hal ini, saya suka juga hendak sambong sadikit tentang Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan lain² Majlis Bandaran yang menga-wal dan menguasai tiap² bandar yang ada Majlis Bandaran di-negeri kita ini. Saya rasa, saya suka hendak memberi pujian kapada Majlis Bandaran Kuala Trengganu, di-tempat saya yang asal, ia-itu di-sana segala hotel² yang di-dapati ada melakukan kerja churang, membenarkan perkara yang tidak baik berlaku, lesen-nya di-gantong, di-gantong sa-bulan dua bulan, sa-hingga serek-lah pehak² tuan punya hotel ini hendak melakukan perkara serong dalam hotel² masing².

Saya rasa, kalau perkara yang sa-macham ini di-jalankan oleh semua Majlis Bandaran di-negeri kita ini, maka dapat kita membersehkan ban-dar² kechil bagini. Sa-benar-nya per-kara ini, Tuan Pengerusi, dalam bandar² kechil macham Kuala Treng-ganu-kah, Kuantan-kah, Muar-kah, Batu Pahat-kah atau Tangkak-kah, jikalau berlaku perkara yang macham ini gema dia terlalu besar. Kalau Majlis Bandaran tidak menjaga-nya, jadi gema-nya besar, orang bersungut di-merata² menjadi buah mulut orang, tidak ada benda dalam bandar yang kechil, berdetik sadikit sahaja sudah heboh, tidak ada berita lain, berita itu

sahaja. Jadi, nama bandar itu tidak baik, hubongan orang pun tidak sedap. Jikalau dapat di-adakan arahan yang sa-macham ini Majlis Bandaran tegas sadikit dalam perkara ini dalam mengeluarkan dan menimbangkan lesen hotel² dalam bandar² itu. Jikalau di-dapati hotel² di-situ melakukan perkara yang tidak di-ingini macham itu, di-gantongkan lesen-nya, saperti yang di-buat oleh Majlis Bandaran Kuala Trengganu. Dengan jalan ini saya rasa kita telah dapat memberi sumbangan yang baik dalam meninggikan moral, terutama moral orang muda² di-kampong² dan di-pekan² kechil di-seluroh tanah ayer kita ini. Jadi, saya rasa perkara ini sangat mustahak kerana jikalau kita adakan Undang² Anti-Pelachoran sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Kementerian Kebajikan Masharakat, undang² ini tidak dapat menolong dengan sa-benar-nya jikalau Majlis² Bandaran tidak mengambil langkah yang tegas saperti memerhatikan hotel² ini dan menggantongkan lesen²-nya jika di-dapati hotel² itu menjalankan kerja² yang tidak senonoh.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain yang saya hendak sentoh ia-lah soal rumah murah nelayan² yang di-bena di-bawah Kementerian ini. Dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, adalah satu tempat yang telah di-dirikan sekarang ini dengan rumah murah nelayan² ini dan sekarang ini belum lagi di-berikan kapada nelayan² dalam kawasan saya di-Seberang Takir, Kuala Trengganu. Saya nampak, Tuan Pengerusi, tidak tahu saya macham mana di-reka bentok rumah² murah nelayan ini, kerana saya nampak bentok rumah murah nelayan yang ada di-buat didalam kawasan saya ini tidak bagitu sesuai dengan kehendak² nelayan sendiri. Rumah itu di-buat kechil, tetapi dua lapis, dua lapis kechil, tangga tinggi dan betul² kita tengok dari jauh macham satu sangkar burong. Jadi, orang² di-kawasan saya panggil ini sangkar burong. Jadi, mereka pun tidak berapa sangat gemar. Kegemaran atau kerelaan hati melihat bentok rumah ini tidak bagitu sempurna. Oleh kerana hendak chepatkan ranchangan ini barangkali, kerana peruntokan ada di-buat-lah pada tahun lepas dan sekarang, masa ini sudah siap, chuma belum lagi di-beri kapada penghuni²-nya. Saya harap-lah bahawa dalam perkara membuat rumah murah kapada orang² luar bandar ini harus di-tinjau, di-buat dengan sa-chara bentok yang sesuai dengan kehendak mereka itu, bukan kita bentok yang kita fikirkan sahaja di-Kuala Lumpur ini, maka barangkali bentok ini sesuai, di-buat-lah plan rumah itu di-dirikan di-sana, dengan tidak di-tinjau kehendak dan hasrat dan keperluan yang sa-benar nelayan² yang hendak mendudoki rumah yang kita buat itu. Jadi, saya harap-lah pada masa yang akan datang bentok rumah murah nelayan² ini patut di-tinjau kembali dan di-ubah dengan bentok yang lebeh sesuai kapada nelayan² itu dengan harga yang juga rendah dan rumah yang dapat di-bayar beransor² dengan chara yang patut oleh nelayan² ini. Jadi, kalau kita hanya tidak meninjau kembali bentok rumah ini, saya takut-lah bahawa sambutan-nya pada masa² yang akan datang tidak bagitu besar kapada usaha² yang di-buat oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dalam hendak menolong mereka memileki rumah² yang sesuai bagi kehendak² mereka itu.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh juga tentang Surohanjaya Menyiasat Majlis Bandaran dan Tempatan ini, kerana lama benar sangat laporan ini belum lagi di-timbangkan, atau boleh jadi belum siap lagi di-susun oleh pehak Surohanjaya ini. Ini masa-nya terlalu panjang. Saya rasa perkara Majlis Bandaran, kedudokan Majlis Bandaran ini sudah patut sangat menerima pertimbangan yang segera dengan kita tidak menunggu lebeh lama lagi dan saya sendiri sa-pendapat-lah dengan saudara saya yang berchakap tadi bahawa sa-benar-nya dengan tidak payah mengadakan Surohanjaya saya nampak kebanyakan orang ramai berpendapat bahawa pilehanraya Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan ini tidak perlu lagi di-adakan, kerana menghabiskan duit dan tenaga. Sa-benar-nya, hasrat ra'ayat dapat di-tentukan dalam masa pilehanraya kebangsaan untok Dewan Negeri dan

Dewan Parlimen. Ini sahaja belanja dan tenaga bukan main banyak habis sa-kali² pilehanraya di-adakan, tertentu hasrat ra'ayat di-situ. Kemudian di-tengah² antara Pilehanraya Kebangsaan Yang Pertama dan yang Kedua kita adakan pilehanraya Majlis Tempatan pula, habis lagi duit Kerajaan, duit ra'ayat, duit parti yang bertanggongan, masa dan tenaga ra'ayat dengan segala segi dua tiga bulan kerana hendak berkempen. Pada hal hasrat ra'ayat telah di-tentukan dalam Pilehanraya Kebangsaan yang kita adakan lima tahun sa-kali. Kenapa tidak di-serahkan sahaja kapada Wakil² Ra'ayat dan kapada Kerajaan ketika di-bentok dalam masa pilehanraya kebangsaan itu untok melantekkan orang² yang patut mentadbirkan kawasan² Majlis Bandaran dan kawasan² Majlis Tempatan—itu lebeh senang; tetapi ini pun Surohanjaya telah menjalankan kerja²-nya sa-tahun lebeh, dan menunggu laporan-nya ini sa-tahun lebeh lagi, hendak menimbangkan pula sa-tahun lebeh lagi, bila masa-nya kita hendak menentukan sikap kita dalam perkara ini? Ada-kah Kerajaan takut dalam perkara ini hendak berhadapan dengan Parti² Pembangkang? Parti Pembangkang memang dia suka pilehanraya ini berjalan kerana ini-lah jalan dia hendak dapat control satu atau dua Majlis Tempatan. Ini sahaja harapan dia.

Saya harap Kerajaan jangan takut kapada Parti Pembangkang, kerana ra'ayat di-belakang kita, di-belakang Kerajaan yang di-tentukan hasrat ra'ayat oleh pilehanraya kebangsaan lima tahun sa-kali. Saya dengan tidak berlengah² lagi minta Kerajaan menentukan sikap dalam perkara ini dan saya minta supaya di-hapuskan Pilehanraya Majlis Tempatan ini kerana itu ada-lah membazir tenaga, duit dan masa sahaja. Terima kaseh.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tuan Yang di-Pertua: Sa-belum Majlis berehat sa-bentar, ada satu usul hendak di-bawa oleh pehak Kementerian yang berkenaan.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa perjalanan Meshuarat dalam Jawatan-kuasa Perbekalan hari ini di-kechualikan daripada sharat² peratoran Meshuarat 12 (1) hingga pukul 8.30 malam.

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa perjalanan Meshuarat dalam Jawatan-kuasa Perbekalan hari ini di-kechualikan daripada sharat² peratoran Meshuarat 12 (1) hingga pukul 8.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.40 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to the total provision of $1,323,883 for this Ministry, to touch on page 512 on the $60 token vote, provision for a Commission of Enquiry to Investigate into the Workings of Local Authorities, to refer to the provision for the Local Government Division, and, finally, to pages 514 and 515, provision of $390,569 for Town and Country Planning.

Sir, with these references, I would like, first of all, to say that it is interesting to note that this item of expenditure is the smallest single item of expenditure in the entire Budget. However, Sir, this very small budgetary provision is also interesting from one point of view for a Ministry which, in

actual fact, controls probably two of the most vital aspects of our country, namely, Local Government, which is to all intent and purposes the grass-roots of our democratic institutions as we understand it, and housing and town planning which, I think, takes off a fairly sizeable slice in the overall Development expenditure, which we have to debate later in this session of the House, it is interesting, further. Sir, that the two most outstanding personalities in the Alliance today, just prior to the Elections, should control the largest items of expenditure as well as the most modest and humble items of expenditure. So, Sir, we should not be mistaken by this very small item of expenditure—it belies the importance of the Ministry concerned.

Sir, referring quickly to this question of the Commission of Enquiry to Investigate into the Workings of Local Authorities, I have only this to ask of the Honourable Minister. This Commission of Enquiry obviously has completed its work and before the Government takes a decision to implement the Report of this Commission of Enquiry. I urge the Honourable Minister to present the Government's views together with the Report to this House, so that it can be fully debated, and the Government's policy emanating from the Report can also be debated before it goes into function. Sir, we cannot judge the past performance of the Ministry concerned in relation to Local Government because for the last three years local authority elections have been in a state of suspended animation, and whether or not they are still in a state where they can be revived and democracy, as we understand it, will live successfully, when elections are re-instated remains to be seen. However, Sir, I must say that the Honourable Minister might be aware of the enormous divergence of views, certainly amongst the people, as can be evidenced by the speeches by the last two Honourable speakers—the Honourable Member for Seberang Utara and the Honourable Member from Kelantan, Sir, I earnestly hope that the Government will reintroduce local authority elections as soon as possible, not so much because the Alliance will win or the Opposition will have a chance to win a few councils, but in order to see that the large cross-section of our population will once again have this chance of experiencing elections. Sir, therefore, I urge very strongly that prior to the re-institution, having already put the whole of the elections machinery at this level into "cold storage" for so many years, that the Government accords this House the opportunity to debate the findings of this Commission.

Sir, on the question of town planning, I just have this remark to make. From the recent report in the Press on the views of the Honourable Minister with regard to the possibilities of providing an integrated form of low-cost housing unit to form a basis of integrating the multi-racial characteristics of our society, I do hope that the Honourable Minister will again in this instance give this House an opportunity to debate and consider his views, because they are interesting views, they are important views, and to some extent I think the Honourable Minister will not grudge us the fact that we have been thinking also along these lines, although the question I put to him did not find sufficient time in this House for his reply. However, Sir, I think the Honourable Minister will agree that, in so far as low-cost housing is concerned, the desirability of using low-cost housing units as a means of integrating the multi-racial society that we have is an all important one, in view particularly of the recent spate of violence up North in the Peninsula. The Honourable Minister would, we hope, accord the House again the opportunity to debate at length, obviously, a new departure and a new concept in the utilisation of low-cost housing and town and country planning.

However, Sir, I would urge the Minister that before we move into fields that are new to this country, the Commissioners for Town and Country Planning may well look into two aspects of their work which, I think, are outstanding, and have long been outstanding. Firstly, I refer to this perennial question of the necessity of

producing a new and a completely revised Municipal Ordinance.

Sir, before the British left, the Alliance Party, when it was in Opposition, used to allege that the British left us with a Municipal Ordinance which was outdated—and so it is. However, Sir, after 10 years of Alliance Government, we still require this new Ordinance and unless and until such an Ordinance is passed, it must take up some considerable time before the town planners can really go down and work accurately enough for the provision of future development of our country.

The last point, Sir, is that there are several projects in the rural areas—although, I think, in a reply to a question made in this House, the Honourable Minister took the opportunity, naturally, in a political sideswipe, to refer to the fact that we were not interested in housing outside the town areas—however, Sir, I would like to refer the Honourable Minister to the fact that one of the earliest projects that was started by the first Minister of Local Government and Housing, the late Honourable Dato' Suleiman bin Dato' Abdul Rahman, was in Penang and the State Government through the advice and instigation of the Central Government did buy a piece of land in Tanjong Tokong to build model housing for the people in Tanjong Tokong. Money was expended and has been expended, the site has been the object of many visits by recurrent Ministers of Housing and by the Chief Minister on many, many occasions. However, up to this day, Sir, we have no model town planning in this area, and I hope, Sir, that the Ministry will look into this matter of promises that have been made, of plans that have been made, and of money that has been spent in order to fulfil these plans, where in actual fact nothing has been done. So, Sir, before we move to new fields, I hope that the Ministry will look backwards and reorganise, and recast the whole of the Municipal Ordinance, and also look through the old town plans and country planning which have not been completed. Sir, with this last remark, I honestly hope that the Minister will give us a chance to have a preview into his new concept and that the whole matter will be debated.

Sir, as I have already said, much as one realises that this provision for estimates is an extremely modest and extremely humble one. We should examine it very carefully; otherwise, Sir, we might be caught in the old Dickens's idea of Mr Scrooge being too humble and we might be caught wrong footed, because I would not wish this Ministry to become a Mr Scrooge.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ini. Saya chuma hendak menyentoh sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu B. 56, muka 513, Pechahan-kepala 14—Pembangunan dan Kerja² Kechil dalam Kawasan Majlis Tempatan. Tahun ini peruntokan ini di-tambah. Saya nampak usaha ini sangat baik dan kalau boleh di-masa yang akan datang tambahan itu perlu bagi memberikan bantuan kapada Majlis² Tempatan dalam kerja² kita ini. Kemudian daripada itu saya nampak, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, supaya Kementerian ini dapat memerhatikan kehendak² yang di-buat oleh Majlis² Tempatan dan juga telah di-persetujukan oleh Kerajaan Negeri berhubong dengan kehendak membaiki sa-buah bandar, pekan. Satu perkara yang saya hendak menarek perhatian, ia-itu masaalah yang di-kehendaki oleh Majlis Tempatan di-Tangkak yang mempunyaï pendudok hampir 15,000 orang; mereka sekarang menghendakkan satu tempat perhentian kereta, bas dan pada masa sekarang hanya berhenti tempat perhentian bas itu di-tepi jalan raya. Ini ada-lah mengganggu lalu-lintas orang ramai, terutama sa-kali waktu kanak² lepas sekolah. Jadi peruntokan ini bagi pehak Majlis Tempatan dan juga Kerajaan Negeri telah menchadangkan, hanya masaalah-nya hendak mendapatkan sadikit peruntokan kerana bangunan ini.

Yang kedua pasar. Di-bandar Tangkak itu pasar-nya sudah berumor 60 tahun. Sangat² tidak sesuai-lah

dengan keadaan pendudok² bagitu ramai; mereka menghendakkan sa-buah pasar yang baharu supaya dapat memberikan kemudahan² kapada pendudok² di-tempat itu. Pada perengkat sekarang tanah telah ada, tetapi ranchangan hendak mendapatkan wang, ini satu masaalah yang sangat sulit di-hadapi oleh Majlis Tempatan yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ranchangan Bandar dan Kampong. Saya ada-lah mengalukan² ranchangan kilat yang di-buat oleh Kementerian itu serta juga saya menguchapkan tahniah ka-atas usaha yang dapat di-buat oleh Yang Berhormat Menteri ini pergi ka-segenap pelusok tanah ayer ini, kerana hendak membuat ranchangan rumah murah bagi pendudok² di-luar bandar. Sekarang sambutan ra'ayat sangat hangat dan mengharapkan bahawa ranchangan ini dapat di-segerakan dengan sa-berapa yang boleh. Saya fikir masaalah² yang di-hadapi tentu-lah berhubong dengan tapak tanah dan saya menaroh keyakinan kerjasama tentu-lah di-perolehi daripada Kerajaan Negeri untok mendapatkan tanah kerana ranchangan ini. Jadi orang² di-luar bandar memang iri hati dengan pendudok² dalam bandar—masaalah rumah murah ini. Di-bandar dengan ada-nya rumah² pangsa dan berbagai² rumah², tetapi orang² di-luar bandar pada masa sekarang tertunggu²-lah dengan ranchangan yang saya katakan itu tadi.

Yang ketiga, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubong dengan Bomba, ya'ani Pusat Latehan Bomba. Saya mengharapkan satu masaalah yang patut di-fikir oleh Kementerian ini ia-itu penyamaan gaji Anggota² Bomba kita dan di-seluroh Malaysia. Masaalah ini ia-lah masaalah Negeri, tetapi Perkhidmatan Bomba ini sama di-mana juga negeri, latehan-nya sama. Jadi saya harap penyamaan gaji Anggota² Bomba kita di-seluroh Negeri ini supaya dapat di-satukan. Yang kedua, saya minta supaya Kementerian ini memberikan perhatian yang berat kapada Anggota² Bomba kita yang telah membuatkan khidmat-nya sa-waktu menyelamatkan sa-suatu kebakaran yang besar. Mereka menghadapi bahaya dan kadang² boleh menyelamatkan harta satu² keluarga yang kena kebakaran, nyawa orang yang kena kebakaran, tetapi bagi mereka ini patut kita berikan sagu hati yang lebeh waktu mereka berkhidmat dalam menyelamatkan mangsa kebakaran.

Akhir-nya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 18—Perbelanjaan bagi Surohanjaya bagi Penyiasat Pentadbiran Majlis Bandaran dan Tempatan. Di-dalam masaalah ini, saya tidak-lah bersetuju atas pandangan² yang di-berikan oleh rakan sa-jawat saya yang terdahulu daripada ini supaya jangan di-adakan pilehanraya di-Majlis² yang tersebut. Sebab ini ada-lah berupa merampas hak ra'ayat dalam kawasan ini yang hendak bersuara yang hendak mendirikan Kerajaan sendiri, hendak mentadbirkan Majlis itu sendiri, walhal dalam laporan ini kita tidak tahu apa yang akan lahir kelak, tetapi saya gemar memberikan pandangan sa-kira-nya kalau dapat pilehanraya di-Majlis² ini hendak-lah di-adakan, dan di-samakan dengan masa Pilehanraya Kebangsaan kita. Jadi dengan di-samakan ini kita boleh menyelamatkan kewangan, boleh menyelamatkan masa dan boleh melichinkan kerja². Tempoh mereka juga di-beri masa 5 tahun macham Ahli² Meshuarat Undangan dan juga Ahli² Dewan Ra'ayat, sa-kalikan masa pilehanraya ini sa-bagaimana saya katakan tadi untok menjimatkan kewangan kita, menjimatkan masa dan memberi peluang kapada pendudok² tempat itu memileh wakil²-nya bagi mentadbirkan kebajikan mereka. Itu-lah sahaja. Terima kaseh.

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Pengerusi, terlebeh dahulu saya hendak uchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat, Dewan Ra'ayat, yang telah memberi nasihat² untok membaiki kerja² Kementerian saya dan di-samping itu memberi pujian kapada Kementerian saya. Mula² dahulu, saya hendak jawab soalan² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan berkenaan dengan soalan² trafik di-dalam Majlis Tempatan. Itu satu perkara, mengikut Perlembagaan Malaysia kita, ada-lah di-bawah perentah Kerajaan Negeri. Saya chadangkan

Ahli Yang Berhormat mengambil tindakan dengan Kerajaan Negeri, tetapi saya hendak menchadangkan, ia-itu lebeh baik-lah kalau Ahli Yang Berhormat menchadangkan buat sa-buah Jawatan-kuasa berkenaan dengan hal² trafik di-dalam Sungei Patani, atau Alor Star, saperti yang ada di-dalam Kuala Lumpur—ini supaya boleh di-selesaikan hal² berkenaan dengan trafik di-dalam tempat itu.

Berkenaan soalan Peranchang Bandar dan Kampong, saya chukup faham juga ini ada-lah satu soalan atau masaalah, tetapi Kementerian saya se-karang ada mengambil tindakan mem-buat satu undang² yang baharu yang boleh menyatukan dasar di-dalam semua negeri² berkenaan dengan per-kara ini. Tetapi ini juga ada-lah satu perkara di-bawah perentah Kerajaan Negeri, mengikut Perlembagaan kita, dan saya chadangkan supaya Ahli Yang Berhormat ambil tindakan dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara, yang pertama ranchangan² rumah murah di-dalam ranchangan kilat, saya boleh jawab ia-itu ranchangan² yang telah di-ambil keputusan di-dalam lawatan saya di-dalam negeri di-dalam dua bulan yang lepas, semua ranchangan² itu kita boleh jamin dapat di-laksana-kan di-dalam tahun ini.

Berkenaan dengan hal² bomba, pangkat² atau tingkat², ini pun ada satu hal di-dalam perentah Kerajaan Negeri, tetapi tujuan Kementerian saya juga ia-lah, jikalau boleh, kita buat satu dasar—satu uniformity of policy and uniformity of salary scheme. Tujuan Sekolah Pusat Latehan Bomba pun boleh beri chukup latehan untok pe-gawai² di-dalam Perkhidmatan Bomba atau Fire Services. Berkenaan dengan chadangan² bagi rumah kapada pe-gawai² ini, hal ini pun bukan di-bawah perentah Kementerian saya, tetapi tu-juan kita ia-lah, jikalau boleh, kita buat rumah bagi Pegawai² Bomba. Ini pun ada-lah satu hal yang saya boleh berun-ding dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara me-minta supaya di-beri lebeh peluang untok kursus bagi pemimpin² Kerajaan Tempatan, hal ini juga saya boleh ambil perhatian—jikalau kita dapat chukup peruntokan kita boleh timbang-kan perkara ini lagi.

Berkenaan dengan soalan Ahli² di-dalam Majlis Tempatan, chadangan Ahli Yang Berhormat ia-itu tidak ikut chara pemilehan tetapi lebeh baik Kerajaan lantek Ahli² di-dalam Majlis Tempatan. Parti Perikatan kita ada berjanji kita ikut satu dasar demokrasi berparlimen di-mana keadaan² ada-lah sesuai dan kita mesti jalankan dasar itu; tetapi kita chukup faham juga ada peringkat² di-dalam negeri ini yang kurang pengalaman dan lain²-nya, dan oleh demikian tidak tentu-lah kita boleh jalankan dengan sa-penoh-nya dasar ini. Hal ini sekarang ada-lah dengan chukup-nya di-timbangkan oleh Surohanjaya Penyiasat Penguasa² Tem-patan; kita mesti tunggu sadikit masa dan baharu-lah kita boleh dapat laporan-nya; sa-lepas itu baharu-lah dasar Kerajaan Pusat dapat di-terangkan.

Berkenaan dengan ujian untok kaki-tangan Bomba, perkara ini saya boleh ambil perhatian. Perkara ini jua ada di-masokkan di-dalam dasar baharu—buatkan satu Sekolah Pusat untok Pegawai² Bomba. Di-dalam sekolah itu, kita boleh timbang chadangan² dan buat lagi peringkat² ujian di-dalam sekolah itu.

Lagi satu chadangan oleh Yang Berhormat dari Seberang Utara ber-kenaan dengan undang² yang baharu bagi Kerajaan Tempatan. Di-dalam hal ini, Kementerian saya telah ambil tin-dakan ia-itu minta sa-orang expert Colombo Plan; saya ingat di-dalam masa yang pendek kita boleh dapat sa-orang expert yang boleh pereksa semua undang² berkenaan dengan Kera-jaan Tempatan, dan kita boleh menya-tukan semua undang² berkenaan dengan perkara ini. Perkara ini juga ada di-tim-bangkan oleh Surohanjaya Penyiasat Penguasa² Tempatan; dan mengikut laporan-nya, pada fikiran saya, kita boleh membaiki perkara ini.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Utara ber-kenaan dengan rumah urut, saya tidak

tahu-lah ada-kah rumah urut di-jadikan rumah pelachoran. Saya tidak chukup berpengalaman berkenaan dengan hal itu, tetapi saya dapat tahu juga rumah ini di-beri lesen mengikut undang², dan bilek² tidak berkunchi. Dalam pada itu banyak ada rumah yang tidak berlesen dan tindakan Mahkamah di-jalankan terhadap operators rumah itu.

Saya dapat tahu juga tiap² bulan pegawai² Pesurohjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur ada mengambil tindakan; mereka selalu melawat dan pereksa rumah urut ini. Tetapi ini tidak-lah termasok rumah² urut yang tidak ada lesen, dan di-mana² kita dapat tahu ada rumah urut yang tidak ada lesen, saya ada di-beritahu Pesurohjaya Ibu Kota ada-lah mengambil tindakan.

Berkenaan dengan soalan Peranchang Bandar dan Kampong, ini juga ada-lah satu hal di-bawah perentah Kerajaan Negeri, kechuali Kuala Lumpur sahaja yang ada di-bawah perentah Kementerian saya. Pada hal ini ada-lah chadangan Kementerian saya membuat satu undang², dan saya fikir di-dalam masa yang pendek kita akan buat satu Rang Undang² tentang hal ini; jikalau kita ikut undang² yang baharu kita boleh menyatukan polisi atau dasar di-dalam semua negeri² berkenaan dengan hal ini.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat menghapuskan pilehanraya, soalan ini ia-lah satu soalan yang mustahak. Oleh kerana Kerajaan Pusat dan Parti Perikatan, sa-bagaimana yang saya kata tadi, ada mengikut dasar demokrasi berparlimen (parlimentary democracy) kita mesti ambil tindakan berkenaan pilehanraya. Saya juga mengatakan tadi, ada perengkat² di-sini, di-sana, dan tidak tentu kita jalankan pilehanraya, tetapi tentang perkara ini kita kena tunggu laporan Surohanjaya Penyiasat Penguasa² Tempatan.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia ada berkata anggaran perbelanjaan Kementerian saya kechil, tetapi saya boleh jawab di-sini, ia-itu jikalau Kementerian saya hendak mengguna-kan wang lebeh daripada anggaran perbelanjaan, maka Kementerian saya boleh ambil tindakan meminta anggaran tambahan pada bulan yang akan datang. Berkenaan dengan soalan Peranchang Luar Bandar dan Kampong, tadi saya telah menyatakan perkara itu ada-lah di-bawah perentah Negeri, dan di-mana jika ada apa² hal Ahli Yang Berhormat tidak puas hati, lebeh baik Ahli Yang Berhormat itu berunding dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat tentang rumah murah, supaya Kementerian saya mengambil tindakan buat dasar integerasi yang boleh jadikan semua kaum² negeri ini tinggal di-dalam satu ranchangan rumah murah². Saya boleh jawab di-sini, ia-itu saya yakin dasar integerasi telah di-wujud dan di-laksanakan dalam negeri kita sampai masa sekarang di-dalam ranchangan² rumah murah di-dalam negeri. Sekarang rumah² itu boleh di-minta oleh ra'ayat di-dalam negeri ini; tetapi juga di-sana, di-sini, ada lain ranchangan² oleh kerana tanah di-situ ada-lah tanah Simpanan Melayu, dan sebab itu kita mesti-lah mengada-kan rumah² yang di-beri kapada orang Melayu. Kementerian saya ada juga menimbang hal² ini; jika ada satu ranchangan tanah Simpanan Melayu, ada-lah lagi satu Ranchangan di-buat bagi lain² bangsa. Perkara ini ada chukup di-timbangkan oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat ada-lah meminta peluang beruchap berkenaan dengan dasar integerasi. Saya boleh jawab, ia-itu di-dalam perbahathan tentang dasar Anggaran Pembangunan tahun 1968 pada 24hb Februari, Ahli Yang Berhormat akan dapat chukup peluang berchakap berkenaan dengan hal ini.

Berkenaan dengan soalan Peranchang Bandar dan Kampong, itu juga satu hal di-bawah perentah Kerajaan Negeri, dan tujuan Kementerian saya hendak buat satu undang² baharu dan Ahli Yang Berhormat boleh tunggu sadikit masa supaya dapat tahu macham mana kita boleh membaiki soalan ini.

Berkenaan dengan new Municipal Ordinance, hal ini pun ada di-timbangkan dengan chukup-nya oleh Surohanjaya Penyiasat Penguasa² Tempatan. Kita tunggu-lah laporan-nya dan boleh dapat tahu macham mana kita boleh ubahkan hal² ini. Berkenaan dengan laporan itu, ini-lah satu badan yang bebas; Kementerian saya tidak boleh memerentah macham mana Surohanjaya menulis laporan-nya. Oleh demikian kita mesti tunggu sadikit masa dan baharu-lah kita boleh dapat tahu, tetapi Yang Teramat Mulia Perdana Menteri hendak buat satu meshuarat dan di-dalam meshuarat itu ada-lah termasok Ahli² Parti Pembangkang, dan saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat boleh beri chadangan²-nya tentang perkara ini di-dalam meshuarat itu.

Berkenaan dengan soal tanah Tanjong Tokong di-Pulau Pinang itu, saya mendapat tahu itu ada-lah sa-keping tanah bagi Ranchangan Rumah Murah. Mengikut Perlembagaan negeri kita hal berkenaan rumah murah ada-lah di-bawah perentah Kerajaan Negeri—jikalau Kerajaan Negeri tidak bersetuju, Kementerian saya tidak boleh mengambil apa² tindakan. Tetapi, saya dapat tahu hal ini chukup di-timbangkan oleh Kerajaan Negeri, Pulau Pinang, sebab Kerajaan Pulau Pinang sudah ada membuat Ranchangan² Rumah Murah, dan di-tempat² ini ada-lah di-beri priority yang lain². Saya juga faham perkara rumah ini selalu ada di-rundingkan di-dalam meshuarat berkenaan dengan rumah murah di-Pulau Pinang. Jikalau Kerajaan Negeri bersetuju atas perkara ini, Kementerian saya boleh timbangkan chadangan berkenaan perkara itu.

Soalan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara berkenaan dengan pasar di-Tangkak, perkara ini juga mesti-lah melaluï Kerajaan Negeri, sa-lepas baharu Kementerian saya boleh menimbangkan perkara ini, kerana ini ada-lah di-dalam Development Estimates di-dalam Kerajaan Negeri atau di-dalam Kementerian saya. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat menulis surat melaluï Kerajaan Negeri tentang perkara ini.

Saya hendak menguchapkan terima kaseh atas pujian² Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan rumah murah di-dalam Ranchangan Kilat. Saya suka beri jawapan di-sini juga bahawa chuma rumah murah di-dalam Ranchangan Kilat boleh di-laksanakan di-dalam tahun ini; lagi pun ranchangan itu ada-lah ranchangan tambahan di-atas ranchangan² kapada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri biasa juga ada menjalankan Ranchangan Rumah Murah di-dalam Negeri masing². Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $645,232 untok Kepala B. 56; $454,774 untok Kepala B. 57 dan $223,677 untok Kepala B. 58 di-perentah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 59—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya meminta kebenaran mengemukakan Kepala Perbelanjaan B. 59 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bagi tahun 1968 ini jumlah perbelanjaan di-bawah kepala tersebut ia-lah sa-banyak $9,930,401 sahaja. Jumlah ini ada-lah menunjokkan kekurangan sa-banyak $621,849 daripada peruntokan bagi tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya suka menegaskan ia-itu Kerajaan sentiasa mementingkan usaha² untok meninggikan taraf hidup ra'ayat kita di-seluroh Malaysia Timor atau pun Barat. Banyak kejayaan² telah terchapai di-dalam bidang pembangunan dan kita akan terus menjalankan ranchangan² kemajuan yang di-fikirkan patut untok meninggikan lagi taraf hidup pendudok² di-negeri ini, terutama sekali pendudok² di-kawasan luar bandar. Dengan berpandukan kapada tujuan ini, maka Kerajaan akan meneruskan ranchangan² pembangunan saperti pembukaan tanah, pembenaan jalan² raya dan jambatan², mengadakan belakan² ayer,

mendirikan sekolah², pusat² kesihatan dan padang² permainan; membena ranchangan² taliayer, mengadakan bekalan letrik serta mengadakan kemudahan² mengusaha dan menjual hasil-mahsul luar bandar dan perusahaan² kampong. Di-samping itu juga Kerajaan, khas-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sedang meneruskan ranchangan² untok melipatgandakan lagi usaha² dan tenaga ra'ayat bagi menambah daya pengeluaran mereka di-bawah ranchangan² Gerakan Maju.

Berkaitan dengan usaha² ini Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, ia-itu di-bawah Pechahan-kepala 9 ia-itu, "Kursus Latehan" perbelanjaan sa-banyak $35,000 ia-itu $10,000 lebeh daripada peruntokan dalam tahun yang lalu, ada-lah di-sediakan bagi kursus² latehan yang lebeh luas dari tahun yang lalu. Kursus² Latehan ini ada-lah bagi memperluaskan lagi usaha² di-bawah Gerakan Maju supaya lebeh ramai Ahli² Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong dapat menerima latehan di-dalam serba aspek pembangunan yang di-fikirkan mereka patut mengetahui. Di-bawah Pechahan-kepala 32 pula, Tuan Pengerusi, ada di-sediakan peruntokan sa-banyak $10,000 bagi Peraduan² Kemajuan di-antara Jawatan-kuasa² Kemajuan Kampong. Ranchangan ini juga ada-lah satu daripada tindakan yang di-ambil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-bawah Ranchangan Gerakan Maju dengan tujuan hendak menggalakkan ra'ayat di-luar bandar mengambil peluang dengan sa-penoh²-nya bagi memperbaiki lagi taraf hidup mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai Ranchangan Pelajaran Dewasa pula Kementerian ini sedang membuat sadikit perubahan dalam perlaksanaan-nya. Mulai tahun ini bilangan kelas² Pelajaran Asas Bahasa Kebangsaan bagi tahun pertama akan di-tambah manakala bilangan kelas² Bahasa Kebangsaan bagi tahun ketiga akan di-kurangkan. Di-samping itu juga kelas² jenis Lateh-Kerja (vocational) akan juga di-buka.

Dengan perubahan ini bukan sahaja dapat di-jalankan satu usaha untok menjayakan gerakan Kerajaan berjimat-chermat bahkan juga menentukan supaya ranchangan untok membasmi buta huruf dapat di-jayakan mengikut kehendak kebangsaan dan selaras dengan konsep antarabangsa.

Sa-banyak 5,000 buah kelas Pelajaran Asas (tahun pertama) dan 3,000 kelas² Ekonomi Rumah Tangga dan Lateh Kerja di-buka dalam tahun ini. Berbanding dengan angka² tahun 1967 bilangan kelas² Pelajaran Asas bagi tahun 1968 ada-lah lebeh 1,500 buah manakala kelas² tahun ketiga di-kurangkan sa-banyak 2,900 buah kelas.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 10 peruntokan sa-banyak $320,000 telah di-masokkan untok Taman² Latehan Wanita di-Kuala Lumpur, Kepala Batas, Melaka, Trengganu dan Labuan di-Malaysia Timor. Sunggoh-pun peruntokan ini kurang $10,000 daripada peruntokan tahun yang lalu, ini tidak-lah berma'ana bahawa latehan bagi wanita² luar bandar untok menjadi suri² rumah tangga yang bijak atau pun menjadi guru² di-kelas² Pelajaran Dewasa Urusan Rumah Tangga akan berkurangan. Suka saya menyatakan di-dalam Dewan ini bahawa ranchangan latehan saperti ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ra'ayat terutama sa-kali wanita² yang dudok di-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, satu lagi daripada aspek pembangunan luar bandar yang sangat mustahak dan patut saya sebutkan di-dalam Dewan ini ia-lah penyimpanan wang bakal² Haji di-dalam Perbadanan Simpanan Wang Bakal² Haji yang telah di-tubohkan semenjak empat tahun yang lalu. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa wang yang di-simpan itu telah di-perniagakan dan telah dapat memberi sokongan kapada perindustrian dan ekonomi negara ini. Penyimpanan Perbadanan ini telah mendapat sambutan yang chemerlang daripada pendudok² yang berugama Islam di-negara kita terutama sa-kali yang dudok di-kawasan luar bandar. Di-dalam masa

yang sengkat, ia-itu empat tahun, Perbadanan ini telah menerima tidak kurang dari $8.4 juta daripada penyimpan² yang berjumlah sa-ramai 35,000 orang. Dalam tahun lalu lebeh daripada $3.7 juta telah di-simpan oleh penyimpan² di-dalam Perbadanan ini. Kutipan bulanan ada-lah di-anggarkan berjumlah sa-banyak $295,000.

Harta jangka-panjang Perbadanan itu sa-hingga hari ini berjumlah lebeh kurang $689,557 manakala harta jangka-pendek yang berupa saham² dan sher² ia-lah lebeh kurang $4,436,971. Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji atau Tabong Haji akan mengishtiharkan keluaran bonus yang berjumlah 4% daripada keuntongan² yang di-perolehi-nya daripada penanaman modal. Bonus ini akan di-masokkan kapada kira² simpanan penyimpan² yang menjadi ahli Tabong Haji di-antara 1hb Oktober, 1966 hingga 30hb September, 1967.

Pada awal tahun 1968 ini penyimpan² yang hendak menunaikan Fardzu Haji melaluï Tabong Haji ada-lah berjumlah lebeh kurang 1,400 orang, hampir² 500 orang lebeh daripada tahun 1967.

Oleh kerana ranchangan Tabong Haji ini telah di-perluaskan ka-Malaysia Timor, maka terpaksa-lah Perbadanan ini mendapat bantuan lagi daripada Kerajaan Pusat sa-hingga satu masa kelak apabila pendirian kewangan-nya kukoh.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menerangkan dengan lebeh lanjut lagi peruntokan di-bawah kepala yang sedang kita bahathkan ini. Di-bawah bahagian 'Am Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak ada tambahan berkenaan dengan jawatan, sa-lain daripada satu jawatan, ia-itu Pegawai Penyelidek, Penilaian dan Latehan dan satu jawatan Jurutrengkas sa-bagai penolong-nya. Tuan Pengerusi, jawatan² tersebut bukan-lah jawatan² yang baharu pada hakikat-nya, tetapi kedua² jawatan itu chuma pindahan daripada bahagian Pembangunan Masharakat dan Pelajaran Dewasa, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Perubahan ini di-buat ia-lah untok membolehkan ranchangan penyelidekan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-perluaskan daripada bidang Pembangunan Masharakat sahaja kapada segala usaha² dan kegiatan² Pembangunan Negara dan Luar Bandar seluroh-nya. Tujuan² penyelidekan itu di-buat ia-lah untok membolehkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar meneliti dan memperiratkan lagi perlaksanaan ranchangan² pembangunan.

Sekarang saya beraleh kapada muka 522. Di-bawah Majlis Amanah Ra'ayat (MARA) tiga jawatan telah di-kurangkan. Sebab² jawatan tersebut di-kurangkan ia-lah Pegawai² yang berkenaan telah di-tarek balek kapada perkhidmatan asal mereka masing². Ini tidak-lah berma'ana ia-itu Majlis Amanah Ra'ayat tidak mempunyaï pegawai² bagi menjalankan perkhidmatan² yang di-tentukan kapada jawatan² tersebut, sa-benar-nya Majlis Amanah Ra'ayat sendiri telah mengadakan jawatan² itu dan memenohi-nya dengan Pegawai² mereka sendiri.

Berkenaan dengan dua jawatan yang telah di-tunjokkan di-bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan saya suka menerangkan bahawa kedua² jawatan itu ada-lah untok dua orang pegawai yang telah di-pinjamkan kapada Lembaga tersebut. Gaji dan elaun mereka ada-lah di-bayar oleh Lembaga itu sendiri.

Berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat atas kemajuan² yang telah di-chapai hingga akhir tahun 1967. Sa-hingga akhir tahun lalu sa-banyak 67 ranchangan² tanah telah pun di-usahakan oleh Lembaga ini. Sa-jumlah 184,836 ekar tanah telah di-buka dan sa-ramai hampir² 12,035 keluarga telah di-tempatkan di-ranchangan² tersebut, 16 daripada ranchangan² itu telah di-tanam dengan Kelapa Sawit sa-bagai menepati dasar Kerajaan bagi memperluaskan lagi ekonomi negara kita. Saya berasa bangga mema'alumkan bahawa Malaysia dalam masa yang sengkat sahaja telah menjadi

negeri yang mengeluarkan banyak sa-kali Kelapa Sawit dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah penanam Kelapa Sawit yang terbesar dan terutama.

Sekarang saya, Tuan Pengerusi, beraleh kapada peruntokan bagi Negeri² di-Malaysia Timor. Oleh kerana bahagian² besar Ranchangan Penempatan sa-mula yang di-mulakan dalam masa Konfrantasi dahulu telah di-siapkan, maka kita telah dapat mengurangkan tiga belas jawatan² daripada enam belas yang telah di-adakan pada tahun yang lalu di-Pejabat Penempatan dan Pengumpulan sa-mula di-sana.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini wang sa-banyak $190,000 yang di-peruntokkan di-bawah Pechahan-kepala 25, muka 527 ia-lah untok Pentadbiran Pejabat Penempatan dan Pengumpulan sa-mula Malaysia Timor, dan suka saya menarek perhatian Dewan ini bahawa sa-banyak $180,000 daripada peruntokan itu ada-lah untok perbelanjaan letrik, kerana menjaga keselamatan di-kawasan² penempatan yang berkenaan. Perbelanjaan ini juga akan berkurangan dari masa ka-semasa apabila keadaan di-sana bertambah baik.

Mengenaï Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun pula, saya suka memberitahu Dewan ini potongan yang besar sa-kali di-dalam peruntokan ini ia-lah di-bawah Pechahan-kepala 14—Bayaran untok Guru² Pelajaran Dewasa yang telah di-kurangkan sa-banyak $500,000. Potongan ini chuma merupakan usaha ekonomi dan tidak akan memberi kesan yang burok kapada Ranchangan Pelajaran Dewasa.

Seterus-nya pula tambahan sa-banyak $30,000 di-buat keatas Pechahan-kepala 18—Pengangkutan dan Perjalanan ada-lah berdasarkan sa-mata² kapada keperluan² yang sa-benar-nya.

Berkenaan dengan perbelanjaan² khas di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum ia-itu $70,000 telah di-untokkan sa-bagai bantuan kapada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan Malaysia di-bawah Pechahan-kepala 31. Pertubohan tersebut ada-lah satu badan yang mempunyaï tujuan yang sama dengan Ranchangan Pelajaran Dewasa dalam bidang Pelajaran Ekonomi Rumah Tangga. Peruntokan tersebut ia-lah sumbangan bagi membolehkan pertubohan itu menjalankan usaha² memperbaiki keadaan hidup pendudok² di-luar bandar, ia-itu dengan chara ahli²-nya bekerjasama dengan pegawai² dan kaki-tangan² Bahagian Pelajaran Dewasa, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Perbelanjaan yang lain² itu ada-lah mengenaï perbelanjaan biasa yang di-belanjakan pada tiap² tahun.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permintaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya suka berchakap dalam Dewan yang mulia ini ia-itu di-muka 522, Butiran (27)—Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, mengenaï Majlis Amanah Ra'ayat rengkas-nya MARA atau dasar MARA ada-lah sangat² di-banggakan kapada kebajikan terutama sa-kali kapada kaum² bumiputra. Apa yang saya harap, Tuan Pengerusi, jangan-lah MARA ini apabila hendak menolong ra'ayat bumiputra jangan-lah terlampau cherewet sangat. Saya fikir apabila hendak menolong bumiputra memajukan perniagaan-nya kalau sa-kira-nya memohon kata-lah $5,000 ka-bawah, kira-nya ada, memadaï-lah dengan penjamin sahaja, Tuan Pengerusi. Kalau sa-kira-nya si-peminjam itu tidak mempunyaï apa² tanah untok menjadi sandaran, ma'alum-lah sahaja, Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu bukan-lah semua bumiputra itu yang menjalankan perniagan ada berharta yang boleh di-chagarkan. Kadang kala ada orang² yang menjalankan perusahaan-nya itu tidak mempunyaï harta, melainkan apa yang di-perniagakan, kerana tiada masa untok menchari harta terutama sa-kali hendak membeli tanah atau rumah sudah tentu-lah

perkara ini rumit sadikit. Dan kalau orang yang berniaga itu hendak menchari pekerjaan yang rumit ini sudah tentu-lah pula perniagaan-nya tertinggal. Jadi, saya harap MARA apabila hendak menolong peniaga² kechil yang memohon bantuan, dia tahu perniagaan²-nya itu akan maju, kira-nya ada modal lagi, jangan-lah kenakan berat sangat chagaran-nya.

Tuan Pengerusi, elok-lah di-buat satu atoran, oleh itu saya shorkan kapada pinjaman bagi memajukan perniagaan yang kurang daripada $5,000 di-kehendaki-lah penjamin sudah menchukupi. Kerana apa yang saya tahu dalam MARA ini banyak sunggoh pun Yang Berhormat kata di-kurangkan pegawai, tetapi maseh banyak pegawai² yang boleh menguasai perniagaan² kechil ini supaya dia membuat kemajuan dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Pengerusi, mengenai satu lagi perkara, pada fikiran saya suka hendak menyatakan di-sini mengenai Pekan Sa-hari yang di-usahakan oleh MARA sekarang ini, Tuan Pengerusi, nampak-nya sambutan-nya ada-lah lebeh daripada yang memuaskan oleh itu saya uchapkan tahniah. Jadi, dengan kerana sambutan yang di-jangka itu lebeh daripada yang di-jangka, maka saya harap di-tukar atau di-naikkan daripada sa-hari menjadi dua hari berturut². Kerana dengan ada-nya bagini, maka dapat-lah peniaga² kechil bumiputra itu mempelajari chara perniagaan sadikit demi sadikit dan juga apa yang saya dapati banyak barang² yang hendak di-jual di-pekan sari itu ada yang tidak dapat di-jual dengan masa yang tertentu ya'ani dengan masa sa-hari sahaja. Maka kira-nya ada dua hari sudah tentu-lah barang² yang di-perniagakan itu dapat-lah di-lanjutkan yang mana belum habis lagi itu. Jadi, saya harap dapat Kerajaan menimbangkan Pekan Sa-hari ini menjadi Pekan Dua Hari. Jadi, saya rasa di-atas satu bab ini sahaja-lah penting bagi bumiputra pada hari ini yang hendak menjalankan perniagaan sa-terus-nya sa-imbang dengan perniagaan² yang telah di-jalankan oleh mereka² yang bukan daripada bumiputra. Maka oleh itu, saya harap bagi pehak Yang Berhormat Menteri dapat memberi sa-bagaimana saya kata yang pertama dan yang kedua itu tadi, terima kaseh.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head B. 59, item (55), page 524, State Development Officer, Kuching. Sir, I note that the State Development Officer, if I may say, Enche' Harun, has been promoted to Federal Secretary in Kuching. Therefore, this post of State Development Officer should be Borneonised. Sir, there are many experienced Sarawak local officers who should be given a chance for promotion in order to have more effective system of Borneonisation for all top posts in Sarawak as stated in the Inter-Governmental Agreement. So, I honestly urge the Ministry to give this post to a local officer in Sarawak who knows more about our local conditions in Sarawak than a West Malaysian officer.

Next, Sir, I come to item (81) under Community Development and Adult Education Section on page 525. Sir, the purpose of initiating adult education in Malaysia is to educate those adults who had not got the chance of going to school in their younger days and to eradicate illiteracy in the country. But in the State of Sarawak, some members of the Adult Education staff have been used to campaign for the Alliance. These personnel are paid by the Government from public funds. Therefore, they are not supposed to take active part in politics.

If such practice is to be continued, then the Alliance Government must be held responsible for making use of the adult education other than for its original purpose.

Sir, to mix education with party politics in this way is not only dangerous, but a wanton misuse of public funds. The Alliance leaders had many a time warned the civil servants not to take active part in politics, but contrary to what they preached, the Alliance Government encouraged the civil servants to take active part in

politics in order to strengthen the Alliance Party. Surely the people—the general public as well as the civil servants—want to see adult education classes functioning properly for the benefit of all people irrespective of their origin, creed and political leanings. It is high time for the Central Government to examine the whole set-up of the adult education, especially in Sarawak, in order to find the best and unbiased means for the Ministry of National and Rural Development of channelling the public funds for our national benefit rather than for political expediency of one particular section of the community.

To eradicate illiteracy in this country, we need not necessarily teach the uneducated of how to read and write in one particular language. I think, for a start, it is only logical and best for the learner to be taught to read and write in his or her mother tongue. If we start teaching a learner in any language other than his or her language, it means we are forcing other languages down his or her throat, and this method does not go in line with the Government's policy to eradicate illiteracy in Malaysia. Thank you.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong di-atas anggaran yang di-peruntokkan kapada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang sa-banyak $9 juta lebeh ini. Pada pendapat saya ini pun maseh jauh kurang kira-nya boleh patut di-lebehkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya berchakap pada muka 522—Majlis Amanah Ra'ayat. Kita tahu Pengerusi MARA sedang melawat keluar negeri dia sedang melawat, melihat banyak kilang² di-luar negeri. Harapan saya bagi pehak MARA akan dapat membangunkan kilang² sa-berapa banyak yang boleh terutama sa-kali di-dalam kawasan saya berhubong dengan kilang minyak kepala saya ulangi kembali.

Yang kedua berhubong dengan rumah murah. Saya berharap kapada Menteri yang berkenaan pembenaan rumah murah yang akan di-bangunkan di-luar² bandar minta supaya tidak di-kenakan wang pendahuluan, kerana rumah² pangsa yang di-bena di-dalam bandar tidak di-kenakan kapada yang dapat wang pendahuluan. Pada hal pendudok² terutama sa-kali orang² Melayu di-luar bandar tentu-lah tidak terdaya hendak mengadakan wang di-antara $500, $600 atau $700 bagi mendapatkan sa-buah rumah yang di-jalankan oleh MARA. Jadi saya merayu-lah kapada Yang Berhormat Menteri supaya dapat pendahuluan bagi membangunkan rumah MARA ini minta-lah di-hapuskan, kerana sa-saorang yang berkehendakkan rumah MARA ini tentu-lah dia akan membayar.

Tuan Pengerusi, pada muka 528, Pechahan-kepala 33—Bantuan kapada Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji Malaya.

Tentu-lah kita tidak dapat menafikan atas kejayaan tugas² pegawai² perbadanan ini bagi memberi penerangan kapada seluroh umat Islam, tetapi saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri walau pun penerangan telah di-bahagi²kan di-seluroh Malaysia ini umpama-nya di-bahagian Selatan ada pegawai yang bertanggong-jawab untok Johor, Melaka dan Negri Sembilan. Saya minta tiap² Negeri di-dalam Malaysia ini hendak-lah di-letakkan sa-orang pegawai bagi memberikan penerangan² kapada umat Islam supaya dapat bersama² menyimpan wang dalam Tabong Haji ini, kerana kita tahu kita umat Islam kebanyakkan-nya maseh lagi belum dapat penjelasan yang penoh berhubong dengan perbadanan ini.

Tuan Pengerusi, pada muka 523—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya berchakap hanya merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya dapat di-bena sa-buah sekolah kebangsaan di-Ayer Kangkong, Jasin, Melaka, dalam Ranchangan Tanah ini, kerana kanak² yang ada di-Ranchangan Tanah ini terpaksa pergi belajar di-Kemendor yang jauh-nya lebeh kurang 2 batu dengan berjalan kaki. Rasa saya tapak bagi pembenaan sekolah ini telah ada hanya untok membangunkan sekolah sahaja. Kanak² kechil yang

ada di-sana tidak kurang daripada 100 orang. Harapan saya supaya dapat di-bena sa-buah sekolah di-Ayer Kangkong ini dalam tahun ini.

Sa-lain daripada itu kita tahu di-Ranchangan Tanah selalu pelawat² daripada luar negeri datang. Dengan ini saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri, di-kawasan saya di-Kemendor, di-Ayer Kangkong. Menggong dan Bukit Bulat, jalan² di-kawasan ini supaya dapat di-minyak tarkan kerana debu daripada tanah merah itu boleh jadi mengurangkan kesihatan kapada pendudok² di-dalam kawasan itu. Pada hal Kerajaan tidak ragu² memberikan kapada ranchangan mereka yang dudok di-dalam belok yang dia itu memang asal orang jahat tetapi di-beri jalan yang baik dan sempurna. Rasa saya mereka² yang dudok di-dalam ranchangan yang sa-rupa ini patut di-beri layanan berhubong dengan jalan kerana ini juga menjadikan kemegahan kapada kita untok pelawat² yang datang daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 7.00 malam.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 7.15 malam.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, di-dalam menyokong peruntokan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya suka berchakap pertama dalam Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, muka 523. Sa-panjang yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan pada hari ini ia-lah membuka tanah sa-chara besar²-an bagi tanaman getah, dan pada masa yang akhir² ini tanaman kelapa sawit. Kedua² jenis tanaman ini tiap² sa-orang peserta dalam Lembaga Kemajuan Tanah ini tidak akan dapat mengechap nikmat melainkan sa-telah 7 atau pun 6 tahun bagi tanaman getah dan 3 atau 4 tahun bagi tanaman kelapa sawit.

Jadi memandang kapada banyak-nya penganggoran yang ada dalam tanah ayer kita ini dan juga kapada naik-nya harga beras dan turun-nya harga getah, saya berharap dan mengshor kapada Kerajaan supaya menimbang membuka tanah² sawah yang lebeh dalam sa-ribu ekar bagi tanaman padi dan tiap² sa-orang peserta dalam ranchangan ini di-beri kemudahan² juga, sa-bagai mana peserta² di-dalam ranchangan getah dan kelapa sawit. Saya perchaya dengan tanaman yang sa-umpama ini peserta² itu akan dapat mengambil hasil yang sa-lewat²-nya satu tahun dan sa-deras²-nya enam bulan mengikut beneh² yang ada dalam Kementerian Pertanian pada hari ini.

Sa-lain daripada itu untok menampong kerja mereka lagi peserta² ini juga hendak-lah di-beri ternakan² bagi memenohi masa yang lapang itu.

Soalan yang kedua dan penghabisan sa-kali. Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai muka 528, Butiran 32—Peraduan² Kemajuan antara Jawatan-kuasa Kampong yang peruntokan chuma $10,000 sahaja. Saya rasa peruntokan ini adalah terlalu kechil, kerana peraduan Gerakan Maju ini baharu-lah di-lancharkan dalam masa dua tahun sahaja dan orang² kampong tidak-lah bagitu lagi faham sa-chara mendalam akan tujuan gerakan maju ini. Dan juga memandang kapada banyak-nya Jawatan-kuasa² Kampong dalam satu² Daerah, maka saya berharap Kementerian ini akan menambah peruntokan ini supaya dapat di-beri hadiah² yang lebeh besar lagi bagi memajukan Gerakan Maju.

Sekian, saya menyokong peruntokan ini.

Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas dua perkara sahaja dalam peruntokan wang dalam Jabatan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Yang

pertama berkenaan dengan peruntokan pada Majlis Amanah Ra'ayat dalamnya saya perchaya-lah pegawai² yang mentadbirkan Jabatan ini ada-lah di-beri tugas yang sangat besar ia-itu bagaimana hendak memberi pertolongan kapada bumiputra mengambil bahagian yang chergas dalam perusahaan dan perdagangan, sunggoh pun saya tidak menafikan kerja² mereka yang telah lampau banyak telah di-jalankan, tetapi maseh lagi banyak bilangan daripada bumiputra yang mahu mengambil chergas dalam perusahaan perdagangan berasa tidak puas hati, kerana chara² peratoran² yang di-jalankan oleh Bahagian ini. Sa-umpama-nya, jikalau ada bumiputra yang chergas di-dalam bahagian perusahaan sa-umpama bahagian kontrek² dengan Kerajaan sangat sukar hendak mendapatkan bantuan yang lebeh chergas dan lekas daripada Pegawai² MARA ini. Kerana, pegawai² MARA ini terpaksa ada berperengkat² daripada perengkat² Daerah, perengkat Negeri, perengkat Persekutuan yang mana mengambil masa yang panjang di-satu² perengkat itu menyiasat satu² permintaan, pertolongan yang di-kehendaki. Dan bila sampai masa untok mendapatkan persetujuan, maka bumiputra yang mendapat peluang umpama-nya tender² dari Jabatan Kerja Raya, tempoh hendak mengerjakan kerja itu pun habis, maseh lagi permintaan bumiputra ini dalam pertimbangan. Jadi, ini-lah rasa saya dapat pegawai² dalam Bahagian ini bagi menchari jalan bagaimana sa-lekas²-nya memberi pertolongan kapada bumiputra yang chergas dalam kerja² pemborongan ini. Saya memberi satu chontoh, sebab saya pada satu masa dahulu Setia-usaha kapada satu Persatuan Perborongan Melayu, Pahang, mendapat pengalaman² saperti saya cheritakan tadi. Jadi, saya harap Kementerian ini dapat mengarahkan atau memberi chara mengarahkan kapada mereka² ini dengan sa-chepat²-nya supaya jangan kerja² yang patut-nya boleh dapat kerja ini daripada Jabatan Kerja Raya ini dapat di-kerjakan dengan sa-deras²-nya dengan pertolongan daripada MARA ini.

Yang kedua patut MARA ini juga memberi bantuan dengan membekalkan bumiputra² yang chergas dalam kerja² pemborongan ini dengan barang² yang perlu. Saya tidak-lah mengatakan mesti di-beri wang, tetapi barang² yang perlu saperti simen, perkakas besi dan perkakas² lain yang berkenaan dengan bangunan² yang mereka itu dapat daripada Jabatan² Kerajaan. Jadi, dengan ini supaya dapat lekas di-beri pertolongan kapada bumiputra ini. Kalau perkara macham sekarang ini, saya fikir tidak dapat-lah kechergasan bumiputra mengambil bahagian dalam kerja pemborongan dalam Jabatan² Kerajaan. Saya tahu di-Negeri Pahang sahaja pada satu masa dahulu, kerana galakan daripada MARA, daripada Kementerian ini untok bumiputra mengambil chergas dalam bahagian ini, kita ada lebeh kurang 200 orang bumiputra mengambil bahagian yang chergas di-dalam kerja pemborongan ini. Tetapi pada masa sekarang oleh sebab kesulitan² saperti itu tadi, tinggal tidak lebeh daripada 12 atau 15 orang sahaja. Kesulitan² yang timbul mengapa banyak bumiputra ini mengundorkan diri ia-lah sa-bagaimana saya cheritakan tadi, chara² peratoran² yang di-jalankan oleh Bahagian MARA ini sangat tidak memuaskan hati.

Yang satu lagi saya hendak masok kapada berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Bahagian ini boleh di-katakan memberi kerja² yang boleh di-katakan memuaskan bati pada masa yang lampau dan pada masa ini, tetapi ada juga satu dua kesulitan yang rasa saya patut juga saya terangkan di-dalam Dewan ini ia-itu berkenaan pentadbiran yang di-jalankan oleh pegawai² dalam Ranchangan² Tanah Persekutuan ini. Saya selalu mendapat rayuan² atas tindakan² daripada pegawai² ini terhadap peserta² ia-itu meluchutkan hak² mereka yang ada dalam ranchangan ini dengan tidak memberi peluang kapada orang yang kena luchut itu di-hakimkan, atau pun di-bicharakan supaya mereka itu puas hati yang mereka itu betul membuat salah yang tidak dapat di-ampuni. Jadi, ini perkara telah terjadi baharu² ini satu perkara yang terjadi di-dalam Ranchangan Ulu

Jempol, peserta perengkat yang ketiga. Dalam penyiasatan saya perkara ini ia-lah di-sebabkan ada seliseh faham antara peserta dengan pegawai yang menjaga, mentadbirkan ranchangan ini dan oleh sebab saya perchaya-lah kekurangan pengalaman dan chara pentadbiran boleh menjadikan berbangkit-nya perasaan marah antara satu dengan lain dan kita tahu peserta² ini ia-lah kerana mereka² yang datang daripada jauh umpama-nya Negeri Kelantan, Kedah, Perlis dan sa-bagai-nya, dan mereka berharap kapada ranchangan ini-lah yang memberi dorongan keselamatan mereka pada masa hadapan. Tetapi, oleh sebab tidak ada persefahaman, kelichinan antara peserta dengan pegawai² ini, berbangkit-lah perasaan tidak puas hati dan mungkin dengan sebab itu berbangkit-nya, timbul-lah perkataan² yang boleh menyakiti hati antara satu sama lain, maka pergadohan telah terjadi yang mana peserta ini terpaksa hilang fikiran-nya menggunakan kekerasan atas pegawai² ini.

Pada fikiran saya perkara ini patut di-timbangkan dengan satu chara bagaimana boleh mendapatkan kepuasan hati kedua² belah pehak. Saya tidak menyebelahi kapada peserta, tetapi saya tidak juga menyebelahi kapada pegawai-nya. Jadi, dalam perkara ini, peserta ini telah di-berhentikan dan di-beri tempoh dan telah di-nyatakan kapada peserta ini yang dia tidak berhak lagi dudok dalam ranchangan ini, kerana kesalahan-nya ia-itu peserta ini telah memukul sa-orang daripada pegawai yang ada dalam tempat itu. Tetapi sebab saya kata kerana peserta ini orang yang terdesak, orang yang datang daripada jauh dan oleh barangkali silap faham, atau pun boleh jadi pegawai² ini menggunakan perkataan² yang kesat terhadap peserta² ini boleh menjadikan perkara yang saya cheritakan tadi. Jadi, ini-lah rasa saya timbul perkara ini tidak puas hati peserta² kerana tidak mendapat satu peluang kapada peserta² itu hendak mengeluarkan sebab-nya perkara itu terjadi. Bagi pehak yang di-atas pula chuma dapat menerima aduan² daripada pegawai² ini dan tindakan² di-ambil terhadap peserta ini. Jadi, ini rasa saya satu chara yang kurang baik, kerana ranchangan kita ia-lah hendak menolong mereka ini. Dan satelah kita timbangkan berthabit dengan kesalahan-nya daripada orang tengah, saya perchaya-lah yang mereka ini akan berpuas hati. Jadi, saya harap pada masa hadapan perkara² yang sa-macham ini dapat di-adilkan dengan sa-adil²-nya tidak-lah pehak yang di-atas chuma mendengar, mendapat penyata² daripada satu pehak sahaja supaya dapat di-timbangkan. Jadi, saya harap perkara ini pada masa hadapan tidak timbul kerana tujuan saperti saya katakan tadi, yang pertama sa-kali mereka datang daripada jauh dan mereka meninggalkan kampong halaman, boleh di-katakan di-jualkan harta² di-sana berharap dudok dalam ranchangan² ini dan sekarang terpaksa dia keluar dengan tidak ada pendapatan, dengan tidak ada harapan di-mana hendak pergi. Jadi, saya rasa ini satu penganiayaan kita beri atau kita timpakan kapada peserta² itu tadi.

Jadi, itu-lah, Tuan Pengerusi, atas dua perkara ini saya harap dapat pertimbangan dan penyiasatan lebeh halus supaya kejadian² saperti itu tadi tidak timbul lagi.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di-sini mengulas atas pendapat², tegoran² dan juga pujian² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat baharu² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat ada menyentoh, atau pun membuat tegoran berkenaan dengan MARA terlampau cherewet sangat. Tuan Pengerusi, sa-benar-nya MARA tidak cherewet, tetapi bantuan dan pertolongan yang di-berikan oleh MARA itu ada-lah dengan sharat ia-itu si-peminjam mestilah menerima nasihat² dari Pegawai² MARA. Ini ada-lah bertujuan untok menjamin kejayaan si-peminjam itu sendiri dalam apa² perusahaan, atau pun perniagaan yang hendak di-jalankan-nya.

Tentang chadangan Ahli Yang Berhormat itu saya menerima kaseh-lah atas chadangan yang di-buat supaya di-adakan atoran peratoran di-MARA

untok menguruskan perkara ini. Saya sukachita mema'alumkan bahawa peratoran ini memang sudah ada di-buat oleh MARA. Segala permintaan yang di-kemukakan kapada MARA ada-lah di-timbangkan mengikut peratoran² yang telah di-susun di-buat itu.

Tentang chadangan Ahli Yang Berhormat dari Krian Selatan supaya . . .

Tuan Ramli bin Omar: Krian Darat.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Minta ma'af. Krian Darat supaya Pekan Sa-hari itu di-adakan Dua Hari Saminggu. Ini boleh di-buat, tetapi terpulang-lah kapada Jawatan-kuasa yang mengelolakan Pekan² Sa-hari yang tersebut. MARA chuma mengadakan Pekan Sa-hari itu, perjalanan-nya sama ada di-adakan dia sa-hari, dua hari walau pun tiga hari ada-lah perkara di-dalam urusan di-dalam timbangan Jawatan-kuasa yang di-lantek oleh Pegawai di-Daerah² yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat juga membangkitkan perkara pinjaman wang dari mana dia menchadangkan supaya pinjaman yang kurang daripada $5,000 patut memadai dengan penjamin sahaja dengan tidak apa² chagaran di-buat di-atas atau pun terhadap hutang ini. Berkenaan dengan ini, Tuan Pengerusi, ada peratoran sekarang bahawa hutang sa-banyak $2,000 kabawah tidak di-kenakan apa² chagaran di-dalam perkara meminjam wang kurang daripada $2,000 itu memadai-lah mengikut peratoran ini, pinjaman ini di-perlukan chuma di-adakan dua orang penjamin sahaja. Bagi pinjaman yang lebeh dari $2,000 itu hendak-lah di-adakan chagaran yang chukup, dengan itu supaya wang Kerajaan yang di-keluarkan akan terjamin bayarannya oleh kerana wang MARA ini datang-nya sa-bagaimana Yang Berhormat ma'alum datang-nya daripada Kerajaan, maka hendak-lah di-jaga wang ini dengan sa-betul²-nya.

Yang Berhormat dari Sarawak ada membuat tegoran mengatakan pegawai² kaki-tangan kelas dewasa ada-lah digunakan oleh Kerajaan untok menjalankan da'ayah siasah bagi Parti Perikatan. Tentang ini, Tuan Pengerusi, pegawai² yang tersebut itu ada-lah bukan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarawak itu kaki-tangan Kerajaan. Orang² ini telah di-gunakan untok mengatasi masaalah kekurangan guru² dan penyelia², dan bukan-lah mereka ini termasok dalam ma'ana kaki-tangan Kerajaan, dan dengan itu sa-bagai ra'ayat negeri ini mereka itu boleh-lah menggunakan kuasa-nya sa-bagai ra'ayat supaya mengambil bahagian yang penoh dalam siasah, kechuali jika tidak ia mengambil bahagian siasah pada masa ia menjalankan tugas-nya sa-bagai kaki-tangan atau guru di-dalam kelas dewasa.

Tentang tegoran-nya bahawa orang² Sarawak ta' patut di-paksa belajar tetapi bahasa kebangsaan patut di-ajar bahasa-nya sendiri di-dalam kelas² dewasa. Tentang ini, Tuan Pengerusi, saya suka ma'alumkan bahawa ada-lah dasar Kerajaan supaya menggalakkan pengajaran di-dalam bahasa kebangsaan dan keputusan telah di-buat supaya bahasa kebangsaan ada-lah satu pelajaran yang di-ajarkan di-dalam kelas² dewasa yang telah di-adakan di-negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak juga menegor dan meminta supaya jawatan State Development Officer di-Sarawak itu di-beri kapada pegawai² di-Sarawak dan bukan di-lantek sa-orang pegawai daripada Malaya. Tuan Pengerusi, jawatan State Development Officer ini ada-lah jawatan Persekutuan (Federal) dan ada-lah mustahak jawatan S.D.O. di-Sarawak ini di-pegang oleh sa-orang Pegawai Federal oleh kerana dengan ada-nya sa-orang Pegawai Federal di-Sarawak, maka perhubongan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan atau pun Pejabat² Persekutuan ada-lah akan menjadi lichin. Dalam pada itu, pegawai² yang lain sa-lain daripada State Development Officer Sarawak ini termasok juga pegawai² di-peringkat Division One ada-lah kesemua-nya daripada anak² atau pendudok² Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ada menchadangkan supaya di-adakan sa-orang Pegawai Pembangunan Negeri yang berasingan untok Negeri Melaka. Ini, Tuan Pengerusi, saya fikir tidak perlu, kerana susunan yang ada

sekarang ini ia-itu di-adakan satu pegawai tersebut bagi Negeri Melaka dan Negri Sembilan ada-lah nampak-nya memuaskan dan di-pegang jawatan ini oleh sa-orang pegawai yang nampak-nya lichin menjalankan pekerjaan-nya, sunggoh pun ia menjagai, atau pun memikuli tanggongan kewajipan meliputi kedua² negeri ia-itu Negri Sembilan dan Melaka.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Pengerusi, untok penjelasan. Saya berchakap tadi bukan-lah pembangunan negeri tetapi Pegawai Perhubongan Bakal² Tabong Haji.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya minta ma'af, saya akan menyentoh juga perkara ini, tetapi saya rasa ada perkara State Development Officer satu untok Melaka dan Negri Sembilan ini di-bangkitkan oleh Yang Berhormat, kalau tidak saya minta ma'af tersilap saya.

Berkenaan dengan permintaan Yang Berhormat juga supaya satu sekolah di-adakan di-Ayer Kangkong, ini akan di-ambil perhatian dan saya akan beritahu kapada pehak² yang berkenaan supaya di-adakan sekolah ini.

Tentang chadangan Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga supaya banyak lagi kilang² saperti kilang kelapa di-dirikan. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, MARA memang ada chadangan untok mendirikan berbagai² kilang dan dalam tahun 1968 telah di-dirikan kilang kulit, kilang pakaian, kilang batek gulong dan juga kilang kelapa, satu jenis mesin kilang kelapa yang murah sesuai untok pekebun kechil akan di-chuba di-Kuala Selangor dalam tahun ini juga.

Dan tentang chadangan Ahli Yang Berhormat juga supaya Pegawai² Penerangan Tabong Haji di-tempatkan di-negeri ini, ini ada-lah chadangan yang baik, tetapi memandang kapada baharu-nya di-tubohkan pertubohan ini, saya berpendapat elok-lah di-tunggu dahulu, kalau sa-kira-nya keadaan pendirian wang pertubohan ini lebeh² kukoh daripada sekarang ini insha'Allah barangkali chadangan Ahli Yang Berhormat supaya di-tubohkan pegawai² di-merata negeri untok memberi penerangan berkenaan Tabong Haji ini akan di-timbangkan oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga menchadangkan supaya MARA tidak akan mengenakan bayaran pendahuluan dalam ranchangan membena rumah² di-luar bandar kerana tiap² orang yang hendak rumah itu tentu-lah akan bayar balek harga itu. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, MARA sanggup menarek balek wang pertarohan jika Kerajaan Negeri sanggup menjamin bayaran balek yang di-kutip tiap² bulan. Saya dengar Kerajaan Melaka telah pun menjamin bayaran bagi 40 buah rumah di-Bukit Katil. Saya harap Kerajaan Negeri lain pun akan menurut satu tauladan baik yang di-buat oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Saya terima kaseh juga kapada tegoran atau pun perkataan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman di-mana beliau telah mengatakan peruntokan bagi peraduan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong nampak-nya tidak chukup—dan patut itu di-tambah. Tentang ini, kalau mengikut saya, Kementerian saya kalau boleh banyak lagi anggaran yang saya suka, tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum keadaan kewangan kita sekarang ini ada-lah susah sadikit dan bagi permulaan saya berpendapat anggaran yang di-beri sa-banyak $10,000 itu memadai dahulu-lah. Dan sa-lepas berjalan perchubaan peraduan² ini dari satu masa ka-satu masa, maka timbangan² harus di-buat sa-lepas kita memerhati atas perjalanan peraduan² ini supaya menimbangkan lagi tambahan atau pun perkembangan wang² anggaran yang di-beri untok tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh ada mengatakan yang beliau tidak puas hati dalam lapangan perusahaan yang di-jalankan oleh MARA, oleh kerana kelambatan kelulusan. Ini telah di-bereskan. Sa-panjang yang saya tahu jika sa-kira-nya kelambatan sudah tentu-lah ada masaalah² yang tertentu; sunggoh pun demikian perkara² yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat itu

akan di-ambil perhatian dan kalau sa-kira-nya ada perkara² yang tidak kena yang patut di-perbaiki langkah akan di-ambil supaya kekurangan kesalahan itu akan di-perbaiki dengan segera-nya. Mengikut laporan yang diterima oleh Kementerian tidak ada berbangkit perselisehan faham di-antara pegawai² yang menguruskan tempat ranchangan² dengan peserta². Ini perkara perselisehan antara pegawai² dan peserta² sa-takat yang saya sendiri tahu selalu kadang² ada berbangkit kerana perkara menjaga mendisiplinkan, satu gulongan orang² yang datang daripada beberapa tempat yang ada datang daripada Pulau Pinang, ada yang datang daripada Perlis, ada datang daripada Perak dengan mempunyai tabi'at barangkali chara² bertutor berlainan, ada-lah satu perkara yang susah dan sa-bagai sa-orang pegawai menjaga ranchangan ada-lah saya fikir susah bagi dia hendak memuaskan hati kasemua peserta² di-dalam tempat ranchangan ini.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Untok penjelasan. Yang saya tujukan atas tindakan sa-telah berlakunya seliseh faham, atau pun pergadohan antara pegawai dengan peserta, tindakan yang di-ambil oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan terhadap peserta² ini tidak memberi peluang kapada peserta itu memberi penerangan² yang penoh atas perkara² yang terjadi. Umpama-nya, perkara terjadi di-Ulu Jempol—ini saya akan sampaikan kapada Yang Berhormat nanti untok penyiasatan lebeh lanjut.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak mendapat tahu atas kejadian ini, tetapi saya suka-lah mendapat laporan yang penoh berkenaan dengan peristiwa yang berlaku ini, tetapi saya suka juga membuat penjelasan dan satakat yang saya tahu peserta² ini bila masok ka-satu ranchangan, kalau saya tidak salah, mengikut perjanjian antara mereka dengan pehak F.L.D.A. dan di-situ di-letakkan berbagai² sharat didalam mana kalau sa-kira-nya orang itu engkar terhadap sharat² yang dibuboh di-dalam itu dia boleh di-pinta keluar daripada ranchangan itu oleh pegawai.

Tentang perkara keadilan ranchangan itu, saya setuju-lah kalau sa-saorang itu di-jangka sudah melakukan satu kesalahan atau tidak mematohi satu² sharat yang terkandong di-dalam perjanjian itu, maka ada-lah satu perkara adil bagi tiap² pegawai itu mendengar kedua² pehak, atau pun pehak yang telah di-chadang untok di-buang itu dan mengambil keputusan sa-lepas mengadakan perbicharaan, atau pun pendengaran dengan sa-adil²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menchadangkan supaya mengadakan pembangunan tanah sawah padi yang besar²an dan juga ternakan hendak-lah di-beri kapada orang² diranchangan tanah. Ini ada-lah ranchangan yang menghendaki wang yang banyak yang besar dan ada lebeh untong bagi F.L.D.A. menjalankan ranchangan² yang lain daripada menanam padi.

Tentang chadangan supaya ternakan hendak di-beri kapada peserta² didalam ranchangan, ini sa-takat yang saya tahu memang ada di-beri.

Itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, ulasan saya, terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $9,930,401 untok Kepala B. 59 di-perentah jadi sabahagian daripada Jadual.

Kepala B. 67—

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, saya memohon izin supaya perbelanjaan di-bawah Kepala B. 67 berjumlah $5,659,933 di-luluskan.

Chadangan² belanjawan ada-lah meliputi berbagai² bidang perkhidmatan termasok perkhidmatan² bagi orang² chachat, kanak² yang berkeperluan, pemulehan budak² nakal, pengemis² dan kuturayau², perlindongan perempuan² dan gadis, latehan sambil bekerja bagi pegawai² Jabatan, bantuan kapada waris orang² Malaysia yang telah terkorban sa-waktu membena Keretapi Burma/Siam dan bantuan kapada pertubohan² sukarela.

Tahun 1967 ia-lah tahun memperkokoh dan mengembangkan perkhidmatan² kebajikan yang di-sediakan oleh Kementerian Kebajikan 'Am. Di-bidang perkhidmatan bagi orang² chachat, Kementerian saya telah melancharkan ranchangan pemulehan yang mana kebolehan rohani, jasmani dan iktisad orang² chachat dapat di-kembalikan sa-takat kadar kechachatan mereka. Pusat Pemulehan bagi Orang² Chachat Anggota yang telah di-buka dua tahun dahulu tidak lama lagi akan mengeluarkan kumpulan pelateh² yang pertama untok bekerja di-luar dan di-bengkel² bertutup. Awal tahun lepas sa-buah Badan Pemasaran dan Perkhidmatan Lanjutan telah di-lancharkan bagi menambah pendapatan pekerja² chachat yang terlateh dan bekerja. Di-bawah ranchangan ini Kementerian saya telah melantek Pegawai² Pemasaran di-tiap² Negeri, melancharkan ranchangan² latehan samula supaya orang² chachat mengeluarkan jenis² barang yang di-sukaï ramai, menyediakan bahan² mentah dengan harga pokok bagi pekerja², menyediakan alat² dan tempat kerja, mencharikan pasaran bagi barang² yang di-keluarkan, dan lain² bantuan yang di-fikirkan perlu untok menjayakan ranchangan ini. Pendapatan pekerja² yang mengambil bahagian dalam ranchangan ini, Tuan Pengerusi, sekarang ia-lah antara $50 hingga $205 sa-bulan.

Perkhidmatan² bagi orang² tua, pengemis² dan kuturayau² juga telah di-luaskan. Sekarang ada sepuloh buah Pusat Pemulehan yang menyediakan dengan tegas-nya kemudahan² pemulehan. Perhatian juga sekarang di-beri kapada orang² berpenyakit melarat. Ranchangan telah di-mulakan bagi sa-buah Rumah yang akan menawarkan jagaan kediaman, perubatan sa-lepas keluar dari rumah sakit dan seliaan rawatan kapada orang² yang sa-bagini.

Perkhidmatan² bagi kanak² yang berkeperluan dan budak² nakal sedang di-perbaiki dan di-luaskan dengan terator. Sa-lain dari delapan buah Rumah Kanak² yang ada sekarang, sa-buah Rumah Kanak² baharu sedang di-bena di-Pulau Pinang dalam tahun ini.

Perkhidmatan² pemulehan bagi budak² nakal juga sedang di-luaskan. Sa-buah Rumah Tahanan Sementara/Asrama telah siap pada tahun lepas di-Pulau Pinang dan sa-buah Rumah lagi sedang di-bena di-Trengganu. Di-Sabah sa-buah Yayasan yang sa-rupa sedang di-bena dalam tahun ini di-Kota Kinabalu. Di-Sarawak Rumah Budak² sedang di-besarkan dan ranchangan² sedang di-buat untok menambah perkhidmatan² pemulehan bagi budak² nakal.

Persediaan sedang di-buat untok mengator perlindongan bagi perempuan² dan gadis yang terdedah kapada bahaya akhlak. Rumah baharu yang di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan sudah pun berjalan di-Cheras dan sa-buah Rumah lagi sedang di-bena di-Trengganu dalam tahun ini.

Kembali kapada Anggaran asal, jumlah peruntokan bertambah sa-banyak $182,227 daripada tahun 1967.

Gaji bertambah sa-banyak $69,296. Tambahan ini terdiri dari peruntokan bagi 11 jawatan baharu sa-bagai tergambar di-bawah Butir² (48), (61) (ii), (72) dan (100) ka-(106), dan kenaikan gaji tahunan biasa bagi kaki-tangan². Pembantu Pertanian Muda di-kehendaki di-Pusat Pemulehan Bagi Pengemis² dan Kuturayau², Mersing, Tukang² Masak bagi Sekolah Laki² Sungai Besi dan Rumah Kanak² Kuala Kangsar di-mana jawatan Tukang Masak terkurang dari yang di-perlukan, Kerani untok berkhidmat di-Pejabat Akhlak, Kuching dan lain² jawatan bagi kaki-tangan² Rumah Budak² Sabah yang sedang di-bena di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama. 12 jawatan Bahagian I dan 30 jawatan Bahagian II di-bawah Butir 69 (*a*) ada-lah jawatan Pegawai² Kebajikan Masharakat yang berpenchen di-dalam Negeri², yang gaji-nya di-bayar oleh Negeri² yang berkenaan.

Tambahan di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun, berjumlah $118,860. Tambahan ini terutama-nya di-kehendaki sa-bagai persediaan bagi penghuni² tambahan yang akan dudok di-Rumah² untok

pengemis² dan kuturayau² yang telah di-luaskan dan juga bagi Rumah Budak² di-Sabah, dan bantuan wang sa-banyak $15,000 kapada Persatuan Palang Merah Malaysia yang tanggong-jawab-nya telah di-serahkan kapada Kementerian saya dari Kementerian Kesihatan berikutan dengan wujud-nya Act Perbadanan Persatuan Palang Merah 1965.

Saya mesti-lah menyatakan bahawa Anggaran ini telah di-sediakan dengan sa-berapa jimat chermat sa-imbang dengan menyediakan perkhidmatan² kebajikan yang bermutu.

Tuan Pengerusi, saya memohon izin untok membentangkan chadangan ini.

Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, while rising to support the estimates for the Ministry of Welfare Services, I do feel that this Ministry with its limited funds within our country's economy has been doing yeoman service to the country, but I do feel also that if more funds are available, welfare services should be expanded. In this respect, Sir, I refer to page 566, Sub-head 14—Launching Grants. I beg to say, Sir, that in the State of Johore, especially in the coastal areas, the fishermen living right from Kukup up to Muar, all the stretch along the coastal areas, have time and again sufferred severe losses both through natural and unnatural causes. By unnatural causes, Sir, I mean the sporadic and occasional acts of piracy committed on the high seas on these poor fishermen, about which we have read time and again in the newspapers. Sir, many of these Fishermen have sufferred total losses of fishing gear and boats as well as lives, and many of them for the sake of survival have, by hook or by crook, managed to beg, borrow, or even steal to be on their feet again to go out to sea for their livelihood. However, Sir, it is regrettable to say that many of them, in spite of these efforts, have sufferred not once, but several times, from piracy. In this respect, Sir, all that they can do is to come back to report to the Police and the matter rests there. Of course, investigations have been carried out, but always to no avail. In this respect, Sir, I appeal to the Minister to have sympathy on these people and, if possible, to have a launching grant or even a launching loan for these people to draw from, so that they could make a living for themselves and their families. Thank you, Sir.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh pada B. 67, muka 566, Pechahan-kepala 23—Penyenggaraan Rumah² dan Yayasan². Tuan Pengerusi, dalam penyenggaraan rumah² yang ada di-dalam negara kita pada hari ini kebanyakan-nya sa-sudah rumah itu di-bena, sa-sudah rumah itu di-lengkapkan, sa-sudah rumah itu di-isikan dengan pendudok²-nya, sa-lepas itu pengawasan, pengawasan yang rapi, pengawasan yang teliti tidak di-ikuti kerana sering kali kita dapati rumah² ini ketinggalan bagitu sahaja, sama ada tempat tidor-nya baik atau tidak baik, sudah lapok atau tidak lapok, sama ada tempat makan atau minum-nya elok-kah atau tidak elok lagi, boleh di-pakai atau tidak boleh di-pakai lagi, maka ini terlantar bagitu sahaja. Ini ada-lah merupakan satu pandangan yang burok kapada masharakat kita jika kita tidak dapat atasi. Jadi, saya berharap penyenggaraan ini hendak-lah di-ikuti terus-menerus supaya dapat kita mengatasi segala tudohan² masharakat terhadap gulongan yang bawah untok mendapatkan tempat perlindongan daripada mata hari dan hujan.

Muka 567, Pechahan-kepala 41—Kemudahan dan Pengajaran. Dalam perkara ini kemudahan² pengajaran hanya di-peruntokkan sa-banyak $150 sahaja. Saya rasa, Tuan Pengerusi, kemudahan dan pengajaran ini, kalau $150, tidak sampai ka-mana, ta' usah-lah di-katakan di-seluroh negara; di-satu kawasan daerah sahaja pun tidak chukup mengadakan kemudahan² dan pengajaran berharga $150. Jadi, saya berharap kemudahan² ini dapat di-peruntokkan lebeh banyak daripada itu, kerana kalau-lah betul kita hendak membimbing kapada orang² chachat ka-arah keperimanusiaan dan hendak membetulkan penghidupan di-kalangan masharakat, maka hendak-lah kita

membimbing mereka ini dengan sa-benar² bimbingan, tunjok ajar dengan sa-benar² tunjok ajar supaya yang kita dapat pada hari ini mereka hanya dapat membawa bakul ka-sana ka-mari dengan tongkat sa-batang—ini tidak-lah sampai ka-mana. Sa-lain daripada yang telah di-ajar sa-bagai Talipon Operator dan sa-bagai Machine Operator, saya rasa banyak lagi per-kara² yang dapat kita perbuat.

Saya berasa kalau peruntokan hanya $150 ini tidak-lah berma'ana sama sa-kali dan saya harap kapada Kementerian ini dan sa-terus-nya kapada Menteri-nya sendiri supaya dapat berusaha memperkuatkan hujjah²-nya kapada pehak yang ber-kenaan untok mendapatkan peruntokan yang lebeh banyak daripada itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya tidak banyak hendak berchakap ber-kenaan dengan Kementerian ini, hanya bagi pehak kawasan saya Hilir Perak dan Parit yang telah di-landa oleh bah pada awal tahun 1967 dan akhir tahun 1967 ini, saya nampak kerja yang telah di-berikan oleh Pegawai² daripada Kementerian ini di-daerah² sangat memberi puas hati; mereka telah be-kerja siang dan malam bagi menyela-matkan orang² yang di-landa oleh banjir dan memberikan bantuan² yang segera kapada mangsa² itu. Jadi, saya dan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Parit telah mengambil pandangan dalam soal ini dan telah menyatakan kapada orang ramai dalam kawasan itu atas tindakan Kerajaan pada mangsa² ini, maka kami meng-uchapkan berbanyak² terima kaseh kapada khidmat yang telah di-berikan oleh Pegawai² Kebajikan Masharakat dalam masa dharurat itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentoh ia-itu ber-kenaan dengan orang² tua di-kam-pong² yang pada faham saya di-kawasan saya sendiri pun atau di-kawasan mana² pun banyak sangat orang² kita di-kampong² ini yang telah mendapat bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan 'Am ini, ada di-antara mereka yang dapat $10, $5, $20 sa-bulan. Tetapi telah menjadi tabi'at bahawa bantuan itu tidak me-rupakan bantuan yang sa-lama²-nya mereka itu akan terima, hanya dalam masa 6 atau 7 bulan. Tetapi orang tua ini 6 bulan atau 7 bulan makin lama makin tua dan kemudian dia datang balek minta bantuan juga akhir-nya kapada Jabatan ini. Saya rasa lebeh baik-lah orang² yang macham ini di-berikan bantuan yang agak panjang sadikit sampai-lah orang itu di-panggil oleh Tuhan kembali Kerahmatullah, baharu-lah dapat kita melepaskan tanggong-jawab kapada orang tua² ini. Sabab orang tua² ini nampak-nya kalau kita hendak masokkan ka-rumah orang tua pun dia tidak hendak, ma'-alum-lah kata-nya berchampor di-situ, dia sembahyang tidak dapat, kemudian dia hendak tengok anak chuchu dia. Jadi, susah sadikit-lah. Kalau sa-kira-nya pehak Kebajikan Masharakat ini untokkan duit sadikit kapada orang tua² yang memang umor-nya tidak berapa lama dalam sa-tahun dua sahaja bagitu dan kalau dapat di-berikan bantuan yang kekal kapada mereka ini sampai dia meninggal, saya rasa ada faedah-nya, ada banyak kebajikan-nya.

Saya, Tuan Pengerusi, tertarek hati benar apa yang di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat tadi sa-lain daripada kerja² Kebajikan ini, dia kata dia juga memberikan bantuan pemu-lehan kapada orang yang merayau² di-tengah² malam. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri ini berapa orang sa-lama Kebajikan Masharakat ini berkhidmat orang² yang merayau² di-tepi² jalan itu, di-tengah² malam itu yang telah dapat di-tangkap dan telah di-masokkan ka-dalam Rumah² Pemulehan Akhlak? Sebab saya tengok banyak juga orang merayau² di-tengah malam, tidak putus² sampai hari ini. Jadi kalau pun mereka ini hendak di-tangkap di-masokkan di-dalam Rumah² Pemulehan Akhlak, biar-lah mereka itu kalau keluar betul, besok benar² dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Dan bagitu juga kutu² embun, pemuda² yang tidak ada bekerja, tetapi menjadi orang² jahat, patut juga-lah Kemen-terian ini ambil perhatian dan kalau

dapat orang ini di-hantarkan, atau di-berikan pelajaran² yang boleh mereka itu berdiri di-atas kaki sendiri.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya menyokong-lah apa yang di-katakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat tadi tentang khidmat kebajikan yang telah kita berikan kapada orang² buta untok memulehkan kehidupan mereka itu. Sa-telah mereka pandai membuat bakul mithal-nya, ia pun merayau²-lah ka-hulu ka-hilir bawa bakul dia dua tiga buah dan minta-lah orang belikan bakul dia, kasehan juga kita menengok-nya, tetapi kalau chara macham itu, bukan-lah chara yang betul² kita hendak beri dia hidup, sebab orang buta ini, saya tengok ada sa-tengah²-nya dia pun bekeluarga juga; di-Kampong Datok Keramat mithal-nya ada satu tempat boleh di-katakan orang buta sahaja di-situ. Jadi kalau sa-kira-nya pehak Kebajikan Masharakat dapat membuat satu perkhidmatan kapada orang ini sa-kurang²-nya kalau bakul² sampah di-rumah² Menteri itu tidak ada, elok-lah di-beli bakul² sampah daripada mereka ini, atau orang² kita galakkan segala ikhtiar² atau kerja tangan mereka itu di-beli oleh Menteri² mithal-nya, saya rasa tentu-lah mereka mendapat galakan, tetapi kalau kita hendak beli di-tempat yang mahal² di-Supermarket mithal-nya tentu-lah orang ini akan kehilangan juga mata pencharian-nya. Kadang² mereka ini berjalan dengan tongkat sa-batang; melintasi jalan raya yang ada bas, lori, segala macham, kasehan menengok dia, dan saya rasa Menteri Kebajikan 'Am lebeh kasehan menengok orang yang macham itu. Sebab itu, saya minta-lah supaya Kementerian ini dapat membuat satu ranchangan bagaimana kerja orang² buta ini dapat di-tolong betul² sa-hingga dia dapat hidup dan dapat menjaga keluarga-nya di-belakang hari. Mungkin dia itu buta, tetapi anak dia besok boleh jadi chelek, tentu tidak ikut bapa dan emak dia. Kalau buta emak dan bapa dia, anak dia boleh jadi macham kita juga. Dengan kerana itu usaha bagi memperbaiki keadaan mereka mulaï daripada sekarang ini tentu-lah patut Kementerian Kebajikan 'Am ini membuat daya dan khidmat-nya yang baik.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya menguchapkan banyak terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah chuba membaiki kedudokan wanita² kita yang telah rosak akhlak. Di-dalam banyak² peruntokan di-sini saya tidak nampak di-dalam peruntokan itu ada guru² ugama mithal-nya yang di-khaskan untok mengajar pemulehan akhlak kapada wanita² kita yang telah rosak akhlak-nya. Saya pun tidak tahu berapa-kah sa-benar-nya jumlah wanita² yang telah rosak akhlak yang telah dapat di-kumpulkan oleh Kementerian ini. Walau pun khidmat ini sangat berguna ia-itu sa-lain daripada kita hendak membetulkan dari sudut kehidupan mereka ini, tetapi penyakit pelachor ini mithal-nya ada-lah satu tabi'at yang payah hendak di-ubah, melainkan ia-lah dengan akhlak dan dengan budi pekerti. Kalau budi pekerti ini tidak menjadi darah daging-nya, walau bagaimana pun kita suroh dia buat kerja menchari kehidupan, tetapi dia akan menchari satu kerja yang paling senang, tidak payah buat kerja apa², dia boleh chari hidup dan dia akan kembali ka-lapangan pelachoran itu. Walau pun pelachoran itu ada yang telah rosak benar, tetapi ada pela-chor² yang terhormat yang paling merbahaya lagi yang saya rasa Kemen-terian ini dan pegawai²-nya boleh memereksa beberapa tempat di-mana di-jumpaï banyak pelachor² yang ter-hormat yang merosakkan akhlak orang², pemuda² kita dan menchari kesenang-an diri sendiri dengan melachorkan diri-nya dengan sa-chara terhormat. Jadi saya rasa ini juga satu khidmat yang baik kalau Kementerian ini dapat menangkap-nya macham Jabatan² Penchegah Rasuah yang dapat tangkap pegawai², atau pun pegawai² Kerajaan yang besar² pangkat-nya bawa ka-mahkamah. Kalau Jabatan Kebajikan ini dapat tangkap isteri² beberapa orang² yang ternama mithal-nya yang melachorkan diri-nya dengan sa-chara terhormat di-bawa ka-mahkamah, rasa saya chara yang saperti itu akan dapat mengurangkan pelachor yang terhor-mat. Sebab ini-lah yang paling mer-bahaya sa-kali dalam masharakat kita

dan saya uchapkan pada Menteri ini terima kaseh banyak kalau sa-kira-nya dia dapat melakukan kerja ini dengan baik untok kebajikan masharakat kita masa yang akan datang. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1968 telah sampai pada Kepala B. 67, Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am dalam Rang Undang².

Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.30 malam.

PARLIMEN MALAYSIA